



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mesyuarat Dewan Rakyat Ditambah Dua Hari	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN	
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Jawatankuasa Pilih – Pelantikan dan Memilih Pengerusi dan Ahli-ahli	(Halaman 29)
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara – Memilih Pengerusi dan Timbalan Pengerusi	(Halaman 45)
Pengutukan Semula Peruntukan Perbelanjaan Bagi Kementerian-kementerian Yang Disusun Semula	(Halaman 55)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 73)
Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2007	(Halaman 80)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008	(Halaman 78)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. “ Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. “ Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C. (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS

22. Yang Berhormat Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
24. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. “ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
51. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB

55. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
56. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
57. “ Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
58. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) – SUPP
61. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
63. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)

11. Yang Berhormat Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)

16. Yang Berhormat Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nurul'aini binti Wahab

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Nooruanizam binti Nasir

Siti Khadijah binti Md Nor

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 26 Mei 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MESYUARAT DEWAN RAKYAT DITAMBAH DUA HARI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis memaklumkan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang bersidang sekarang, ditambah selama dua hari lagi iaitu dari 28 Mei hingga 29 Mei 2008. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kalabakan ini, saya nampak hari ini dia pakai *bow-tie*. Jadi *tie* yang tak panjang, saya harap soalan tambahan nanti jangan panjang-panjangkan mukadimah. Menjurus saja kepada soalan tambahan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya pakai *bow-tie* Tuan Yang di-Pertua kerana saya bersyukur soalan pertama keluar hari ini.

1. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:

- (a) berapa ramai pengusaha-pengusaha dari negeri Sabah yang sudah menerima manfaat program bantuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dikelolakan oleh agensi-agensi di bawah kementerian; dan
- (b) berapakah jumlah bantuan yang telah diperuntukkan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera melalui program sedemikian.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi membangunkan usahawan menerusi strategi dan pendekatan yang bersepadu. Bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang kondusif dan pembangunan modal insan, bahkan juga menerusi pembiayaan dan bantuan industri kecil dan sederhana atau IKS termasuk di Sabah;

Sehingga Mac 2008, seramai 12,437 usahawan dari negeri Sabah telah mendapat kemudahan pembiayaan di bawah

program industri kecil dan sederhana yang dikelolakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dan

- (b) dalam tempoh yang sama jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan kepada pengusaha bumiputera dari negeri Sabah berjumlah RM631.25 juta. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Jadi kita nampak banyak pengusaha kecil seramai 12,000 rakyat jelata di Sabah telah pun diberi bantuan. Persoalan tambahan saya singkat saja Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama, kita tidak mahu bagi banyak kemudian semuanya, "*Hidup segan, mati tak mahu*". Kita mahu kalau boleh, walau tak banyak sekali pun, kita nampak usahawan-usahawan ini dapat berdikari kerana daripada 12,000 ini di Sabah saya ingat kalau kita tinjau betul berapa banyak yang hidup, walhal yang mati lebih banyak dan menanggung hutang lebih banyak.

Jadi apa usaha kementerian untuk memberikan suatu pengertian yang betul supaya mereka ini yang betul-betul meniaga, yang segan-segan meniaga hanya mahu pinjaman saja kita tak mahu layan. Kita layan yang betul-betul saja supaya mereka ini berjaya. Jadi adakah rancangan kementerian kerana kita nampak di Sabah sekarang bagi saja. Tak ada kursus, penelitian daripada kementerian atau pun agensi. Jadi bermasalah rakyat tahu ada pinjaman, bagi pinjaman. Kemudian tak dipantau, meniaga lingkup. Jadi adakah cara untuk memperbaiki keadaan ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pembangunan usahawan di negeri Sabah, untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan yang dibuat oleh MeCD ialah dua cara.

Yang pertama, mana-mana usahawan yang baru kita akan terus bantu. Mana-mana usahawan yang sudah cemerlang, kita mesti julang sehingga ia menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ada tiga pendekatan kita:-

Yang pertama, nak membudayakan masyarakat bumiputera di mana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, *target* kita ialah sebanyak RM1.5 juta. Setakat ini, daripada RM1.5 juta matlamat kita telah dapat membudayakan 599,997 masyarakat bumiputera ataupun 39.9%.

Yang kedua, setelah kita membudayakan mereka, kita juga ingin melahirkan mereka menjadi usahawan di mana dalam RMK-9 *target* kita ialah seramai 150,000 usahawan baru. Setakat hari ini dalam tempoh dua tahu, kita telah dapat melahirkan 67,533 orang usahawan baru ataupun 45% daripada RMK-9.

Yang ketiga, setelah mereka jadi usahawan baru, kita memantapkan lagi mereka di mana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sasaran kita adalah seramai 25,000 usahawan sedia ada kita akan mantapkan. Setakat ini, kita telah dapat memantapkan seramai 10,618 orang iaitu lebih kurang 42.5%. Dengan usaha-usaha yang ada ini kita yakin bahawa usahawan yang telah pun kita latih akan dapat dipastikan jadi usahawan yang berjaya. Dalam masa yang sama kita juga telah bekalkan skim yang dinamakan Rangkaian Niaga di mana kita akan memilih *anchor* untuk satu-satu projek dan *anchor* ini yang akan membantu MeCD untuk membimbing usahawan-usahawan yang dilahirkan melalui angker-angker ini. Terima kasih.

▪ 1010

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, kalau kita melihat dan meneliti tentang kejayaan sebagai contoh, Grameen Bank di Bangladesh, yang diusahakan oleh Dr. Muhammed Yunus baru-baru ini mendapat *Nobel Peace Prize*, yang dianugerahkan dengan skim *micro credit* yang sangat berkesan.

Kita ada Bank Pembangunan di Malaysia ini dan kita ada banyak bank kecil yang dikatakan dapat membantu industri IKS ini. Soalan tambahan saya, adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat, bank-bank ini semua telah dapat memenuhi dan dapat menepati dan mencapai objektif untuk membantu IKS ini? Kerana kita lihat, terlalu banyak halangan-halangan yang terpaksa dilalui oleh golongan peniaga kecil ini, dan *Ah Long-Ah Long* yang beroperasi ini masih banyak dan kita melihat peniaga kecil terpaksa bergantung dengan *Ah Long-Ah Long* ini. Jadi kita mendapati bahawa bank-bank yang diharapkan untuk membantu IKS ini masih gagal dan masih tidak dapat mencapai matlamatnya. Adakah kerajaan serius, untuk meneladani, sebagai contoh Bangladesh, Profesor Dr. Muhammad Yunus yang telah berjaya dalam membantu dan menjadi suatu penghargaan dunia terhadap Bank Grammen ini? Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kubang Kerian. Memang matlamat kerajaan untuk kita memastikan supaya usahawan-usahawan baru tidak menghadapi masalah apabila mereka memohon pinjaman. Sebab itulah, kementerian telah memperkenalkan beberapa tabung *micro credit*, di mana melalui MARA, melalui Bank Rakyat, juga melalui TEKUN, di mana pinjaman di bawah RM50,000 ini kita tidak mengenakan cagaran ataupun penjamin. Dalam erti kata lain, sepatutnya usahawan tidak perlu meminjam daripada *Ah Long*. Jika hendak RM50,000, tidak perlu penjamin dan juga tidak perlu cagaran.

Namun demikian, kita sedar ada beberapa halangan, birokrasi dan sebagainya. Sebab itulah mulai 1 Jun ini, semua agensi-agensi bawah MeCD mesti memberi sebab, mengapakah permohonan-permohonan ini ditolak. Mereka yang permohonannya ditolak, boleh merayu kepada kementerian dan kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Rayuan, di mana kementerian boleh meluluskan secara terus, jika alasan-alasan penolakan itu didapati tidak munasabah.

Baru-baru ini kita telah lancarkan pula satu tabung yang baru dinamakan Skim Jaminan Usahawan Kecil ataupun SJUK, di mana RM50 juta telah kita peruntukan melalui TEKUN. Usahawan-usahawan yang ingin pinjam RM10,000 ke bawah, sehingga RM50,000 mereka boleh memohon melalui Tabung SJUK ini.

Namun demikian, walaupun apa jua rungutan yang diberikan oleh rakyat tetapi saya lihat peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan di bawah MeCD sebagai contoh daripada TEKUN, pada tahun 2006, kita dapati ada RM10,736 usahawan telah dapat pinjaman; tahun 2007 meningkat kepada RM13,844. Daripada jenis pembiayaan juga telah meningkat pada tahun 2006, RM72.7; manakala tahun 2007 meningkat sehingga RM128.97.

Program pembiayaan perniagaan MARA, pada tahun 2006 hanya 8,595 orang usahawan, pada tahun 2007 meningkat kepada 11,192 usahawan. Pembiayaan juga meningkat pada tahun 2006, daripada RM317.4 juta, ia telah meningkat pada tahun 2007 kepada RM547.2 juta. Melalui SME Bank pada tahun 2006, 757 usahawan; dan tahun 2007 meningkat kepada 1009 usahawan. Peruntukan juga telah meningkat pada tahun 2006, RM1.76 bilion meningkat kepada RM2.37 bilion pada tahun 2007. Ini menunjukkan walaupun ada rungutan-rungutan tetapi jumlah usahawan yang kita lahirkan telah meningkat dan juga peruntukan yang kita sediakan juga telah pun meningkat pada setiap tahun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Mohamed Hayati bin Othman.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Iskandar Malaysia jangan digadaikan,

Batu Puteh terlepas ke Singapura,

Menteri Pengangkutan pohon jawapan,

Soalan saya nombor dua.

2. Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan keseluruhan di dalam menaik taraf landasan KTM kepada *double tracking*; dan
- (b) jumlah penempatan/rumah yang terpaksa dipindahkan di dalam pembesaran landasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah pantun, esok hari nanti ada sajak, puisi. Sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pendang:

- (a) Jumlah perbelanjaan keseluruhan menaikkan taraf landasan KTMB ataupun Kereta Api Tanah Melayu Berhad kepada *double tracking* adalah seperti berikut:
 - (i) Projek Landasan Berkembar elektrik, Ipoh-Padang Besar, RM12.48 bilion; dan
 - (ii) Projek Landasan Berkembar elektrik, Seremban-Gemas, RM3.45 bilion.

Jumlah keseluruhan kedua-dua projek ini Tuan Yang di-Pertua, RM16.35 bilion.

- (b) Berdasarkan bancian semula pada Oktober 2007, jumlah setinggian kediaman yang terlibat dan perlu ditempatkan semula bagi Projek Landasan Berkembar elektrik Ipoh-Padang dan Projek Landasan Berkembar elektrik Seremban-Gemas masing-masing adalah RM1,521; Perak RM394; Pulau Pinang RM565; Kedah RM557; Perlis 5 bersamaan dengan 86 keluarga; Negeri Sembilan RM57; Melaka RM27; dan Johor RM2.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pedang.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Jikalau kita lihat *double tracking* dari Ipoh ke Rawang telah pun siap beberapa tahun dan sekarang ini tidak ada pun set komuter yang menjalani *double tracking* tersebut. Ini kerana didapati 50% daripada komuter berada dalam keadaan *maintenance* dan tidak ada alat ganti untuk memperbaiki. Begitu juga *double tracking* Pelabuhan Tanjong Pelepas sudah tiga tahun siap tetapi hanya satu tren kargo yang menggunakannya dalam satu hari. Kemudiannya dari Seremban ke Gemas, dulunya diberi kepada ERCON dari India tetapi ditangguhkan kemudian diberikan semula dengan syarat SCOMI mendapat RM1 bilion projek di India.

Jadi saya hendak tahu, apakah peningkatan, dulu RM8 bilion sekarang naik sampai RM16 bilion ini disebabkan oleh ada projek timbal balas yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang berada di bawah 'ketiak' Perdana Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua bagi soalan yang pertama itu saya tidak perlu jawab, pasal itu tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

Cuma tentang soal di bawah 'ketiak' Perdana Menteri ini. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kita bagi kepada ERCON sebab kita ada *G to G* perundingan. Iaitu di mana pengusaha-pengusaha daripada negara kita mendapat kontrak untuk membina jalan raya di India. Jadi ini adalah perundingan di antara kerajaan *G to G*, jadi tidak ada kena-mengena dengan 'ketiak' Perdana Menteri dan sebagainya. Siapa yang boleh berusaha, sama ada dia anak Perdana Menteri, anak pembangkang, kalau dia ada usaha untuk dapat kontrak di luar negara, apa salah? Tidak ada salah! Itu penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, tidak manis guna perkataan 'ketiak' Perdana Menteri. Kena tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Lain kali semua janganlah guna perkataan yang tidak elok didengar, termasuk Batu Pahat juga. Terima kasih mengingatkan saya. Yang Berhormat Bukit Bintang.

■1020

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, terdapat banyak kemalangan kereta api tergelincir dari landasan menyebabkan kemalangan lintasan berlaku sepanjang tempoh lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, bagaimanakah cara KTM memantau laluan rel antara stesen agar ia selamat digunakan sepanjang masa ini dan apakah punca utama kemalangan dan kelewatan tiba rel ini? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Okey, daripada Yang Berhormat Bukit Bintang...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk dahulu, *point of order*.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: 36(6), jadi kita minta mungkin perkataan yang begitu kesat, bertujuan jahat dikeluarkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah Yang Berhormat. Tadi pun...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita minta *ruling*, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, kita boleh cakap apa juga dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kalabakan, saya dengar itu. Jadi, ini istilah bawah 'ketiak' ini, baru juga saya dengar. Ada orang...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Itulah Tuan Yang di-Pertua. Baru dengar pun, tetapi kita, kalau begitu kita tak perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Untuk kali ini saya ...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dia BNkah, dia pembangkangkah, kalau yang perkataan kesat, kita terpaksa. Tuan Yang di-Pertua, mesti...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan, terima kasih. Itulah tadi, saya terus sebut, bahawa lain kali, elok elakkan jangan menggunakan perkataan-perkataan yang tidak elok Yang Berhormat gunakan kalau di luar Dewan. Saya sentiasa ingatkan itu, tetapi ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka menggunakan perkataan-perkataan yang tidak elok itu. Jadi, buat kali ini, tidak mengapalah. Lain kali, jangan buat lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab kepada penjelasan tadi.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang. Kemalangan kereta api ini bukan berlaku di Malaysia sahaja bahkan di negara Jepun, negara China, dan lain-lain negara yang cukup canggih. Jadi Malaysia ini juga tidak terkecuali daripada berlakunya kemalangan kereta api.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kita di KTMB ini mempunyai *engineer*, arkitek dan ada mungkin setiap minggu, kita membuat pemeriksaan di landasan kita. Jadi kalau apa pun, kalau pun berlaku kejadian sedemikian, ini adalah merupakan satu takdir.

Kedua, mungkin kelemahan manusia.

Ketiga, mungkin juga barangkali ada kelembapan dalam landasan kita akibat takungan air dan sebagainya. Ini antara punca-puncanya berlaku kereta api tergelincir. Jadi itu penjelasan saya kepada soalan tambahan Yang Berhormat Bukit Bintang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Memandangkan ini soalan yang penting, *Point of Order* 24(3), Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan Ahli mengeluarkan pertanyaan untuk soalan tambahan ketiga, memandangkan kawasan saya, berdasarkan projek ini, terdapat 394 keluarga terpaksa dipindahkan... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mereka dalam keadaan sudah terdesak, saya pohon jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, memberikan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Taiping, terima kasih. Kita sudah tetapkan bahawa cuma dua soalan tambahan sahaja. *Point of order* ini, apabila kita bangkitkan, ia cuma berkaitan kalau ada kecacatcelaan mesyuarat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Memang ini perkara yang penting. Sebab itu, saya pohon Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak peluang lagi Yang Berhormat, banyak peluang lagi lain kali.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sungai Boyan di Taiping ini, ramai keluarga ibu tunggal ini, mereka terdesak. Mereka tidak ada tempat tinggal atas projek ini. Saya pohon...

Tuan Yang di-Pertua: Banyak peluang lagi Yang Berhormat, banyak peluang lagi lain kali.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Berilah peluang untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Taiping, siaran langsunglah, siaran langsung...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudi jawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudi jawab.

3. **Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah yang dirawat di pusat-pusat serenti di seluruh negara dan berapa ramai di antara mereka yang telah dapat dipulihkan dan balik ke pangkuan masyarakat.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada rombongan KEMAS dari Kota Tinggi ke sesi soal jawab pada pagi ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Paya Besar dan saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat daripada Tanjong Manis oleh sebab ia dibangkitkan atas isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan mengenai bilangan penagih yang dirawat di pusat-pusat serenti, sehingga akhir April 2008, seramai 7,335 sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti di seluruh

negara. Sepanjang tahun 2002 sehingga 2007, seramai 42,297 penagih dadah telah berjaya menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat serenti menyediakan program rawatan dan pemulihan yang komprehensif meliputi aspek fizikal, kesihatan, psikologi, vokasional dan kerohanian. Melalui program tersebut, penagih-penagih berjaya diberi rawatan dan pemulihan untuk membebaskan diri mereka daripada pergantungan terhadap dadah. Selepas menjalani rawatan di pusat-pusat serenti, bekas penghuni pusat serenti, diletakkan di dalam pengawasan selama 2 tahun di balai-balai polis dan pejabat-pejabat AADK daerah di seluruh negara, bersama-sama kes yang diperintahkan terus menjalani pengawasan dalam komuniti.

Bilangan pengawasan dalam komuniti dari tahun 2002 sehingga 2007 adalah 82,882 orang. Secara purata, bagi tahun 2002 - 2007, sejumlah 1.2% telah meninggal dunia, 21.5% masih menagih dadah, 44.6% tidak dapat dikesan dan 32.7% telah berjaya tamat program pengawasan. Pada akhir tahun 2007 sahaja, daripada 18,774 orang yang menjalani pengawasan dalam komuniti, sejumlah 7,580 orang atau 40.4% telah tamat program dan berjaya dipulihkan untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar, ada soalan? Tiada. Yang Berhormat Tenggara.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tenggara, Tenggara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berdiri, pakai merah nampak daripada jauh. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk pemulihan dalam komuniti yang disediakan oleh kerajaan untuk mengurangkan stigma masyarakat dan juga keluarga terhadap mereka ini? Kita perhatikan, apa juga bentuk program yang diaturkan oleh kementerian melalui pusat serenti, apabila mereka keluar kepada masyarakat, keluarga masih lagi tidak dapat menerima mereka.

Akhirnya, kes-kes berulang, berlaku dengan lebih tinggi lagi daripada kes-kes baru. Saya juga hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan pernah menilai kembali, kaedah rawatan serta *modality* pemulihan yang telah pun disediakan? Kalau ada, adakah kerajaan telah berpuas hati terhadap kejayaan yang telah pun dilaksanakan oleh kementerian melalui program yang telah dibuat di pusat-pusat serenti? Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Tenggara yang dengan lantang telah bertanyakan soalan, buat tak? Tidak pakai baju merah pun saya nampak...
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kes-kes stigma ini, oleh sebab ada stigma, baru-baru ini kita memperkenalkan, mereka yang berasa tidak yakin untuk kembali ke masyarakat oleh sebab penolakan keluarga atau kawan-kawan atau stigma negatif masyarakat, kita ada satu program yang dipanggil Desa Damai. Ada satu yang kita buat di Larkin. Di mana mereka dilatih untuk berdikari dan mereka dilatih untuk menjadi peniaga dan supaya mereka dapat dengan sendirinya memulakan hidup apabila mereka keluar kalau tidak diterima oleh masyarakat.

Itu adalah salah satu pendekatan dan kita akan terus mengkaji pendekatan-pendekatan supaya ia berkesan. Dari masa ke semasa, saya boleh katakan program ini berjaya, tetapi sekarang kerana banyak penambahan kes-kes yang menggunakan *synthetic drug*, itu pun adalah sesuatu yang membimbangkan, dan kita akan terus mengkaji bagaimana kita dapat mempertingkatkan keberkesanan untuk menjayakan setiap program yang dilaksanakan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah kemajuan dan keberkesanan dalam menangani masalah dadah ini, sama ada penagih ataupun pengedar dadah. Oleh sebab terdapat maklumat-maklumat yang membimbangkan hari ini di seluruh negeri, di seluruh pelosok ada penagih

dadah. Bahkan pengedar sudah sampai ke peringkat antarabangsa yang melibatkan rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu kalau kita lihat baru-baru ini oleh sebab kesan daripada pengedaran dadah ataupun penagihan, kita telah memulakan secara lebih agresif lagi program-program di bawah AADK, iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga anti narkotik di bawah polis untuk kita menentukan lebih banyak operasi untuk menangkap mereka yang terlibat.

■1030

Oleh itu, ini adalah secara berterusan tapi untuk menjayakan program-program sebegini kita memerlukan bantuan daripada NGO, masyarakat untuk sama-sama kita membantu supaya program-program begini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah strategi kerajaan untuk menarik graduan-graduan yang lebih bermutu untuk berkhidmat dalam bidang pengajaran supaya anak-anak Malaysia akan mendapat mutu pengajaran yang lebih tinggi. Adakah gaji guru-guru akan ditingkatkan untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih. Persoalan ini adalah merupakan satu *statement* daripada OECD yang menyebut dalam, usaha kita meningkatkan kecemerlangan pendidikan ia memerlukan kepada guru-guru dan orang-orang yang benar-benar berminat menjadi guru, dengan izin, *"that competent people want to work as teachers that their teaching is of high quality and that all students have access to high quality teaching"*.

Persoalan ini adalah begitu baik sekali dalam usaha Kementerian Pelajaran sekarang, memartabatkan dan memajukan sistem pendidikan kita dan ini termaktub dalam agenda PIPP atau Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 sehingga 2010 yang mencatat tentang usaha memartabatkan profesion perguruan dan menyebut lima strategi:

- (i) menambah baik sistem pemilihan guru;
- (ii) memantapkan latihan perguruan sama ada latihan peringkat pra mahupun dalam perkhidmatan;
- (iii) memantapkan kerjaya guru yakni dari segi perkhidmatannya;
- (iv) persekitaran kerja dan juga kebajikan guru termasuklah insiatif, insentif dan elaun-elaun khas yang diberi kepada guru; dan
- (v) dari segi perancangan dan pengurusan sumber manusia.

Setakat ini kita dapati bahawa sambutan yang amat menggalakkan dari segi permohonan di kalangan pelajar-pelajar kita, terutamanya pelajar-pelajar lulusan SPM untuk menceburkan diri di bidang perguruan ini malah ketika ini kita sedang memproses permohonan 108,394 calon daripada SPM untuk mohon menjadi guru dan daripada kalangan pelajar-pelajar lulusan universiti KPLI terdapat kira-kira 60,000 orang yang memohon. Ini adalah merupakan sumber mentah yang perlu diproses oleh pihak IPG.

Berhubung dengan gaji guru pula, sistem gaji guru sama ada berkelulusan diploma ataupun ijazah adalah ditetapkan oleh pihak berkuasa melantik iaitu SPP, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Tangga gaji, saya ingin sebutkan di sini bagi PPLD yakni lulusan diploma bermula gajinya itu daripada RM1,405.71 kepada maksimumnya, ini gaji pokok, ialah RM3,336.21. Bagi lulusan ijazah daripada RM1,695.85 kepada tertinggi RM4,645.85. Ini adalah merupakan gaji pokok tidak termasuk emolumen yakni insentif-insentif yang diberi.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan perguruan juga menjanjikan laluan kerjaya yang menarik seperti peluang kenaikan pangkat secara biasa ataupun

secara *time base* yang tidak dapat dalam perkhidmatan lain dan secara *fast track* melalui pengiktirafan sebagai guru pakar ataupun guru cemerlang, pengetua pakar ataupun pengetua cemerlang dan juga peningkatan akademik menerusi program pensiswazahan dan juga peningkatan profesional melalui latihan-latihan dalam perkhidmatan ataupun disebut sebagai CPD atau *continuous professional development*.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di Singapura gaji permulaan bagi seorang siswazah... [Dewan riuh]

Sedarlah, hendak tahu Timbalan Menteri sedar soalan ini... [Dewan riuh]

Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa di Singapura gaji permulaan adalah daripada 2,800 Dolar Singapura dan sekarang di Malaysia RM1,700 sahaja. Kalau bakal yang berbakat perguruan tidak ditarik masuk dalam bidang perguruan macam mana kualiti perguruan akan dipertingkatkan supaya pelajar-pelajar kita mendapat kualiti pelajaran yang lebih baik. Saya harap Timbalan Menteri akan memberi pertimbangan kepada cadangan supaya gaji guru diberi kelas yang *special*, eksklusif supaya wang Petronas yang banyak pendapatan ini dapat kita gunakan dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Kata orang lain padang lain belalangnyanya. Lain suasana, lain negara lain pula kaedah-kaedah perkiraannya itu... [Tepuk]

Maka sebenarnya dari semasa ke semasa, Kementerian Pelajaran sentiasa menyemak dari segi elaun dan insentif malah pada 16 Mei yang lalu sempena Hari Guru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut tentang enam insentif baru termasuk juga penstrukturan semula Kementerian Pelajaran di mana guru-guru biasa yakni dalam kumpulan guru cemerlang itu boleh meningkat sehingga kepada JUSA 'C'. Ini adalah merupakan sesuatu yang cukup istimewa.

Namun saya perlu sebut di situ warga pendidikan kumpulannya adalah terlalu ramai. Di sekolah rendah sahaja terdapat kira-kira 200,000 orang guru, di sekolah menengah 153,000. Ini jumlahnya kira-kira 360,000 orang guru adalah merupakan satu keluarga yang cukup besar.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat tertarik dengan pengumuman-pengumuman oleh pihak kementerian tentang peluang kenaikan pangkat guru-guru yang diumumkan, sama ada oleh Perdana Menteri ataupun oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tetapi apa yang saya nampak bahawa yang berlaku sekarang, dari segi pelaksanaan sebenarnya belum lagi berlaku di padang sama ada di jabatan ataupun di sekolah.

Saya dapati walaupun dengan berlakunya penggredan ataupun penstrukturan semula Jabatan Pelajaran dengan ketua sektornya yang seharusnya diberikan jawatan DG52, tetapi mereka ini belum lagi mendapat kerana kelambatan dan kelembapan yang berlaku diproses oleh pihak kementerian.

Demikian juga dengan jawatan-jawatan di PPD yang masih ketinggalan berbanding dengan jawatan di sekolah yang sekarang masih kekal dengan DG48.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Soalan saya bilakah ataupun *time frame* yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan kekosongan jawatan-jawatan yang diumumkan supaya cikgu mendapat manfaat dengan pengumuman-pengumuman tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih. Memang kalau boleh kita hendak segerakan segala-galanya tapi kadang-kadang kita tidak mempunyai lampu Aladin untuk memulakan dengan segera. Namun begitu Bahagian Sumber Manusia sedang mengkaji dan cuba melaksanakan secepat mungkin mungkin lebih-lebih lagi yang telah dibuat pengumuman

pada 16 Mei yang lalu. Di antaranya ialah kenaikan gred kepada PPD, Pegawai Pendidikan Daerah daripada skim DG48 kepada DG52 dan DG54.

Ini adalah merupakan sesuatu yang telah pun dijanjikan dan sudah pasti saya kira JPA di Bahagian Perkhidmatan dan juga Bahagian Sumber Manusia akan mengambil tindakan-tindakan yang secepat mungkin untuk memberi dan meraikan guru-guru kita yang jumlahnya begitu ramai sekali. Terima kasih.

5. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan membuka lebih banyak tanah rancangan FELDA untuk para peneroka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Silam yang mengemukakan soalan yang berkaitan dengan FELDA, yang saya anggap satu soal yang menunjukkan keprihatinan beliau kepada FELDA ini.

■1040

Jadi jawapan kepada soalan ini adalah pada 1 Januari 1990, kerajaan telah mengambil keputusan tidak lagi mengambil peneroka baru di tanah-tanah rancangan. Jadi, mulai tahun 1990, keputusan tidak memasukkan peneroka ini ada banyak justifikasinya, tapi secara ringkas saya nak maklumkan bahawa antara justifikasinya itu ialah kerana kita nak mengurangkan beban kewangan kerajaan dan juga kerana masalah kekurangan tanah.

Oleh kerana itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan terpaksa menyediakan sejumlah peruntukan yang besar untuk mewujudkan sebuah penempatan baru dan menyediakan banyak kemudahan asas seperti jalan raya, sekolah, klinik, kemudahan awam dan sebagainya. Di samping itu, tanah-tanah baru yang sesuai untuk dibangunkan semakin terhad dan berkurangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos untuk menempatkan peneroka di rancangan FELDA adalah tinggi berbanding tahun awal pembangunan FELDA dahulu. Kos penempatan seorang peneroka sekitar tahun 80-an adalah di antara RM35,000.00 hingga RM55,000.00 di Semenanjung. Bagi Sabah pula, kosnya adalah antara RM80,000.00 hingga RM90,000.00. Kos ini adalah terdiri daripada kos pembangunan tanah, penyediaan tapak, penyediaan rumah, cukai dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2006, kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk membuka dan mengkaji semula dasar pengambilan peneroka ini tertakluk persetujuan kerajaan negeri menawarkan tanah baru untuk pembangunan. Keputusan ini diambil sebagai salah satu usaha mengatasi isu kemiskinan yang masih terdapat di beberapa negeri. Pembukaan tanah baru ini perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri-kerajaan negeri untuk dibangunkan oleh FELDA.

Sebagai mengatasi kos penempatan dan infrastruktur yang besar, kerajaan mencadangkan supaya model pembangunan tanah yang baru ini adalah berdasarkan kepada pembangunan ladang tanpa penempatan. Terpulanglah kepada kerajaan negeri-kerajaan negeri memberikan pertimbangan menawarkan tanah baru kepada kerajaan Pusat di samping mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri untuk membantu penduduk miskin. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat iaitu bermulanya Rancangan Tanah Silabukan yang dibuka dan terletak di kawasan Parlimen Silam juga merupakan rancangan tanah yang pertama dibuka di negara ini terutamanya di negeri Sabah. Saya melihat bagaimana apabila FELDA ini dalam tahun 1990 ketika saya masih bersekolah lagi, memang saya mengalu-alukan peranan Kerajaan Barisan Nasional yang memajukan kawasan luar bandar.

Melihat kepada kos yang semakin meningkat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan peranan FELDA di abad yang ke-21 ini iaitu dalam tahun 2006, apabila FELDA membuat dasar untuk membenarkan semula bagi memajukan tanah yang belum ditadbir ataupun dimajukan. Maka saya bertanya, apakah

perancangan kerajaan untuk bagaimana kita dapat mengatasi masalah kemiskinan yang menjadi tumpuan utama kerajaan sekarang ini, terutamanya di kawasan saya sebab saya melihat sejumlah 137,172 hektar tanah FELDA yang ada di negeri Sabah ini termasuk di dalam kawasan Parlimen saya.

Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu apakah dasar kerajaan sekarang ini menerusi FELDA untuk mewujudkan bandar-bandar wilayah ataupun mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan saya? Saya juga berharap supaya pembangunan itu diutamakan, ditumpukan di kawasan Parlimen Silam sebab ia merupakan kawasan Parlimen yang boleh merangkumi keluasan tiga buah negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Kawan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Terima kasihlah kerana minat beliau dan juga keprihatinan Yang Berhormat kepada kawasannya dan mengakui bahawa kejayaan-kejayaan yang telah dibawa oleh FELDA membangunkan masyarakat di kawasan Parlimennya itu. Untuk rekod, hari ini kita ada mempunyai lebih kurang 480 projek ataupun rancangan yang ada di FELDA yang melibatkan hari ini kawasan lebih kurang 853,313 hektar yang ditanam sama ada sawit, getah, tebu dan sebagainya dan melibatkan lebih kurang 112,635 orang peneroka. Untuk Sabah sendiri, kita ada mempunyai seramai 1,649 peneroka termasuklah di Silam.

Berkaitan dengan pertanyaan tadi, saya telah memaklumkan tadi bahawa keadaan kemiskinan di beberapa negeri ini telah membuatkan kita melihat dan cuba membantu. Ruang mana yang patut kita boleh bantu dan untuk Sabah khususnya saya nak maklumkan bahawa kerajaan Persekutuan telah bersetuju melalui tahun 2006, FELDA memberi sumbangan kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan program yang menjurus kepada pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat di negeri Sabah. Jumlah sumbangan yang dipersetujui ialah untuk tempoh lima tahun berdasarkan 30% keuntungan bersih ladang FELDA di Sabah. Keputusan untuk memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri Sabah diambil kerana kerajaan Persekutuan mendapati negeri Sabah masih lagi ramai penduduk yang miskin tegar. Kita bukan saja lihat, tapi kita membantu. Bukan macam di sebelah sana, tengok yang tidak betul saja.

Jadi oleh kerana itu, sumbangan pertama yang kita buat pada tahun 2006 berjumlah RM50 juta iaitu sejumlah RM25 juta kita salurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, manakala RM25 juta lagi kita salurkan kepada kerajaan negeri. Untuk mengenal pasti program dan juga projek membasmi kemiskinan yang sesuai, ramai yang akan minta dari segi peruntukan ini.

Kita telah menubuhkan pula satu Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahlinya terdiri daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk menyelaraskan sumbangan ke arah program tersebut di kalangan penduduk negeri termasuklah di Silam. Kalau misalnya ada perancangan, permohonan, bolehlah dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal ini untuk mereka menilai perlu atau tidak dan sama ada perlu disegerakan dan sebagainya.

Jadi saya nak maklumkan jumlah sumbangan yang telah dibayar oleh FELDA setakat ini kepada Kerajaan Negeri Sabah adalah seperti berikut:

TAHUN	NILAI (RM/Juta)
2006	50.00
2007	30.96
2008	84.97
Jumlah	165.93

Jadi kerajaan berharap melalui pelaksanaan program ini akan dapat mengurangkan kadar kemiskinan penduduk di negeri Sabah dan sambil itu mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara kerajaan negeri dan juga dengan kerajaan Persekutuan. Maknanya kita lihat dan kita bantu sama.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kadang-kadang soalan tambahan itu tidak dipanjangkan tapi melilit, sehingga saya bingung siapa yang seterusnya. Batu Kawan.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Timbalan Menteri. Ini soalan tambahan tentang sistem FELDA ini yang satu ketika mungkin kita kagum. Bukan saja kita tapi negara-negara seperti Brazil...

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Apa yang saya mahu katakan di sini, adakah sistem FELDA ini masih relevan di Malaysia? Sama ada FELDA ini boleh mengurangkan kemiskinan seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, sebab kita rasa pada dua tiga dekad ini, mungkin FELDA masih relevan sebab status pembangunan Malaysia ini masih rendah.

▪ 1050

Dalam konteks perbandaran dan komersialisasi, saya rasa FELDA ini perlu dikaji balik sama ada FELDA ini boleh mengatasi masalah kemiskinan di samping itu FELDA boleh memberi harapan kepada penduduk-penduduk yang tidak ada tanah. Seperti itu juga, kita tahu di sini sistem pemilikan tanah pun telah berubah sekarang. So, itulah saya minta timbalan menteri jawab, sama ada FELDA ini masih relevan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat daripada Batu Kawan tadi. Biasalah tidak relevan, relevan ini. Kita memang inilah bahasa dia. Jadi pada kita pula kerajaan kita melihat sesuatu yang sudah relevan. FELDA itu masih lagi relevan dan kerana itu kita mencari jalan cara macam mana hendak memperbaiki lagi daripada keadaan yang baik, cemerlang dan terbilang ini.

Jadi untuk tujuan itu sebenarnya, dari segi pihak kerajaan dulunya FELDA ini dilihat hanya sebagai satu pembangunan tanah sahaja, diusahakan oleh kerajaan negeri tetapi hari ini oleh kerana bebanan Kerajaan Persekutuan dan sebagainya diserahkan kepada FELDA itu sendiri untuk membangunkan.

Jadi hari ini sama ada relevan atau tidak, hari ini saya hendak maklumkan dalam 50 tahun ini FELDA telah berada di persada dunia kerana pelaburannya bukan hanya setakat pembangunan tanah dalam negara tetapi juga hari ini kita sedang berusaha untuk pergi keluar. Relevan atau tidak, Yang Berhormat Batu Kawan jawablah sendiri. Pada saya memang relevan kerana saya melihat tadi soal kemiskinan kita tidak boleh bercakap sahaja. Kalau hendak bercakap soal kemiskinan ini tidak akan dapat kita hapuskan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Jawapan, jawapan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jawapannya, maknanya kalau ikut dari kita cakap sahaja tidak ada tetapi bagi kita, kita lihat benda ini dan kita bantu dan ini akan memakan masa sedikit sebanyak pembangunannya kita lihat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tidak berani jawab.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jadi soalnya tadi, berkenaan dengan Brazil dan sebagainya rombongan daripada FELDA telah pun pergi ke negara Brazil untuk mengkaji sama ada program FELDA ini sendiri boleh dilaksanakan oleh Brazil. Negara lain mengakui dan minta kita melabur di sana tetapi Yang Berhormat Batu Kawan dia tengok tidak relevan dan sebagainya. Ini biasalah.

Jadi kita melihat dan mencari jalan dan Insya-Allah dari hari ini FELDA kita lihat semenjak FELDA diberi tanggungjawab di bawah Jabatan Perdana Menteri khususnya di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, keadaannya telah melonjak daripada satu pembangunan tanah kampung, hari ini sebagai konglomerat yang sungguh besar melabur di luar negara dan sebagainya tanpa memandang ataupun melihat dalam

negeri sendiri. Maknanya dalam negeri pun ada, di luar negara pun kita sudah mulakan.

Insya-Allah dengan sambutan dan bantuan-bantuan yang kita beri ini dia akan memberikan bantuan ke arah rancangan kita, program kita untuk hendak membasmi kemiskinan ini. Jadi terima kasih.

6. Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (i) apakah sebab-sebab kerajaan menangguhkan Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Amerika dari dimeterai; dan
- (ii) apakah implikasinya terhadap daya saing perdagangan dan ekonomi negara berbanding dengan negara-negara jiran yang sudah memeterai perjanjian tersebut.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, rundingan terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas ataupun FTA antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah pun dilancarkan pada 8 Mac 2006 dan sehingga kini tujuh pusingan rundingan telah kita adakan di mana kedua-dua belah pihak masih meneruskan perbincangan terhadap isu-isu yang dirundingkan sehingga satu hasil yang memuaskan dan membawa manfaat kepada kedua-dua belah pihak dicapai.

Bermakna, kita tidak tangguhkan dan rundingan ini masih diteruskan. Pusingan terakhir diadakan di Kuala Lumpur pada 14 hingga 17 Januari 2008 tahun ini dan sejak itu rundingan teknikal diadakan melalui *video conferencing* dan juga telefon dan pusingan yang berikut dijangka akan kita adakan pada bulan Julai tahun 2008 ini.

Memandangkan liputan Perjanjian Perdagangan Bebas ataupun FTA adalah suatu yang komprehensif dan dijalankan di dalam 19 kumpulan kerja rundingan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan, perkara-perkara yang dirunding ini memerlukan pertimbangan yang teliti untuk mencari penyelesaian yang akan memberi faedah kepada negara. Malaysia tetap berpendirian bahawa keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kepentingan negara dan tidak langsung dikongkong oleh tempoh masa atau pun perkembangan politik domestik di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini hanya sebuah negara jiran di ASEAN yang telah memeterai dan melaksanakan FTA dengan Amerika Syarikat iaitu Singapura namun FTA Singapura - Amerika Syarikat kurang mempunyai implikasi yang ketara pada Malaysia dari segi perdagangan barangan buatan. Malaysia masih merupakan rakan perdagangan kedua terbesar di rantau ASEAN dan juga sumber import global Amerika yang ke-13 terbesar yang menyumbang 1.7% jumlah import global Amerika. Ini adalah kerana produk-produk yang berkepentingan eksport bagi Malaysia tidak bersaing secara langsung dengan Singapura.

Menurut laporan *Congressional Research Service* dengan izin, pada tahun 2006, Singapura merupakan destinasi ketiga terbesar bagi pelaburan Amerika di rantau Asia Pasifik. Pelaburan asing daripada Amerika yang diterima oleh Singapura meningkat daripada USD40.8 bilion pada tahun 2001 kepada USD60.4 bilion pada tahun 2006.

Di samping itu, terdapat juga syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan Amerika yang menempatkan operasi mereka di Singapura. Kerajaan kita sentiasa mengawasi semua perkembangan-perkembangan ini dan akan terus melaksanakan strategi dan juga pendekatan yang bersesuaian untuk menangani persaingan daripada negara jiran kita ini.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang menjawab.

Soalan tambahan saya, Malaysia berdepan dengan China yang mempunyai pasaran yang besar, tenaga buruh yang murah dan kos pengeluaran yang rendah. India

yang juga mempunyai pasaran yang besar, tenaga buruh yang murah dan juga kepakaran dalam teknologi maklumat.

Ketiga, dengan Thailand yang maju dalam bidang pertanian, peningkatan pelaburan dalam pembuatan dan memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Amerika Syarikat.

Keempat, begitu juga seperti mana Yang Berhormat Menteri katakan dengan Singapura yang maju dalam bidang perkhidmatan dan sudah memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Amerika Syarikat..

Pertumbuhan ekonomi negara hari ini hanya bergantung pada kenaikan harga komoditi minyak, kelapa sawit, petroleum dan gas. Bagaimanakah kerajaan dapat menyelesaikan masalah peningkatan pengangguran di kalangan lepasan universiti institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah yang semakin meruncing sekiranya tidak ada pelaburan baru baik dari dalam pembuatan mahupun perkhidmatan.

Adakah kerajaan bersedia mengolah polisi menggalak rakyat Malaysia bekerja di luar negara yang dapat mengurangkan kadar pengangguran dan meningkat eksport perkhidmatan negara. Terima kasih.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa di rantau kita ini terdapat banyak negara-negara yang sekarang ini sedang pesat membangun dan disebutkan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi seperti negara China, India malahan di kalangan negara-negara ASEAN kita, Vietnam yang satu ketika dahulu agak ke belakang, sekarang ini agak begitu pesat juga membangun apalagi negara Thailand dan Singapura.

Bermakna rantau kita ini menjadi satu kawasan perdagangan dan perindustrian dan pelaburan yang rancak dan persaingannya makin meningkat. Kita akui hal ini dan dari segi strategi dan pembangunan ekonomi negara kita ini termasuk di sektor perdagangan dan pembuatan pun kita mengambil kira fakta-fakta yang disebutkan tadi kerana pastinya yang hendak kita lihat dalam tempoh yang akan datang bahawa kita tidak akan berhadapan dengan satu masalah yang mana satunya perdagangan kita merosot.

■1100

Saya ingin maklumkan sebagai contoh perdagangan dengan Amerika Syarikat dari segi barangan, produk dan juga perkhidmatan kita agak menurun sedikit pada tahun 2007 tetapi fakta yang ada ialah kita meningkat. Pasaran produk kita di rantau ASEAN sebagai contoh, mengatasi Amerika Syarikat buat pertama kali. Kemudian, Jepun yang selepas kita memeterai satu perjanjian perkongsian ekonomi dengan Jepun setahun yang lalu juga meningkat dengan mendadak.

Australia yang dahulu tidak merupakan satu kawasan perdagangan kita yang agak penting, sekarang ini sudah juga meningkat dan bertambah selain daripada negara China dan juga negara India. Jadi justeru itu, bagi saya, yang penting bagaimanakah inisiatif yang kita harus buat. Tak boleh lagi mengambil langkah-langkah seperti biasa, menganggap bahawa Malaysia ini akan mudah menarik pelaburan.

Di sinilah kita lihat ada beberapa inisiatif yang baru yang kita lakukan sebagai contoh pakej insentif yang kita hendak tawarkan. Bukan sahaja baik, mesti setanding dengan apa yang ditawarkan oleh banyak negara jiran ataupun negara-negara baru seperti China dan India. Saya kira dalam satu sudut yang lain pula, bentuk pelaburan yang kita hendak bawa masuk ke dalam negara kita bukanlah kita lihat seperti dahulu; apa saja bentuk pelaburan kita terima sehingga memerlukan umpamanya tenaga buruh yang tak terlatih yang terpaksa kita bawa masuk dari negara-negara jiran.

Ini tidak lagi kita perlukan. Apa yang kita perlukan ialah bentuk-bentuk industri yang berteknologi tinggi, yang mempunyai kepakaran yang tinggi, kemahiran yang tinggi dan sini kita perlu melatih lebih banyak anak-anak kita di institusi pengajian tinggi dengan bidang-bidang yang diperlukan oleh industri. Ini langkah-langkah yang kita sedang ambil.

Jadi kalau inisiatif sebegini kita lakukan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, apakah kita akan berhadapan dengan masalah

pengangguran? Sekarang kita akui memang ada pengangguran. Sebahagiannya mungkin kerana masalah *mismatching*. Apa yang dihasilkan institusi tidak memenuhi tuntutan industri ataupun pasaran buruh. Inisiatif ini, perkara ini kita sedari dan di bawah jawatankuasa yang dibentuk oleh Kabinet, dipimpin oleh Timbalan Perdana Menteri, kita sudah melihat perkara ini supaya ia tidak menjadi suatu masalah yang berlarutan bagi negara kita di masa-masa yang akan datang.

Demikian juga kita sedari bahawa kita tidak boleh lagi bergantung hanya kepada satu dua bentuk komoditi-komoditi kita. Umpamanya minyak sebagai contoh yang menghasilkan hasil pengeluaran yang banyak tempohnya dan memberikan kita pulangan yang besar, tetapi kita tahu bahawa ini ialah satu sumber yang semakin hari makin berkurangan maka tak bolehlah terus kita bergantung pada sektor umpamanya eksport minyak mentah dan sebagainya sahaja. Demikian juga dalam bidang komoditi-komoditi yang lain.

Jadi, apa yang saya maksudkan di sini bahawa kita sedar masalah yang kita hadapi hari ini lebih mencabar dan sebab itu inisiatif yang kerajaan perlu ambil ialah untuk mengambil satu pendekatan yang lebih fokus. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian saya. Umpamanya untuk mendapatkan pelaburan. Di manakah sumber pelaburan yang perlu kita bawa? Untuk apa tujuannya? Di sektor mana? Jadi tindakan-tindakan sebegini saya fikir lebih perlu dibuat untuk pastikan bahawa kita tidak berhadapan dengan situasi di mana perdagangan kita merosot, pelaburan kita berkurangan, dengan sebab itu disebutkan tadi kita akan menghadapi masalah kepincangan dari segi tenaga buruh yang tidak mempunyai pekerjaan dalam negara kita.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya, jika dimeterai, apakah kesan perjanjian perdagangan bebas FTA dengan Amerika Syarikat kepada sektor pertanian negara. Saya tuju soalan ini sebab sektor pertanian Amerika Syarikat dilindungi dengan kadar subsidi yang cukup tinggi sehingga komoditi pertanian Amerika Syarikat boleh dijual pada harga yang 25% lebih rendah daripada *cost of production*, dengan izin. Adakah ini bermakna bahawa komoditi pertanian Amerika Syarikat yang murah akan membanjiri pasaran kita dan menjejaskan dasar keselamatan makanan negara.

Kedua, salah satu prinsip FTA ialah prinsip *reciprocity* atau tindak balas yang sama. Adakah FTA dengan Amerika Syarikat akan memberi akses untuk produk pertanian dan makanan Malaysia kepada pasaran AS iaitu Amerika Syarikat, atau adakah kita masih lagi disekat oleh pelbagai *non-tariff barriers* dengan izin, seperti standard kesihatan, *phyto-sanitary standard* dan lain-lain yang merupakan halangan bagi produk-produk dari negara-negara membangun untuk menembusi pasaran Amerika. Terima kasih.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa aspek dalam perundingan kita ini yang kita tetapkan dari segi pendirian kita. Umpamanya dalam sektor pertanian. Saya, dahulu menjadi Menteri Pertanian. Kita ada satu pendirian yang agak tegas bahawa sektor pertanian ini sektor yang penting bagi negara kita dan dalam proses perundingan itu, kita tak boleh berkompromi kalau kita anggap bahawa dengan persetujuan yang kita capai akan menjejaskan nasib para petani, peladang ataupun nelayan di negara kita.

Oleh sebab itu sebagai contoh, aspek pertanian padi, kita tak bersetuju langsung ianya dimasukkan dalam aspek rundingan kita ini. Cuma ada beberapa perkara yang telah pun dipersetujui, tetapi dibuat dalam satu bentuk di mana dia tidak boleh terbuka secara orang kata begitu sahaja. Ada peraturan-peraturan tarif, TRQ sebagai contoh yang membolehkan setengah-setengah produk kita dibuka dalam sektor umpama sektor ternakan, pengeluaran bekalan daging ayam di mana industri dalam negara kita sudah pun *establish* dengan pelaburan yang besar.

Maka dalam soal ini, walaupun kita mahu buka, dia ada satu tempoh tertentu dan tak boleh kita turunkan kadar dutinya sebegini rupa sehingga boleh menjejaskan industri ternakan ayam dalam negara kita. Maknanya kita ada satu pendirian yang agak jelas dalam aspek ini dan tidaklah boleh kita mengkomprominya. Ini kerana kita sedar di Amerika

Syarikat sendiri bahawa mereka memberikan satu bentuk subsidi yang begitu besar kepada petani mereka iaitu ratusan bilion.

Jikalau kita biarkan ia terbuka dengan begitu sahaja, kebimbangan kita ialah bahawa industri pertanian dalam negara kita akan terjejas. Soal *reciprocity* ini memang begitulah prinsip perundingan kita. Bermakna kalau kita nak menawarkan sesuatu, bukan sahaja dalam sektor pertanian yang saya sebutkan tadi, tidak, kita izinkan, kita buka dengan begitu rupa. Sektor-sektor lain pun takkan kita nak membahagi kepada mereka kalau kita tidak dapat satu, orang kata layanan timbal balas yang setimpal.

Dari sebab itu, Malaysia mengambil satu tindakan yang agak tegas dalam beberapa aspek sebagai contoh mereka mahukan supaya kita membuka apa yang kita panggilkan perolehan kerajaan, *government procurement* supaya dibuka dengan seluas-luas. Ini satu bidang yang tak boleh kita rundingkan. Maka tak akan kita kompromi. Demikian juga yang berkaitan dengan dasar persaingan kita, *competition policy*. Mereka buka supaya kita bebaskan segala-gala, bagaimana pasaran yang berlaku di Amerika Syarikat. Kita tidak boleh menerima kenyataan sebegini. Dalam bidang yang berkaitan dengan alam sekitar, dalam bidang yang berkaitan dengan perburuhan. Jadi ada beberapa lagi perkara-perkara yang dianggap *contentious*, isu yang tak boleh kita kompromi. Walaupun itu ada perkara-perkara yang sudah pun kita sepakati cuma tak boleh saya umumkan di sini kerana masih lagi dalam peringkat perundingan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, bermakna apa yang Yang Berhormat Rembau maksudkan tadi, kalaulah kita hendak bersetuju, ada dari *reciprocity* tidaklah sampai ke satu tahap yang mengorbankan kedaulatan kita. Kepentingan negara kita mesti kita pertahankan. Ini pendirian yang diambil oleh pihak kerajaan kita.

7. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa masih ada masalah kekurangan doktor yang berkhidmat bagi semua hospital dan klinik di luar bandar di negeri Sarawak. Sila nyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mac 2008, jumlah jawatan doktor atau pegawai perubatan di negeri Sarawak adalah sebanyak 1,887 iaitu jawatan yang paling tinggi di antara negeri manakala pengisian pegawai perubatan di Sarawak hanyalah sebanyak 657. Ini menjadikan kekosongan jawatan pegawai perubatan adalah sebanyak 1,230 jawatan. Sebab utama kenapa kekurangan doktor yang berkhidmat di Sarawak dan lain-lain negeri adalah:

- (i) bilangan graduan yang keluar daripada IPTA dan IPTS adalah terhad sedangkan keperluannya adalah tinggi. Sekarang ini ada 21 universiti tempatan dan universiti swasta yang mengeluarkan pegawai perubatan. Masih tak cukup Tuan Yang di-Pertua dan kita jangkakan kita hanya akan cukup pada 2015;
- (ii) pembangunan infrastruktur kesihatan. Di Sarawak umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang kita peruntukan lebih daripada RM800 juta adalah terlalu pantas dan deras dibandingkan dengan pembangunan sumber manusia. Sebagai contoh hendak buat klinik atau hospital, 24 bulan atau 36 bulan tetapi hendak melatih seorang doktor memakan masa lima tahun; dan

■1110

- (iii) sebab utama adalah masalah *attitude* atau sikap. Kebanyakan mereka menganggap negeri Sarawak adalah negeri yang jauh dan susah untuk bertugas. Jauh daripada keluarga sedangkan sewaktu mereka mengambil pengajian perubatan, di Dublin atau tempat-tempat lain, sanggup pula berjauhan dengan keluarga. Namun, apabila sudah balik Malaysia tidak boleh berjauhan dengan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada itu, pelbagai tindakan yang dibuat oleh kementerian bagi memastikan pegawai perubatan dalam penggunaan optimum, antaranya:

- (i) kita meneruskan khidmat wajib selama tiga tahun. Bermakna, mereka yang telah pun di tempat umpamanya *housemen* di Sarawak, kita pastikan mereka terus disambung perkhidmatan di Sarawak;
- (ii) kita tidak melayan sokongan mana-mana pihak termasuk Yang Berhormat untuk menggagalkan penempatan pegawai-pegawai perubatan ini ke Sarawak. Jadi, kita tidak layanlah mana-mana surat supaya menangguhkan penempatan doktor ke Sarawak ini;
- (iii) kita lantik semula pegawai-pegawai perubatan yang sudah pencen di Sarawak ini; dan
- (iv) kita tambah keperluan ini dengan mengambil pegawai perubatan kontrak daripada luar negara.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Kapiti.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penjelasan, bagi saya boleh diterimalah akan tetapi, usahakan lagilah untuk kita menangani masalah di Sarawak ini.

Soalan tambahan saya, sila jelaskan bagaimana kualiti kemahiran pegawai perubatan atau doktor lepasan daripada universiti tempatan? Saya mengemukakan soalan ini kerana saya bimbang. Saya telah difahamkan IPTA-IPTA itu termasuk Universiti Malaysia Sarawak juga Universiti Malaysia Sabah bergantung sangat kepada doktor-doktor yang diambil sebagai pensyarah dari negara Myanmar. Pada pendapat saya, negara Myanmar bukanlah setanding dengan negara Malaysia dalam tahap pembangunan sosioekonomi dan sebagainya.

Kita sepatutnya mengambil pensyarah-pensyarah perubatan daripada negara-negara yang lebih maju daripada negara kita dan bukan sebaliknya. Saya takut Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam kita berusaha menangani masalah kekurangan doktor ini yang berkhidmat di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan terutamanya di luar bandar kita kompromi sangat dengan kemahiran dan kelayakan doktor-doktor ini dan akhirnya menyebabkan kemerosotan kualiti perkhidmatan doktor perubatan di negara kita pada masa depan. Sekian, terima kasih. Saya pohon penjelasan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Kapiti. Tuan Yang di-Pertua, saya faham dengan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kapiti. Saya pun sudah sampai ke beberapa tempat Yang Berhormat Kapiti, sama dengan Yang Berhormat sendiri, jadi saya faham apa yang beliau katakan.

Mengenai dengan standard dan juga piawaian yang digunakan oleh fakulti perubatan sama ada universiti tempatan mahupun yang dipunyai oleh awam ataupun universiti yang dipunyai oleh sektor swasta, mereka mempunyai piawaian, parameter, dan *standard-standard* yang tertentu. Umpamanya di universiti awam mereka mempunyai *senate* dan mereka adalah *autonomous* dan biasanya mereka yang diambil khususnya daripada negara-negara yang membangun, lebih khusus Myanmar standard yang ditetapkan oleh universiti untuk menjadi pensyarah amat tinggi. Ada satu panel yang dibentuk bagi memastikan tiap-tiap pensyarah ini memenuhi kriteria-kriteria tertentu sebab tugas pensyarah di fakulti perubatan bukan sahaja mereka mengajar tetapi mereka juga membuat *research* dan juga mengamalkan prosedur-prosedur yang mereka mahir.

Jadi, untuk standard ini, saya pasti tidak ada kompromi apatah lagi mereka ini diberi platform untuk melatih doktor-doktor tempatan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kali ini bahasa baik-baik sahaja. Timbalan Menteri, baru-baru ini kita mendengar Kementerian Kesihatan telah melanjutkan tahun *housemanship* daripada setahun kepada dua tahun untuk meningkatkan kemahiran doktor-doktor muda kita dalam bidang perubatan.

Soalan saya, apakah dengan peningkatan tahun *housemanship* ini kepada dua telah menyebabkan perkhidmatan yang diberikan oleh doktor-doktor hasil daripada penambahan *housemanship* ini bertambah dan adakah ini yang menyebabkan salah satu daripada punca mereka ini tidak boleh cepat memasuki pasaran kedokteran di dalam perkhidmatan kerajaan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* 24(3) tidak ada kaitan dengan soalan asal tetapi sebab Yang Berhormat Pendang kawan saya, saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kenapa kita tambah perkhidmatan doktor pelatih daripada setahun kepada dua tahun mulai 1 Januari tahun ini adalah kerana kita melihat purata sama ada graduan itu datang daripada universiti tempatan mahupun luar negeri ada dua faktor:

- (i) mereka kekurangan skil dan keterampilan klinikal; dan
- (ii) mereka juga kurang kemahiran dari sudut komunikasi.

Asas kepada perawatan pesakit adalah untuk mengetahui dan mempunyai kepakaran untuk bertanya kepada pesakit, *history taking*. Mereka tidak kuat, dan kita harapkan dengan bertambahnya dua tahun ini kita menambah kualiti. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa mereka, pegawai perubatan, doktor ini dia ada *license to heal and license to kill*.

Jadi, kita hendak pastikan mereka betul-betul trampil supaya kita semua sentiasa selamat apabila menerima rawatan daripada mereka. Saya pasti, Malaysia bukan satu-satunya negara yang menambah daripada setahun ke dua tahun. Banyak lagi negara-negara maju yang lain seperti di India, Eropah yang menambah daripada setahun kepada dua tahun. Ini tidak menandakan bahawa tahap keluaran universiti tempatan atau luaran tidak baik. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, ada kenyataan yang agak bahaya tadi.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua. Ya, kenyataan itu...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, apabila mengatakan bahawa doktor ini ada *license to kill*, ini perlu diperbetulkan kerana ia akan menimbulkan implikasi yang cukup buruk pada masyarakat. ini bukan kali yang pertama *statement* itu dibuat dan pada saya ianya mengancam profesion dan juga keselamatan rakyat. Saya minta ini diperbetulkan... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bertentangan dengan ikrar, *Hippocratic*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah faham.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Apabila seseorang itu bersedia untuk menjadi doktor. Jadi, minta tarik balik dan juga minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih dua Ahli Yang Berhormat yang berdiri. Terima kasih, terima kasih.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ada *license to kill*. Semasa belajar perubatan tidak pernah tahu bahawa kami ada *license to kill*...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kesihatan saya tidak kenal sampai sekarang.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kasi peluang kepada menteri yang berkenaan. Tentang *license to kill* itu dia bukan bermaksud, saya tidak rasalah dia bermaksud bahawa...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Akan tetapi sudah diulang banyak kali.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sila duduk Ahli Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta tarik baliklah. Jangan sebut lagi *license* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat, sila duduk.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak apalah hendak mencari ini, benda ini penting.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ada dalam buku ini ada ini, 36(6).

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta tarik baliklah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya menjawab dan menyatakan kenyataan tersebut bukan bermakna bahawa doktor itu ada lesen untuk membunuh. Yang Berhormat sana dia selalu bersifat negatif. Apa yang saya hendak utamakan adalah keselamatan pesakit sentiasa menjadi prioriti untuk kita memastikan yang sistem penyampaian kesihatan daripada bandar ke desa sentiasa mencapai standard yang bertaraf antarabangsa, itu sahaja niat saya, tetapi kalau Yang Berhormat rasa dia ada lesen untuk membunuh itu tanggapan dialah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini lagi berat ni. Lagi berat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini soal kecil Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta tarik balik, tambah lagi kalau boleh minta maaf pula lagi. Tarik balik. Yang negatif bukan kita, *license to kill* itu yang negatifnya bukan belah sini negatif.

Tarik balik atau tunjuk lesen... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Kepong, Ahli Yang Berhormat...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat timbalan menteri ini pun ada lesen untuk bunuh ini.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mungkin boleh tahan bawah ISA ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Macam mana dia boleh dilantik jadi Timbalan Menteri Kesihatan Kalau dia ada lesen bunuh, ini bahaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh duduk sekejap dulu. Apabila Ahli Yang Berhormat berdiri begitu bermakna saya tidak boleh buat keputusan. Saya boleh biarkan Ahli Yang Berhormat berdiri dan saya pun berdiam diri sahaja, tetapi mahukan penyelesaian. Duduk dulu Yang Berhormat Kepong, boleh?

Menteri yang berkenaan telah memberi penjelasan bahawa dia tidak berniat seperti apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat fikirkan. Saya pun memerhatikan juga kali kedua dia sebut ini. Kalau umpama tujuan dia itu adalah bahawa doktor itu juga mempunyai lesen untuk membunuh, dia salahlah. Namun telah pun dia perelaskan bahawa, dia tidak berniat sedemikian. Apa yang saya dapat tahu daripada penjelasan itu ialah berkemungkinan ada juga doktor-doktor yang kadang-kadang tidak bertanggungjawab, cuai dan sedemikianya. Barangkali itu yang dimaksudkan makanya saya tidak tegur Ahli Yang Berhormat untuk tarik balik.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Itu bukan *license*. Tuan Yang di-Pertua itu bukan *license*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan satu kesalahan yang betul untuk kita rujuk Yang Berhormat itu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kecuaian, kesilapan memang ada dalam perkhidmatan tetapi itu bukan *license to kill*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tolong duduk. Itu mungkin istilah yang dia gunakan. Kadang-kadang Ahli Yang Berhormat pun menggunakan istilah-istilah yang tidak dibenarkan dalam Dewan ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sama 'ketiak' tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi tidak apalah, perkara begitu janganlah dibuat besar-besarkan. Sila Yang Berhormat Kepong, *point of order* atau pun apa. Yang Berhormat Kepong sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, saya mahu dengar Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong lama sudah dalam Dewan ini. Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Rompin sekarang ya. Tuan Yang di-Pertua walaupun Yang Berhormat Mersing dia pusing sedikit mengenai maksud dia tapi dia tersesat sedikit di dalam itu ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Penggunaan istilah-istilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharap lain kali jangan gunakan istilah seumpama ini kerana akan menimbulkan ketidakpuasan di kalangan doktor. Bukan sahaja

di sebelah sini, sebelah situ juga termasuk Yang Berhormat Rompin tapi Yang Berhormat Rompin bukan doktor perubatan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kepong, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharap Yang Berhormat dapat..

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian sudahlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang penting sekali, kita tarik baliklah untuk kesenangan kesemua orang.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Kita sudah habis dua, tiga minit pasal soal itu. Tuan 'Salahhidun' bin Haji Ayub. Salahuddin bin Haji Ayub, sila. Salah sebut lagi, minta maaf Yang Berhormat... [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Kecuaian tidak boleh jadi *license*, inilah satu perkara yang sangat serius. Perkara boleh selesai dengan senangnya. Yang Berhormat tarik balik, mengakui kesilapan tarik balik. Apa yang berlaku perlulah menghadapi kenyataan. Ini tidak boleh dibenarkan. Kecuaian doktor tidak boleh dilihat sebagai *license to kill*. Inilah membenarkan *license*. Dia patutlah *gentlemen* mengakui kesilapan, tarik balik perkataan itu dan memohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Ahli-ahli Yang Berhormat senyap dulu. Ada dua pendapat dan nasihat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat veteran dalam Dewan ini satu daripada Yang Berhormat Ipoh Timur, satu daripada Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong kata lain kali jangan gunakanlah. Ini Yang Berhormat Ipoh Barat kata tarik baliklah. Jadi kalau saya punya ketetapan, lain kali jangan gunakanlah istilah-istilah begitu. Saya ikut pendapat daripada Yang Berhormat Kepong. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order.*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: 36(6) *point of order.* Tuan Yang di-Pertua saya terpaksa untuk membangkitkan isu ini kerana untuk penjelasan. Tadi saya dengar dengan jelas bahawa Yang Berhormat Kepong menyatakan minta tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, kita di sini bukan James Bond, hanya James Bond dikatakan ada *license to kill*. Doktor itu bukan James Bond mereka hanya untuk memberikan rawatan. Saya harap dengan ikhlas, saya harap tarik balik perkataan istilah *license to kill* kerana ia memang tidak memenuhi apa-apa sumbangan yang diberikan oleh pihak doktor. Saya minta kalau boleh, kerana ini betul-betul menjatuhkan maruah semua doktor. Ini memang tidak patut, harap Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya boleh menjalankan tugas dengan baik. Harap boleh tarik balik.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit. Kita ada pelajar-pelajar sekolah di sini. Mereka tidak faham apakah maksud di sebaliknya. Mereka ingat memang doktor...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Titiwangsa, saya sudah faham, apa yang dimaksudkan Ahli Yang Berhormat. Pertikaian kita ini dalam penggunaan bahasa sahaja. Sekarang saya yang mahu tanya kepada Ahli Yang Berhormat Mersing, adakah Yang Berhormat waktu gunakan istilah *license to kill* mempunyai sangkaan jahat, jawab sahaja, "Yes", or "No". Berdiri Yang Berhormat, saya mahu dengar.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak, tidak ada sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mohon agar Yang Berhormat Timbalan Menteri, seorang doktor juga, saya doktor...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sila senyap dulu apabila seorang Ahli Yang Berhormat sedang bercakap.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kita semua doktor telah mengambil sumpah, *hippocratic oath*. Menjaga dan menjamin nyawa, tidak ada *license to kill*. Saya mohon ditarik balik kerana itu memberi satu kenyataan atau *connotation* bahawa, doktor mempunyai satu *license to kill, which is very wrong*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Tadi sudah saya buat keputusan, keputusan saya kata, saya ikut pendapat Yang Berhormat Kepong. Akan tetapi pendapat Yang Berhormat Kepong juga telah dipantau oleh pendapat-pendapat lain di blok yang sama. Jadi oleh kerana istilah ini tidak dibenarkan ataupun apa..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong boleh duduk dulu. Saya belum habis Yang Berhormat Kepong, saya habis cakap dulu Yang Berhormat Kepong. Saya habis cakap dulu.

Yang Berhormat Mersing kalaulah umpamanya tidak keberatan dan betul-betul tidak berniat begitu, bagi tahu sahaja lain kali tidak gunakan istilah seperti begitu yang disalah anggap dan saya mahu semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga lain kali jangan gunakan perkataan-perkataan yang disalah anggap kerana apabila kamu gunakan sekarang ada sudah *precedent* yang kamu *create* sendiri, saya tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kuasa saya. Saya pula lagi yang tidak akan berkompromi. Sila Yang Berhormat kalau boleh tarik baliklah itu.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Sebelum saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap, *it's the figure of speech...* [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dia sedang bercakap sekarang. Yang kita pertikaikan semua ini pasal peraturan tetapkan? Ikutlah apa itu peraturan tetap. Kalau kita mahu tegakkan peraturan tetap kita orang sendiri, semua Ahli-ahli Yang Berhormat mesti berpegang kepada peraturan tetap. Kalau tidak macam mana kita bermesyuarat begini. Dia sekarang kasi penjelasan, senyaplah. Sila.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap *figure of speech* tadi. Saya kata *license to heal* dan juga *license to kill*, dua-dua saya bercakap. Maknanya yang paling penting saya tidak bermaksud untuk menyatakan bahawa doktor ada lesen untuk membunuh, tapi pada waktu yang sama saya juga bercakap bahawa doktor juga ada lesen untuk menyembuhkan, dua-dua.

■1130

Akan tetapi Yang Berhormat sebelah sana, banyak kaitkan mengenai perkara *license to kill*. Dia tidak menyatakan *license to heal...*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, minta. Cuba...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya tidak bermaksud pun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: *This is figure of speech*. Namun Yang Berhormat sebelah sana dia berfikir terlalu negatif dan menjadikan isu ini, isu...

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Yang Berhormat. Ini untuk membantu saya. Untuk membantu saya, nanti dia akan duduk. Untuk membantu saya menjalankan tugas. Kalau yang ini kita buat sebagai *precedent*, bahawa jangan ada perkataan-perkataan yang ditimbulkan, yang akan menimbulkan nanti tafsiran yang dalam persepsi masing-masing berbeza, ini saya buat sebagai satu *precedent*, saya tidak benarkan lagi Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan perkataan-perkataan yang disalah anggap oleh orang lain. Saya mahu Ahli Yang Berhormat tarik balik. Tolong.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengulangi perkataan tersebut tapi saya tidak tarik balik... *[Tepuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Takkan dia perintah tetap?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri dulu tadi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Apabila berdiri mesti *point of order*. Tidak ada penjelasan dalam soal ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: 43.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mahu bercakap *point of order*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Point of Order* 43.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar Yang Berhormat Batu Gajah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Apa *point of order* dia?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: 43, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai sila duduk. Apa Kuala Terengganukah apa? Yang Berhormat Kuala Selangor sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*:

“43. Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulang kaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian kerana itu”.

Untuk perkara itu diminta keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong senyap. Saya belum lagi buat keputusan. Dengar apa yang saya cakap.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk. Saya sudah faham. Duduk dari tadi saya mendengar. Duduk. Saya sudah buat keputusan beberapa kali. Saya ikut nasihat daripada Yang Berhormat Kepong, tapi saya tidak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 43, kerana apabila saya bangkitkan 43 itu, keputusan saya ialah tidak apalah. Beri jalanlah mesyuarat

kerana itu perkara remeh. Namun mahu juga diapi-apikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Ipoh Timur berdiri, Yang Berhormat Permatang Pauh berdiri, yang lain berdiri. Sekarang Yang Berhormat pula beri kepada ingat saya 43. Saya tahu tugas saya. Cuma Ahli-ahli Yang Berhormat sahaja minta maaf, kadang-kadang lupa tugas. Saya tahu tugas saya. Jadi itu makanya tadi apabila dia sebut dua kali, keputusan saya ialah tak apalah, lain kali jangan buat lagi. Keputusan sudah dibuat, tetapi Yang Berhormat Ipoh Timur berdiri, Yang Berhormat Permatang Pauh berdiri, Ahli Yang Berhormat Titiwangsa berdiri dan yang lain pun berdiri. Cuma saya tidak sebut bangkitkan 43.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau kita betul-betul mahu, nanti dulu Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita betul-betul mahu menghormati permesyuaratan, *standing order*, saya sudah buat keputusan pada 5 Mei, bahawa kalau kita mahu menghormati peraturan tetap mesti kita semua berpegang teguh kepada apa maksud peraturan tetap, dan tadi saya mengatakan bahawa Yang Berhormat tarik balik setelah saya buat keputusan. Saya sekarang ini sudah mahu ikut arus kerana saya bertimbang rasa, kerana ini perbahasan.

Namun kalau saya ikut balik apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi, saya berbalik kepada mula-mula saya membuat keputusan iaitu tidak apalah, kerana itu keputusan saya, kerana itu adalah satu istilah yang disalahtafsirkan. Saya sendiri apabila mendengar itu, saya tidak tersinggung kerana bukan begitu maksud dia.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kerana dia adalah seorang doktor. Dia juga seorang doktor. Bukan orang, bukan doktor. Yang Berhormat Kuala Terengganu, kalau *point of order* beritahu saya *point of order* yang ke berapa?

Beberapa Ahli: Kuala Selangor.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi *point of order*?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor, Kuala Selangor Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Ipoh Timur duduk dulu kerana saya belum selesai lagi dengan Yang Berhormat Kuala Terengganu, kerana itu *point of order* kita.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kuala Selangor, Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Mesti seorang-seorang. Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan tetap kita ialah...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Tuan Yang di-Pertua dapat menyelesaikan satu *point of order*, yang lain mesti duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua sudah membuat keputusan dan saya cukup iktiraf keputusan Tuan Yang di-Pertua. Daripada latar belakang saya sebagai salah seorang pensyarah dalam bidang farmakologi saya boleh faham latar belakang yang disebutkan oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ... Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memberitahu kepada pelajar-pelajar saya, 16 tahun saya mengajar di universiti, kalau anda hanya mendapat 50% daripada kertas-kertas farmakologi, ubat-ubatan dan toksikologi, anda hanya punya peluang mengubati, merawat satu daripada dua pesakit yang...

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena-mengena dengan *point of order*?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dengan kata lain seorang pengamal perubatan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, ini *point of order* mana ini digunakan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Pahat ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bagilah peluang Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang sekarang kita ini sedang bercerita fasal *point of order*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi yang saya layan Yang Berhormat semua mengenai dengan *point of order*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Mari kita bincang *point of order*. Sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada kena-mengena dengan *point of order*?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ini ceramahkah?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya memahami pandangan, saya memahami teguran...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: [Menyampuk]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kenyataan yang dibuat oleh timbalan menteri. Cumanya dalam konteks pengamal perubatan, dalam konteks itu, kita minta bahawa *what you say is important, how you say make the difference*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi dengan kata lain ...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dengan kata lain ...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita minta beliau tarik balik kerana itu adalah bertentangan dengan semangat...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudahlah. Kalau boleh sudahlah. Saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tarik balik sahaja. Minta maaf.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai duduk dulu. Duduk dulu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu dengar Yang Berhormat Ipoh Timur. Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua. *Point of order* supaya kita boleh selesaikan perkara ini dan saya bangkitkan *Point of Order* 44(2), selepas 43 ialah 44(2) yang berbunyi:

“44(2). Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar...”

Di sini ialah, “...tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi sepuluh hari dan ahli tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari Majlis Mesyuarat”.

Itulah 44(2) dan selepas itu usul menamakan, kalau ini pun tak cukup 44(3).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di sini Tuan Yang di-Pertua ada membuat keputusan terakhir. Terakhir, keputusan terakhir ialah Ahli Yang Berhormat daripada Mersing untuk menarik balik dan dia sudah buat begitu, 44(2) patutlah digunakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Ipoh Barat, itu bukan usul untuk disokong... *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat...

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nanti dulu saya buat keputusan dulu. Saya minta didengar dengan jelas. Peraturan Mesyuarat 43, 42, 44 ialah bidang kuasa Tuan Yang di-Pertua. Semua ini saya hafal daripada atas, bawah, kiri, kanan dan semua.

Saya buat keputusan awal-awal tadi, apabila ditegur oleh dua, tiga orang Ahli Yang Berhormat, saya buat keputusan. Saya kata, tidak apalah. Itu keputusan saya. Keputusan saya itu cuma boleh dikaji balik apabila ada seorang yang buat Usul di bawah 43. Namun, apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri dan itu tugas Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu Tuan Yang di-Pertua untuk menjalankan mesyuarat supaya licin.

Ahli Yang Berhormat semua ada tanggungjawab. Bukan Tuan Yang di-Pertua sahaja. Yang Berhormat Kepong memberi pendapat bahawa lain kali jangan gunakan istilah itu. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong. Saya setuju. Jadi apabila saya bersetuju, bermakna itu keputusan saya. Namun ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri dua, tiga orang termasuk Yang Berhormat Ipoh Timur. Jadi kalau saya ikut saya punya keputusan 43, saya akan berbalik kepada keputusan saya yang pertama. Iaitu perkara itu saya anggap sebagai perkara yang *not out of order*. Kerana tugas saya ialah di bawah 43, mesti mahu tengok bahawa *point of order* atau peraturan mesyuarat itu semua diikuti. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini adalah mesyuarat Ahli-ahli Yang Berhormat. Tanggungjawab untuk kelicinan mesyuarat adalah tanggungjawab semua Ahli Yang Berhormat, begitu.

Keputusan saya pertama, lain kali menteri tidak akan menggunakan lagi kerana dia tidak berniat jahat. Bermakna kalau ada niat jahat, barang kali. Itu keputusan saya yang pertama. Sila *point of order*.

■1140

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ikut perbincangan. Sebenarnya saya tengok Tuan Yang di-Pertua dah betul buat keputusan, tetapi bila Yang Berhormat Bagan bangkit 36(6), ini yang jadi kecoh. Saya dah baca 36(6) yang dibaca oleh Yang Berhormat Bagan. "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain".

Jadi Yang Berhormat Mersing mana ada sangkaan jahat kepada sesiapa Ahli yang lain. Jadi atas asas apa? Kalau perkara dibangkit pada 36(6), ini tidak tepat kerana sangkaan jahat mesti kepada Ahli-ahli di dalam Dewan. Jadi kalau buat peraturan lain itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima Yang Berhormat. Itulah makanya apabila tadi disebut istilah itu perlu ditarik balik, saya tak berpendapat begitu. Itulah makanya saya kasi lalu saja.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudahlah. Sekarang ini pukul 10.40...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Point of Order* 36(6). Saya sangat terasa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, kalau bukan *point of order*, sila duduk.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya sangat terasa dan ini sangkaan buruk kepada Ahli-ahli yang terdiri daripada doktor. Saya juga doktor perubatan. Jadi saya minta sangat tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat yang menerima sangkaan jahat itu adakah Yang Berhormat bertugas dengan baik atau tidak? Itu saja saya mahu tahu. Sangkaan atau *statement* itu bukan kepada Ahli yang ada sedang berbahas ataupun mendengar perbahasan. Itu bermakna...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dalam bidang itu. Kita semua ahli dalam bidang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ahli dalam bidang itu bermakna dia tidak menjurus kepada Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dulu. Duduk dulu Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya bukan saja 36(6), semua Ahli Parlimen yang merupakan doktor tapi pun 36(4) mengenai *offensive language*. Ini *offensive* kepada *medical profession, the entire medical profession*. Adakah Dewan yang mulia ini tunggu satu protes daripada *medical profession* oleh sebab mereka disifatkan sebagai "*license to kill*". Ini kemuliaan *the owner dignity of Parliament*. Sebenarnya Yang Berhormat Mersing sudah melanggar hak keistimewaan beliau dan saya harap satu keputusan dibuat.

Kalau tidak saya mahu berdiri di bawah 26(1)(p) untuk merujuk Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan kerana ini adalah *offensive language* kepada *entire medical profession* dan menjatuhkan imej semua doktor di negara kita. Saya harap ini boleh diputuskan, kalau tidak saya akan berdiri di bawah 26(1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan tadi. Saya beberapa hari lalu dalam Dewan yang sama ini...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, ini *Point of order* atau apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini *Point of Order* 43.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi 43...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sama. Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan ini telah diminta oleh Tuan Yang di-Pertua dalam beberapa hari lalu apabila seorang menteri berhujah minta saya tarik balik walaupun perkataan "Kurang disiplin" itu digunakan oleh menteri itu tetapi saya tarik balik kerana saya menghormati Dewan yang mulia ini dan juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tetapi sekarang, satu arahan, permintaan telah dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini dia tak mahu tarik balik. Apa maksud itu? Perlukah saya menghormati Dewan ini? Saya boleh tarik balik, kenapa tidak Timbalan Menteri ini tarik balik?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sila duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Perkara ini sudah menimbulkan kekecohan kerana seorang timbalan menteri yang tak mahu tarik... masalah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. *Point of order* yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Ipoh Timur iaitu sekiranya perkataan begitu yang telah pun saya buat *ruling* bahawa bagi saya perkara yang tak *out of order* tetapi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang *take exception to this* bahawa mereka tak mahu perkara ini dibiarkan begitu saja. Yang Berhormat Ipoh Timur tadi menarik perhatian saya kepada satu *point of order* iaitu 26... Apa tadi Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 26(1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: 26(1)(p) di mana mereka ini berhak untuk berdiri kalau ada 15 orang atau lebih untuk dirujuk Yang Berhormat kepada jawatankuasa. Jadi terpulang kepada Yang Berhormat untuk memikirkan beberapa ketika sama ada perkara itu Yang Berhormat tarik balik.

Pendapat saya, kalau tarik balik pun Yang Berhormat juga bukan ada niat seperti yang dibuat tanggapan oleh Yang Berhormat yang lain. Tak salah kerana ini bukan soal umpamanya satu pendirian asas yang perlu dipertahankan sehingga satu kejadian yang tidak dikehendaki saya menggunakan kuasa di bawah 44 dan sedemikianya ataupun peraturan tetap tadi. Kalau boleh saya minta Yang Berhormat tarik balik, cuma dua perkataan saja.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat, saya tak minta maaf kerana *statement* tersebut tetapi saya tarik balik... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam soal ini tak ada yang menang, tak ada yang kalah. Saya ambil ini sebagai satu iktibar di mana siapa saja Ahli Yang Berhormat yang mengeluarkan cakap yang tidak elok ataupun *unparliamentary*, saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Sekarang masa sudah 11.45 pagi, sesi soal jawab telah terganggu begitu lama iaitu 15 minit dan ia telah berakhir. Sila Setiausaha jalankan Mesyuarat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL**JAWATANKUASA PEMILIH –
PELANTIKAN DAN MEMILIH Pengerusi dan Ahli-Ahli**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Kedua Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan enam orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:-

- (i) Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat selaku Pengerusi;
- (ii) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Ahli Parlimen Pekan;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting, Ahli Parlimen Kulai;
- (iv) Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Ahli Parlimen Penampang;
- (v) Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Ipoh Timur;
- (vi) Yang Berhormat Datuk S. Subramaniam, Ahli Parlimen Segamat; dan
- (vii) Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ketua Pembangkang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima cadangan pindaan ke atas usul yang dicadangkan oleh Perdana Menteri yang sebentar tadi dibaca oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 76 dari Ahli Yang Berhormat Gombak pada 14 Mei 2008.

Saya mendapati bahawa cadangan pindaan tersebut tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat 30(4). Cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gombak tidak mempunyai bentuk pindaan ataupun *form of amendment* seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 30(4).

Oleh yang demikian, saya tidak membenarkan usul tersebut dikemukakan. Walau bagaimanapun, kandungan usul dari Yang Berhormat Gombak itu telah diambil kira iaitu Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur telah pun dicadangkan dalam pindaan kepada usul berkenaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini ialah usul yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan perdana Menteri itu terbuka untuk dibahaskan.

11.48 pg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan tentang cadangan Perdana Menteri untuk melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Kedua Belas yang telah pun dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Sebagai Ahli dalam Dewan yang mulia ini masuk pada penggal yang kedua, saya mendapati bahawa pelantikan kepada mana-mana Jawatankuasa Pemilihan dan juga *Select*

Committee yang lain telah pun menjadi amalan yang semakin subur dan diharapkan dengan pelantikan-pelantikan ini akan memainkan peranan penting di dalam kita memperkasakan peranan Parlimen khususnya apabila kita bercakap tentang kita mahu kepada Parlimen yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyemak beberapa Parlimen yang terkemuka yang pernah dalam satu lawatan yang saya sertai yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pemilih, *Select Committee* tentang perpaduan di mana kami telah melawat Parlimen Kanada.

■ 1150

Kita mendapati bahawa apa yang menjadi amalan di dalam Parlimen ini, perkara-perkara yang positif demi kebaikan yang telah mereka tunjukkan dalam mengangkat integriti Parlimen mereka dan juga peranan mereka kepada rakyat adalah satu perkara yang boleh kita contohi demi untuk kita memperbaiki dan ke arah memperkasa Parlimen kita pada hari ini.

Apa yang saya harapkan apabila pelantikan di bawah Peraturan Mesyuarat 76 ini, kita mendapati bahawa jumlah yang tertera ini masih tidak mencukupi dan tidak menunjukkan suatu *representative* dengan izin, kepada semua parti yang terlibat dan peranan mereka untuk mengambil bahagian di dalam suatu perbahasan penting bagi menentukan hala tuju Parlimen ini pada masa yang akan datang.

Dalam Parlimen Australia dan New Zealand sebagai contoh apabila kita melihat tentang peranan-peranan yang dimainkan oleh sama ada kokus-kokus ataupun Jawatankuasa Pemilih yang dilantik. Jumlah dan tempoh masa yang diberikan kepada jawatankuasa ini sehingga bertahun-tahun lamanya. Mereka telah dapat menyelesaikan banyak perkara terutama, pertamanya dalam mempamerkan tentang sikap profesional mereka dalam menegur, mengkritik dan memberikan pandangan-pandangan mereka kepada kerajaan *of the day* dengan izin. Kedua, peranan mereka bagi memastikan institusi-institusi penguatkuasaan seperti tentera dalam negara mereka, pasukan polis mereka, peguam negara mereka dan juga badan-badan yang diamanahkan untuk menjaga kebajikan rakyat.

Oleh itu saya berpandangan, berpendapat dan seterusnya ingin memberikan beberapa pandangan lagi bahawa dengan pelantikan Jawatankuasa Pemilih ini adalah diharapkan bahawa mereka yang dilantik ini dan mereka yang akan diberikan amanah ini dapat memainkan peranan mereka dan menyuarakan apa juga pandangan-pandangan mereka *without fear or favour* dengan izin, supaya setiap jawatankuasa-jawatankuasa ini, yang dipilih ini mendapat bukan sekadar restu tetapi mendapat satu *recognition* yang paling penting daripada rakyat yang menyaksikan pembangunan dan perkembangan Parlimen yang ada pada hari ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apabila saya merujuk sebuah buku yang bertajuk *Politik Perlembagaan*, yang ditulis oleh seorang profesor tersohor yang merupakan pensyarah senior kepada kuliah undang-undang, Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa. Saya telah memetik tentang pandangan-pandangan beliau yang telah dituliskan di dalam buku ini. Di antaranya menyebut tentang integriti Parlimen ini mesti dianjak paradigmanya. Apa yang paling penting apabila Parlimen yang menuju apa yang dikatakan Parlimen kelas dunia ini mesti menunjukkan sikap yang profesional daripada pelantikan-pelantikan di dalam jawatankuasa-jawatankuasa terpilih, pelantikan Speaker, Timbalan-timbalan Speaker itu sendiri yang mesti dilihat yang jelas, yang *transparent* dengan izin dan mesti nampak kejelasannya tidak berpihak kepada mana-mana kelompok ataupun pendirian mana-mana parti politik.

Ini sangat penting bagi saya, supaya pandangan yang dilontarkan oleh Profesor Abdul Aziz Bari ini akan menjadi panduan kepada Parlimen ini. Apatah lagi saya yakin banyak lagi apabila kita melihat kepada perkembangan-perkembangan mutakhir negara yang memerlukan kepada lebih banyak lagi *Select Committee* ataupun Jawatankuasa

Pilihan yang akan ditubuhkan demi untuk kita memperhalusi dan menterjemahkan. Pertamanya dari segi Perlembagaan negara, keduanya dari segi bagaimana suatu rang undang-undang yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini mestilah melalui proses yang cukup dan masa sewajarnya diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mereka menelaah dan menekuni setiap aspek yang sedang berlaku.

Apabila kita melihat kepada pengalaman *House of Common* di England dan juga Parlimen yang sempat saya rujuk di Australia dan New Zealand sebagai satu contoh yang jelas bahawa masa yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara bagi mereka memperhalusi dan mengkaji setiap aspek yang penting, setiap ayat yang tertera di dalam rang undang-undang yang akan dibincangkan dan dibentangkan di dalam Parlimen itu mengambil tempoh paling kurang pun tiga bulan.

Oleh itu kita akan menyaksikan bagaimana setiap rang undang-undang yang dibahaskan di dalam Parlimen itu akan menyaksikan satu kematangan dalam berhujah. Setiap perkara diperincikan, setiap ayat diteliti, supaya tidak berlakunya apa yang dikatakan tersalah terjemahan ataupun perkara-perkara yang akan memberikan implikasi yang besar apabila rang undang-undang itu diimplementasikan dan diperbahaskan oleh para peguam yang akan membawa kes-kes itu ke mahkamah.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan pada pagi ini sebagai memperingati dan juga memberikan pandangan-pandangan supaya tidak hanya kekal lama ataupun tidak kita hanya bangga dengan bilangan kokus-kokus dan jumlah jawatankuasa-jawatankuasa yang dipilih oleh Parlimen ini. Namun apa yang lebih penting daripada itu ialah wibawa mereka, pandangan mereka, dan *finding* dengan izin, esok mestilah diperdebatkan kembali di dalam Dewan yang mulia ini diberikan ruang yang luas dalam media.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Diberikan suatu kebebasan kepada mereka-mereka ini untuk menyuarakan pandangan mereka demi kebaikan rakyat di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pendang bangun.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, sila.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang pembentangan rang undang-undang dalam masa yang singkat untuk kita perbahaskan. Ini kerana pada ketika ini kita mendapati rang undang-undang yang dibentangkan memang dalam masa yang singkat. Apabila dibentangkan Bacaan Kali Pertama, apabila ditanya oleh Tuan Yang di-Pertua dikatakan dibaca Kali Kedua di dalam mesyuarat ini juga.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pada masa-masa yang akan datang kita harap rang undang-undang baru ini dibentangkan untuk jangka masa yang lebih lama kecualilah rang undang-undang untuk pindaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini? Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya dari Pendang. Saya bersetuju dengan pandangan itu. Di samping kita mengambil, meneliti dan menelaah tentang kejayaan-kejayaan negara-negara yang boleh kita anggap berjaya dalam menaikkan integriti Parlimen mereka, negara maju tidak perlu saya perkatakan lagi. Negara-negara yang telah saya sebutkan tadi seperti Australia dan New Zealand yang mewakili negara-negara Komanwel.

Kita melihat negara Dunia Ketiga seperti Indonesia sebagai contoh. Walaupun ada pandangan-pandangan mengatakan ianya hanya sebagai dengan izin, *window dressing* sahaja. Namun kita menyaksikan bahawa setiap rang undang-undang yang mahu

dibentangkan di dalam Parlimen mereka, memang Ahli-ahli Parlimen mereka diberikan tempoh yang cukup selesa. Mereka ada kokus-kokus yang bersidang sepanjang tahun dan kita harap bahawa perkara ini dapat kita fikirkan bersama demi kebaikan kita pada masa yang akan datang.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap saya habiskan sikit lagi. Apa yang penting bagi saya adalah, oleh kerana Parlimen kita telah terbelenggu dengan *burden* sejarah dengan izin, ataupun dengan beban sejarah bahawa setiap Ahli Parlimen itu yang sepatutnya menjadi *lawmaker* ataupun *legislation*. Beban sejarah telah menyaksikan kita terpaksa memainkan peranan dalam dwifungsi, yang pertama bila dipanggil sidang Parlimen kita terpaksa duduk di sini, membahaskan rang undang-undang, membahaskan Titah Diraja, bajet dan seumpamanya. Di waktu di luar Parlimen kita terpaksa berkhidmat lebih daripada pegawai kebajikan masyarakat.

■1200

Itu peranan yang terpaksa kita terima pada hari ini disebabkan oleh beban sejarah yang telah ditakdirkan kepada kita. Namun begitu, itu tidak menjadi suatu hujah dan tidak menjadi suatu perkara yang aneh sekiranya kita boleh mengubahsuai. Kita melihat *the way forward*, kita melihat ke hadapan.

Menteri-menteri mestilah berfikir lebih proaktif di dalam kita menyediakan ruang yang selesa supaya setiap rang undang-undang sebagai contoh, setiap perkara, setiap isu, setiap usul yang kita hendak bahaskan dalam Dewan yang mulia ini, mendapat suatu pengiktirafan dan juga bukan sekadar *rubber stamp*, dengan izin sebagaimana yang telah kita lalui pada masa-masa yang dahulu. Silakan, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saudara Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian, kerana kenyataan beliau tadi menyarankan supaya apa juga kokus-kokus kita dan juga jawatankuasa yang dibentuk oleh Dewan yang mulia ini, berperanan sebaiknya dalam konteks kita membina Dewan yang lebih bertaraf dunia pada masa akan datang.

Saya hendak minta penjelasan kerana untuk mempunyai suatu jawatankuasa yang *inclusive* yang boleh merangkumi ataupun mewakili Dewan ini dengan sebaiknya, apakah Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju jikalau boleh Dewan ini menimbangkan supaya perwakilan ataupun ahli jawatankuasanya dapat diseimbangkan mewakili parti-parti yang ada di dalam Dewan ini terutamanya yang mempunyai jumlah yang juga ramai. Maksud saya secara *direct* nya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi.

Adakah Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju kalau kita memasukkan salah seorang wakil daripada parti PAS yang ada 23 dalam Dewan ini menjadi salah seorang daripada ahli jawatankuasa pemilih yang dicadangkan ini, berbanding dengan contohnya, kita ada wakil daripada MIC, wakil daripada MCA, yang jumlah kerusi mereka lebih kecil berbanding dengan PAS, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih pandangan sahabat saya dari Kuala Krai. Sila Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. 82(1) menyebut, seberapa bolehnya tiap-tiap jawatankuasa pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya, kadar parti masing-masing di dalam Majlis.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krai): Itulah maksud saya.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya dari Kuala Krai dan juga...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: *Ruling*, minta *ruling*.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Adakah Tuan Yang di-Pertua ingin membuat *ruling* dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak ada *ruling* di dalam itu. Dia cuma menyokong menggunakan Peraturan Mesyuarat terhadap cadangan Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat-sahabat saya dari Kuala Krai dan juga dari Tumpat, termasuk Kuala Krau. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan-pandangan daripada...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau): Mohon penjelasan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiga orang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap, saya habiskan sedikit sahaja. Kerana saya merasakan bukan sekadar, saya bersetuju dengan supaya perwakilan yang besar selepas pilihan raya umum yang kedua belas itu diberikan keutamaan. Juga dengan adilnya saya meminta supaya parti-parti kecil pun kalau boleh pengerusi-pengerusi mereka dan ketua-ketua mereka juga diberikan tempat di dalam jawatankuasa ini supaya kita boleh berlaku dengan lebih adil.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Saya tertarik Tuan Yang di-Pertua dengan saranan Yang Berhormat Tumpat, supaya barisan jawatankuasa ini menggambarkan semua. Kita di Barisan Nasional, menggambarkan semua parti-parti dalam Barisan Nasional. Di sebelah sana, macam tidak memberikan keyakinan kepada KEADILAN dan DAP akan memberikan supaya memperjuangkan semua dalam barisan pembangkang. Saya risau sedikit, macam ada suatu benda yang tidak kena dalam peranan barisan pembangkang... *[Dewan riuh]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berminat sangat hendak bermain politik, tetapi apabila Yang Berhormat Rompin sebut macam itu...

Kita berjuang untuk semua, termasuk kita memperjuangkan untuk bekas-bekas menteri juga... *[Ketawa]* Kita akan tambah dan saya akan cadangkan insya-Allah. Jadi, kita berjuang untuk semua. Untuk keadilan Parlimen ini dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat tadi dengan menggunakan peraturan mesyuarat supaya kerajaan melihat dengan serius tentang perkara ini supaya siapa sahaja yang dilantik dan dicadangkan ini menggambarkan bahawa kita benar-benar terbuka, profesional dan berniat untuk meninggikan integriti Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya merujuk sedikit kepada seorang lagi profesor undang-undang, tokoh undang-undang iaitu Saudara Salleh Buang. Dalam beliau membuat, menulis tentang *Tun Suffian's Legacy*. Dalam buku ini juga, Tun Suffian sebagai seorang yang kita anggap sebagai seorang hakim tersohor dan telah meninggalkan *legacy* penting dalam sistem kehakiman dalam negara kita, beliau juga mencadangkan dalam buku ini supaya Parlimen pada masa itu memikirkan supaya jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Parlimen ini, *Select Committee*nya, dan juga usul-usulnya dan juga peranan yang pasti dimainkan oleh Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh, beliau menyebut, bukan hanya satu tradisi untuk duduk di sana sahaja mempengerusikan mesyuarat, tetapi Parlimen mesti dilihat sebagai suatu institusi yang menjadi kebanggaan kepada masyarakat. Menjadi kebanggaan kepada negara dan menjadi kebanggaan kepada rakyat keseluruhannya.

Maka oleh itu..

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, sekejap. Sekejap, saya habiskan. Maka dengan itu, saya memperlihatkan bahawa sekali lagi kita mengharapkan dengan tertubuhnya banyak lagi jawatankuasa-jawatankuasa ini, kita akan mengambil kira semua pandangan.

Ini bukan pandangan daripada PAS, ini bukan pandangan peribadi kami, ini bukan pandangan yang saya bawa hanya mewakili kelompok yang kecil. Kalau hendak dikatakan kecil, tetapi ini pandangan-pandangan kepada mereka yang berwibawa, yang punya suatu asas untuk mereka memberikan pandangan demi kebaikan Parlimen kita pada hari ini dan juga pada masa yang akan datang. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Ke arah memperkukuhkan institusi Parlimen dan amalan-amalan terbaik atau *best practice*, dengan izin.

Apakah Yang Berhormat Kubang Kerian juga wajar mencadangkan dalam debat dan perbincangan rang undang-undang, supaya pada peringkat jawatankuasanya seperti mana amalan-amalan Parlimen di Eropah dan juga beberapa Parlimen di Asia Tenggara ini, di mana pada peringkat jawatankuasa, keterlibatan NGO, keterlibatan akademik, keterlibatan *professional group*, juga perlu dibawa sama supaya dapat memperkukuhkan lagi isi dan kualiti perbincangan dan penekanan setiap rang undang-undang supaya ia dapat memperkukuhkan ke arah satu yang dikatakan kelas pertama, *first class* Parlimen di negara kita ini? Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Selangor. Sudah tentu saya bersetuju dengan pandangan itu. Tadi saya menyebut tentang wibawa Parlimen di negara Indonesia, negara ketiga. Sekali lagi saya menyebut Thailand sebagai contoh di dalam saya hendak *relate* apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Bahawa di Thailand ini, kita telah melihat kemajuan yang cukup hebat. Kemajuan-kemajuan yang telah mereka terokai apabila mereka berhasrat dan beriltizam untuk meninggikan dan menganjak integriti Parlimen mereka.

Sudah tentu apabila kita melihat melalui carian kita dalam *web site*, tentang Parlimen-parlimen ini. Kita melihat, sudah tentu juga tokoh-tokoh besar tersohor, NGO's dalam negeri-negeri ini diberikan peranan mereka, dijemput dengan segala hormatnya dan diberikan ruang dan kadang-kadang, pandangan-pandangan mereka itu diambil kira di dalam negara menentukan polisi dan dasar bagaimana Parlimen ini dapat menunjukkan yang begitu progresif dalam era yang ada pada hari ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

■ 1210

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Apa yang disebutkan tadi itu saya akui bahawa, memang ada keperluan untuk melibatkan pihak-pihak lain yang mempunyai kebolehan dan kepakaran tertentu. Akan tetapi untuk hendak menentukan Parlimen kita ini bertaraf dunia, kita bukan sahaja memerlukan kepada orang-orang daripada luar yang mempunyai kepakaran ataupun akademik yang tinggi, tetapi harus diperlihatkan keupayaan dan kemampuan daripada orang yang telah pun dipilih oleh rakyat di dalam Dewan ini, khususnya di sebelah pihak kerajaan.

Umpamanya, kalau kita lihat bahawa jarang sangat di Dewan ini untuk memperoleh sesi soal jawab bersama Perdana Menteri. Jarang-jarang sangatlah. Sekali-sekala kita dapat itu pun dalam tempoh masa yang begitu terhad. Ini tidak menggambarkan tentang bagaimana kemampuan dan keupayaan Perdana Menteri itu sendiri yang

seharusnya mesti berhadapan dengan Ahli-ahli Dewan untuk membicarakan semua persoalan, kerana beliau merupakan ketua kepada kerajaan yang sudah tentulah harus memiliki pengetahuan yang cukup. Kalau tidak nanti inilah yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia kata Perdana Menteri yang tidak ada kemampuan, yang tidak ada keupayaan dan sebagainya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi sebab itu, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita mencontohi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu tak boleh bangun Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang mempunyai sesi soal jawab dengan Perdana Menteri iaitu *Prime Minister*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian bangun, baru Yang Berhormat Batu bangun. Ya, hendak bagi Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingin menyebutkan bahawa merujuk kepada fungsi, terutama bagi *Select Committee* ini adalah sebenarnya dengan izin, *scrutinize* dan monitor kerajaan dalam penglibatan pengubalan undang-undang dan juga fungsi kerajaan. Dalam *Select Committee* ini, adakah Yang Berhormat Kubang Kerian setuju bahawa di dalam senarai ini didapati tiga daripada tujuh ahlinya adalah terdiri daripada menteri dalam Kabinet. Adakah ini merupakan satu *conflict of interest*?

Kalau kita mahukan *Select Committee* ini berfungsi dengan lebih *independent* dan lebih profesional, adakah patut kita melibatkan lebih banyak *backbenchers* dan juga parti-parti kecil dalam Barisan Nasional supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih aktif untuk monitor dan memantau aktiviti kerajaan? Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih dua orang sahabat saya. Yang pertama, saya mengulas cadangan Yang Berhormat Pokok Sena tadi tentang perlunya ada dengan izin, *question time* sebagaimana yang telah dibuktikan oleh persidangan Parlimen di Britain. Saya pernah hadir pada hari Rabu dua tahun yang lalu, dan menyaksikan bagaimana perdebatan di antara Perdana Menteri Britain dalam Parlimen...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap, sekejap saya habiskan ini. Kita melihat sesi itu disiarkan secara langsung dan rakyat boleh melihat dan menonton tentang bagaimana Perdana Menteri mereka berdebat dan menjawab beberapa isu penting negara pada waktu itu. Saya merasakan tidak ada salahnya kalau kita boleh berfikir dengan rasional, boleh memberikan ruang kepada Parlimen supaya juga ada satu hari, di mana Perdana Menteri kita boleh datang ke Parlimen ini, memberikan lebih masa untuk dia menjawab sebagaimana yang telah diamalkan di Britain. Australia juga kalau tidak silap saya, telah pun mengamalkan perkara seperti ini.

Tentang perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu sebentar tadi, saya mendapati ada dua menteri dan satu timbalan menteri dalam *Select Committee*, dalam Jawatankuasa Pemilih ini. Dan memang perkara ini telah pun dibangkitkan di dalam sesi yang lalu di mana isu *conflict of interest* ini telah kita perdebatkan, perbahaskan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [*Mengetuk mikrofon*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas, sebentar Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap, sekejap. Saya habiskan dahulu. Telah pun kita berdebat dalam sesi yang lalu namun oleh kerana menteri pun ada di depan saya ini, dan pada waktu itu telah menjawab bahawa perlu kepada seorang menteri untuk mempengerusikan setiap *Select Committee* ataupun Jawatankuasa Pemilih bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Parlimen. Ini kerana dengan alasan kemudahan-kemudahan *command our respect* dengan izin, yang terpaksa difikirkan oleh pihak Parlimen.

Akan tetapi saya boleh bersetuju sekiranya, kalau dalam banyak *Select Committee* yang telah pun diamalkan, sebagai contoh negara maju yang telah kita sebutkan sebentar tadi, juga ada di kalangan pemimpin ataupun Ketua Parti Pembangkang yang dipilih untuk mereka mempengerusikan dalam banyak *Select Committee*. Sebagai contoh; PAC. Dalam amalan negara-negara Komanwel sebagai contoh, ianya diberikan kepada pengerusi *Chief of Opposition* ataupun mana-mana parti pembangkang yang mendapat majoriti yang besar dalam Parlimen. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, hendak ambil bahagian tapi saya dengar Yang Berhormat Kubang Kerian bercakap macam negarawan. Jadi saya pun hendak pergi kencing ini. Terima kasih.

Jadi saya ambil kesempatan untuk minta penjelasan melalui penerangan Yang Berhormat. Jawatankuasa Pemilih ini adalah untuk apabila dirujuk Ahli-ahli Dewan yang diputuskan oleh Dewan kerana berbagai-bagai kelakuan. Adakah Yang Berhormat bersetuju, saya dapati sepanjang Dewan bersidang sejak Parlimen Keduabelas ini didapati perbahasan-perbahasan ataupun gangguan-gangguan masa yang diambil oleh pihak-pihak tertentu yang menyebabkan sifat sakit hati ini Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara. Selain daripada bahasa-bahasa kesat, bahasa-bahasa yang tidak baik, kurang sopan yang akhirnya dirujuk kepada jawatankuasa, tapi ada pihak mengambil masa bercakap meleret-leret ini, pun saya tak tahan juga dan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sekejap Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Saya Ahli bebas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekarang ini pun meleret juga Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya banyak kali bangun hendak dapat bercakap pun susah. Tak nampak jauh. Itu belum saya naik atas meja lagi. Jangan paksa saya buat perkara-perkara yang tak senonoh, dan saya berpengalaman di Dewan Rakyat ini bukan baru sejak tahun 1986 lagi. Ini penggal yang ke berapa dah, saya cuma rehat sekejap sahaja.

Yang saya hendak bagi tahu kalau boleh, apakah Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju saya hendak cadang apabila perbahasan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ugut, ugut.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Selain daripada Ketua Pembangkang yang diberi ruang yang cukup, yang lain-lain itu macam perbahasan Titah Diraja kalau setengah jam, setengah jam semua. Jangan ada setengah orang itu dua jam, sejam setengah. Apakah ingat dia lebih sangat? Kalau 20 minit, 20 minit semua. Ini ada dua jam, kemudian setengah jam, lepas itu 15 minit. Saya hendak set *ruling* supaya tak timbul sakit hati nanti, sebab saya sakit hati sangat ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Nanti, nanti. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Kubang Kerian, kalau boleh *appreciate* untuk menentukan kalau hendak *world class parliamentary* ini, kita sendiri mesti betulkan diri kita dahulu. Kita bercakap masa

sama banyak, beri ruang kepada orang lain sama banyak, kita bercakap *fact, right to the point*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke tandas... [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Boleh sedikit untuk membetulkan apa yang kita bincang. Sebenarnya usul ini ialah untuk melantik satu *Select Committee* untuk memilih anggota-anggota jawatankuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri akan jawab itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... atau *Select Committee* dan ini bukan satu *Select Committee*. Ini *selection committee*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri akan perbetulkan Yang Berhormat Pasir Mas Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...untuk melantik anggota-anggota dalam *Select Committee*. Ini bukan *Select Committee*.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya saya faham. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur kerana ini ialah *Select Committee*, tapi kita membahaskannya dalam roh dan semangat sebagaimana Yang Berhormat Ipoh Timur yang begitu berpengalaman di dalam Parlimen ini, ingin melihat niat kita semua supaya sama ada *Select Committee* dan lain-lain *committee* yang akan dilantik selepas pada itu benar-benar berintegriti, dan segala perbincangan dan usul yang akan dibincangkan nanti adalah dapat kita panjangkan demi kebaikan rakyat dalam negara kita.

▪ 1220

Mengenai Yang Berhormat Pasir Mas tadi, saya akan masukkan apa yang beliau katakan dalam sebahagian dalam ucapan saya dan supaya semua pandangan-pandangan beliau itu diambil kira oleh pihak Parlimen ini tentang masa dan seumpamanya supaya kita dapat berlaku adil kepada semua pihak dalam kita mengambil bahagian.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sebagai pandangan-pandangan dan juga kritikan-kritikan yang dapat dan sempat saya rujuk supaya kita pada hari yang akan datang besok, generasi yang akan datang besok akan memperoleh manfaat daripada Parlimen yang sedang kita bina wibawanya pada hari ini dan saya ingin memberitahu bahawa walaupun kami daripada pihak pembangkang, tapi kita juga punya peranan, kita punya tanggungjawab dan kita punya perkongsian dalam kita membina Parlimen yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia habis dah Yang Berhormat. Yang Berhormat Muar.

12.21 tgh.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah mengemukakan usul di bawah Perkara 76 ke Dewan ini yang mana itulah proses biasa yang kita akan lakukan selepas kita menerima Titah Diraja baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dulu ingin menarik perhatian Dewan bahawa usul yang dibawa ini seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebenarnya merupakan *Select Committee* iaitu jawatankuasa pilihan, pemilihan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pemilihan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Untuk melantik. Kemudiannya nanti kita ada di bawah Perkara 77, 78, 79, 80 sehinggalah ke 81 di mana di situ nanti baru kita lantik Jawatankuasa Pilihan Khas.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak kita perlu memanjangkan perbincangan kita dan kita pun tahu di bawah pemasyhuran tadi, Dewan terpaksa ditangguh dua hari lagi

untuk kita membereskan urusan tetapi apa yang lebih penting di bawah Perkara 76 Tuan Yang di-Pertua, kita hanya boleh melantik enam ahli jawatankuasa dan saya ingin menyatakan bahawa nama yang dicalonkan ini sudah boleh kita beri kepercayaan kepada menjalankan tugas, melantik Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Majlis, Jawatankuasa Pilihan Khas dan seterusnya. Cuma di kesempatan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan, semenjak beberapa minggu kita bersidang, terdapat perlakuan-perlakuan suka tak suka dilakukan oleh kita, Ahli-ahli Dewan sehingga kita boleh membawa orang luar, sehingga Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Kinabatangan terpaksa meminta maaf di hadapan orang yang dibawa masuk.

Ini saya nantikan kerana sebelum ini tidak dapat kita bangkitkan kerana Jawatankuasa Pemilih belum kita lantik. Saya mengharapkan selepas jawatankuasa ini dilantik, dengan segera melantik Jawatankuasa Dewan, jawatankuasa perjalanan Mesyuarat untuk kita mantapkan seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tetapi hari ini perkara-perkara itu dibiarkan berlarutan sehingga majlis sambutan hari jadi dibuat di Dewan. Orang bebas keluar masuk. Kita dalam hasrat untuk membenarkan orang melihat perjalanan Dewan tetapi kadangkala kebebasan yang diberikan itu digunakan untuk kepentingan tertentu. Bagaimana saya boleh terima kita bercakap tentang *first class Parliament* dalam keadaan kita sendiri tidak membuat pendirian kepada rakan-rakan kita yang menggunakan Parlimen sewenang-wenangnya... [Tepuk]

Jadi perkara ini perlu kita lihat dengan segera. Kita tidak dapat membangkitkan perkara ini di luar kerana urusan Parlimen hanya boleh disebut di Dewan ini. Kalau kita tidak dapat menghormati keputusan yang kita buat, masing-masing keluar di lobi Parlimen, di luar kawasan Parlimen, di kawasan masing-masing, bercerita tentang urusan Parlimen, janganlah kita cerita bahawa Parlimen kita ini hendak dibawa ke peringkat atas. Saya ingin menyatakan bahawa kalau Barisan Nasional mempunyai 13, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin, 13 parti komponen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: yang menguasai sebahagian besar Dewan ini, saya memberi keyakinan penuh bahawa yang diletakkan di dalam empat daripada enam adalah mereka yang kita beri kepercayaan dapat menjalankan tugas tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Pemilih. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya rasa isunya sudah diperbahaskan, dah jelas. Yang tidak jelas tadi pun Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Muar telah perelaskan tentang peranan dan fungsi Jawatankuasa Pemilih yang dibahaskan ini. Saya rasa kita boleh sampai di sana untuk membahaskan isu ini, Yang Berhormat dan saya jemput menteri untuk menjawab.

12.24 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Nampaknya dekat setengah jam ada latihan untuk menjadi menteri lepas inilah, bila ambil alih. Tadi, dia *exercise* tadi *was done, quite well*lah. Terima kasih dan saya jangka Yang Berhormat pun kalau mari sebelah sini jadi menteri, ganti sayalah. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Macam tahu-tahu nampak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, memang. Pasai dok bercakap dah berapa kali dah bercakap nak mari-mari, minggu lepas pun tak mari juga. Jadi, kena tunggulah.

Seorang Ahli: Ada gerak hati.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi pertama, saya ingin menyatakan iaitu bahawa oleh kerana soalan ini ditanya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian daripada rakan-rakan Ahli Parlimen Yang Berhormat lain, jadi mungkin dia tidak boleh menjawab sebab dia bukan bertanggungjawab untuk menamakan mereka ini. Pertama

sekali, sudah tentu saya bersetuju iaitu bahawa nampak begitu jelas iaitu bahawa ada satu... bukan komplotlah. Ada satu geng pembangkang yang tidak diwakili tetapi saya percaya perkara ini sudah tentu akan dibangkit. Kita tidak ada ruang untuk meletakkan seorang lagi wakil daripada parti pembangkang memandangkan kita cuma ada enam dan kita cadangkan yang pegang jawatan ini ialah sebenarnya bukan sahaja mewakili wakil rakyat di sini tetapi mewakili masyarakat yang besar.

Seperti contoh, oleh kerana Barisan Nasional merupakan sebuah parti yang mewakili semua kaum, tidak mungkin kita tidak akan meletakkan seorang Ahli Parlimen India walaupun mungkin MIC ada tiga tapi suara masyarakat India juga mesti wujud dalam *Select Committee* ini. Sebab itu kita tidak tinggalkan mereka dan walaupun tiga sahaja, kita letak dia sebagai seorang daripada wakilnya. Begitu jugalah Yang Berhormat daripada Kulai, mewakili suara ataupun *voters* yang telah memilih dan datang daripada masyarakat Cina. Jadi sebab itu kita letak dia sebagai wakil dan kita terpaksa mengorbankan satu wakil daripada Sarawak untuk berlaku adil supaya kuda tua, *sorry*. Bukan kuda tua, Yang Berhormat Ipoh Timur boleh bersama di dalam pengalaman, ya Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tersasul, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tersasul. Saya minta maaf. Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tersasul... [*Dewan gamat seketika*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [*Ketawa*] Okey, tarik balik ya? Okey. Supaya dia juga diberi tempat. Jadi sebab itu kita terpaksa menggugurkan seorang wakil daripada Timur Malaysia iaitu daripada Sarawak dan kita letakkan Ahli Parlimen daripada Sabah mewakili pengundi-pengundi daripada Malaysia Timur. Namun kita harap apa yang telah dibangkitkan oleh ...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Yang Berhormat sebentar dari iaitu saya percaya apa yang telah dibahaskan sudah tentu ianya akan diambil kira memandangkan sebahagian besar daripada bakal-bakal ahli *Select Committee* ini ada di sini. Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Ipoh Timur sebentar tadi. Yang Berhormat Pekan ada, sebentar tadi juga Tuan Speaker pun ada, Yang Berhormat Kulai pun ada.

Sudah tentu saya percaya mereka akan mengambil kira apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian dan soalan-soalan yang telah diutarakan kepada beliau dan bagi mereka yang bakal menjadi ahli *Select Committee* tapi tidak ada bersama dengan kita, saya akan minta kepada pihak Setiausaha untuk melampirkan potongan *Hansard*, ucapan Yang Berhormat dan *intervention* daripada yang lain untuk dilampirkan bersama dalam minit mesyuarat supaya mereka akan mengambil maklum tentang apa yang telah dibangkitkan dalam Mesyuarat pada hari ini. Nanti kejap Yang Berhormat, sebelum saya lupa.

Lagi satu perkara, Yang Berhormat daripada Batu ada menyatakan iaitu bahawa bagaimana *Select Committee* ini juga terdiri daripada seorang menteri. Apakah akan ada berlaku *conflict of interest* tapi sebenarnya kita harus lihat semua ini sebagai Ahli Parlimen dan sebenarnya ini merupakan amalan kita. Bukan sahaja di sebelah kerajaan tetapi juga di sebelah pembangkang. Saya masih ingat waktu Parlimen yang lepas, apabila kita mengadakan *Caucus Human Rights*, ramai di kalangan ahli-ahli yang menganggotai *Human Rights Caucus* ini adalah terdiri daripada pembangkang termasuk Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh. Apabila nak memilih pengerusi, mereka suruh saya juga. Saya menteri walaupun saya bagi tahu tak eloklah sebab *Human Rights Caucus* ini akan bercakap tentang ISA, OSA dan macam-macam lagi yang mana saya merupakan kerajaan tapi kepada mereka tidak menjadi masalah. Dia merasakan saya boleh menjadi pengerusi.

■1230

Jadi itu sebenarnya amalan kita, budaya kita. Jadi sebab itu dalam hal ini sebenarnya kita tidak ada halangan sebab siapa pun juga dalam *Select Committee* nanti yang akan dilantik itu terpulanglah kepada ahli-ahli untuk memilih siapa yang menjadi pengerusi. Saya percaya di kalangan menteri pun kalau dilantik sebagai Pengerusi *Select Committee* itu satu kerja tambahan kepada dia. Kita tidak ada halangan tentang perkara ini dan kita serah kepada *Select Committee* nanti untuk memutuskannya.

Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Dalam menjawab persoalan tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa pertimbangan yang diberikan ialah supaya *members of the Select Committee* ini dengan izin mewakili semua kaum.

Saya bersetuju, saya tidak ada masalah dengan perkara tersebut dan pendirian ini akan dapat memastikan agar suara seluruh rakyat Malaysia ini akan diwakili dalam *Select Committee*. Namun, apa yang saya kurang jelas dan kurang faham ialah kalau benar pendirian Yang Berhormat Menteri untuk melantik seorang wakil India itu dalam *Select Committee* ini bagi mewakili suara masyarakat India; apakah Yang Berhormat Menteri tidak nampak bahawa wakil Ahli Parlimen India dalam Pakatan Rakyat lebih ramai daripada yang diwakili dalam Barisan Nasional.

Maka saya ingin mencadangkan sekiranya Yang Berhormat Menteri berpegang teguh kepada prinsip tersebut, maka suara yang terbesar mewakili masyarakat India dalam negara kita hari ini adalah diwakili Pakatan Rakyat bukan MIC dan Barisan Nasional.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tiada masalah kalau Yang Berhormat Permatang Pauh sanggup melepaskan tempat dia kepada Yang Berhormat Padang Serai sebagai untuk mewakili masyarakat India.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Permatang Pauh adalah Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, sebab kita bukan soal itu soal mewakili.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kita harus memberikan penghormatan kepada Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan soal itu...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak perlu merujuk kepada Yang Berhormat Padang Serai untuk mewakili kaum India dalam Pakatan Rakyat. MIC ada tiga sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul, saya faham.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi tidak payah kita korbankan kerusi Ketua Pembangkang untuk diberikan kepada masyarakat India kita patut ketepikan ialah wakil MIC bukannya Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam fikiran kita dalam memilih *Select Committee* ini, kita ambil banyak pertimbangan. Pertamanya sudah tentu pertimbangan dari segi parti dan BN ada 140 dan pihak pembangkang ada 82.

Sudah tentu kuota 4:2 itu adalah sudah memadai, sesuai refleksi di komposisi. Sebab itu apabila kita hendak pilih orang yang mewakili masyarakat India, sudah tentu kita fikirkan kalau kita minta Yang Berhormat Padang Serai sebagai contoh, kita terpaksa korban kerusi yang diberi kepada PKR ataupun kita terpaksa korban Yang Berhormat Ipoh Timur.

Jadi kita ambil kira semua, maka oleh kerana kita ada 140, *ratio* 4:2 itu, saya kira adalah *ratio* yang cukup adil. Maka untuk tidak mengetepikan suara masyarakat India, kalau tidak lebih baik saya duduk, saya lebih senior daripada dia dan saya menjaga Parlimen

tetapi saya tidak fikir kalau kita hendak letak wakil masyarakat India kita tidak ada pilihan daripada MIClah.

Sebab itu kita lantik Yang Berhormat Segamat. Jadi adillah itu Yang Berhormat. Saya berlaku adil, kerana kalau tidak saya terpaksa korban Yang Berhormat Ipoh Timur ataupun Yang Berhormat Permatang Pauh. Jadi *ratio* 4:2 itu adalah satu *ratio* yang seimbang.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh sebab itu kita pilih juga masyarakat India daripada MIC tetapi dia adalah BN kerana BN perlu ada empat dan kita korban Sarawak pun. Betapa penting kita meletakkan suara India di sini. Jadi saya punya rasional dalam pelantikan ini, itulah dan kalau Yang Berhormat tidak setuju nanti Yang Berhormat kata tiga bulan lagi pindah balik bawa usul, kita ubah. Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Sekarang saya menteri, saya terpaksa buat keputusan dan terpulang kalau selepas ini Yang Berhormat tidak bersetuju, saya boleh *division* kata Yang Berhormat tidak bersetuju..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak bagi jalan sebab saya sudah jawab. Nanti, Yang Berhormat Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya hendak merujuk kepada apa Yang Berhormat Menteri sebut tadi tentang kokus dalam Parlimen yang lalu.

Sebagaimana Yang Berhormat lebih maklum daripada kami ini, kokus bukanlah suatu unit rasmi Parlimen. Ia sekadar inisiatif daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang rasanya yang telah mencuba cara-cara lain tetapi nampaknya tidak ada dan menubuhkan apa yang dinamakan kokus ini. Apa yang baiknya, Yang Berhormat menteri tidak menentanginya malah dalam contoh yang disebutkan tadi, menyokongnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, dalam Parlimen ini, Parlimen yang serba boleh berlaku ini supaya kita mulakan tradisi demokrasi yang baru. Ini supaya kokus-kokus ini tidak perlu diwujudkan, sebaliknya jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas diwujudkan.

Saya ingin mencadangkan misalnya Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan dengan isu Palestin diwujudkan memandangkan sudah 60 tahun rakyat Palestin telah dianiayai oleh seluruh masyarakat bukan sahaja Israel tetapi juga disokong oleh Amerika, Barat dan negara-negara lain. Maka apa salahnya kalau kita mengambil keputusan atas inisiatif pihak kerajaan sudah tentunya untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas seperti untuk isu Palestin.

Kemudian untuk isu hak asasi rakyat yang banyak perlu kita berikan perhatian, adakah Yang Berhormat menteri memikirkan sementara menjadi menteri dalam sebulan dua ini mencadangkan perkara itu kepada kerajaan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat apa pun, Yang Berhormat boleh sabar dua tiga bulan untuk melakukan apa Yang Berhormat mahu. Nampak macam

tidak yakin, sebab itu paksa saya juga... [Ketawa] Nampak macam tidak yakin nak *form government*, paksa juga kepada saya.

Dia begini, saya menyebutkan tentang kokus itu menunjukkan kita punya budaya kita orang Malaysia, tidak boleh lari. Apabila ada kokus sahaja, memang sepatutnya tidak payahlah saya. Saya lebih suka Yang Berhormat Ipoh Timur menjadi pengerusi kokus.

Saya bercakap tentang budaya tetapi dia ramai kata lebih baik saya. Itu sebenarnya, tetapi sebenarnya dalam rekod ada menunjukkan bahawa ada *Select Committee* yang menteri tidak jadi pengerusi macam integriti yang lepas kita ambil Yang Berhormat Gerik.

Jadi satu perkara yang tidak boleh dilakukan. Ia boleh dilakukan apa pun Yang Berhormat hendak buat, nanti kita serahkan kepada *Select Committee* untuk mereka membuat keputusan. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya, hujah saya tadi bukan kerana saya menolak menteri dalam *Select Committee* ini. Apa yang saya maksudkan kalau kita lihat dalam senarai ini, yang datang dari Barisan Nasional dua orang menteri, seorang timbalan dan seorang bekas menteri.

Select Committee ini selain daripada kita cuba mencerminkan pembangkang dengan parti pemerintah juga harus mencerminkan kerajaan dan bukan kerajaan. Ini termasuk Ahli-ahli Parlimen yang bukan duduk dalam kerajaan supaya pertanggungjawaban ini dipantau dan dapat di *scrutinize* dengan cara baik.

Kalau *Select Committee* ini akan memilih banyak lagi *Select Committee*, lebih baik terdiri daripada orang-orang yang tidak semestinya memihak kepada kerajaan semasa pemilihan pilihan itu dibuat. Itulah sebab saya anggap ini terlalu banyak, kalau kesemua wakil-wakil dari pihak parti yang memerintah ini datang dari orang yang pernah atau masih memegang jawatan kerajaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya faham apa Yang Berhormat Batu cakap. Kita kadangkala melantik itu kerana *convenience*. Sebagai contoh, kalau kita lantik Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur.

Kita tahu mereka merupakan pemimpin parti mereka dan sudah tentu mereka diberi kuasa untuk membuat beberapa keputusan yang mungkin tidak perlu dirujuk kepada dia punya MKT dia. Oleh sebab itu, walaupun mereka ini bukan menteri, mereka bukan kerajaan tetapi mereka merupakan pemimpin parti mereka.

■1240

Jadi di dalam *Select Committee* membuat satu keputusan, mereka ada mandat untuk membuat keputusan-keputusan itu sebab itulah kita jangan lihat Yang Berhormat Pekan sebagai menteri. Kita lihat dia sebagai satu orang yang mewakili sebuah parti komponen, parti UMNO dan Barisan Nasional dan dia diberikan mandat untuk membuat keputusan bagi apa yang dibincangkan dan diputuskan dalam *Select Committee* ini.

Begitu juga Yang Berhormat dari Kulai tadi mewakili MCA, parti MCA komponen dia juga boleh buat keputusan dan juga sudah tentulah MIC Segamat. Jadi tujuannya ialah untuk memudahkan kita bekerja supaya setiap perkara yang kita bincang dan nak putus tidak perlu kita kata tunggu dulu, balik nak *meeting* dulu. Semua orang ini merupakan pemimpin-pemimpin parti yang saya percaya mempunyai mandat untuk membuat keputusan bagi pihak parti mereka. Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini taktik dialah. Dia lepas hujung baru dia nak bagi saya. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Persoalan yang saya nak bangkitkan tadi ialah Yang Berhormat Menteri mendakwa bahawa mereka ada 140 orang kita hanya 82 orang tetapi kalau Yang Berhormat Menteri tolak jemaah menteri dan timbalan menteri, jumlah yang ada di kalangan Barisan Nasional hanya 76 orang. Kami ada 82 orang. Itu yang pertama... [Dewan riuh]

Yang kedua, yang saya bangkitkan tadi soal suara masyarakat India ini. Tidak mungkin kita boleh membenarkan pelantikan daripada wakil Segamat sedangkan MIC hari ini tidak mampu mewakili suara masyarakat India keseluruhannya. Dalam pilihan raya yang lepas kita lihat Presiden MIC kalah, Timbalan Presiden MIC kalah, Ketua Pemuda MIC kalah. Ini membuktikan masyarakat India tidak lagi diwakili oleh MIC tetapi masyarakat India keseluruhannya hari ini diwakili oleh Pakatan Rakyat.

Maka kalau prinsip Yang Berhormat Menteri mahu memastikan suara masyarakat India itu dapat dibawa dalam *Select Committee*, saya mencadangkan supaya wakil masyarakat India itu mestilah diwakili oleh wakil Ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Soal kedudukan Ahli Parlimen Permatang Pauh, ia atas sifat dan dasar selaku Ketua Pembangkang. *Not at expense of..*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Menteri untuk menambah keahlian *Select Committee* ini bagi mewakili masyarakat India. Maka saya ingin mencadangkan supaya wakil daripada Pakatan Rakyat dipertingkatkan kepada tiga daripada dua yang ada sekarang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya Yang Berhormat Gombak kena ingatkan bila *Select Committee* ini bukan berdasarkan kepada mereka yang tidak pegang jawatan. *Select Committee* ini terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen. Bila saya jadi menteri, tidak terbatal saya punya keahlian sebagai Ahli Parlimen. Saya juga ada hak untuk melibatkan diri dalam soal apa yang di bincang oleh *Select Committee* sebab saya adalah Ahli Parlimen. Bagaimana Yang Berhormat menafikan hak saya? Jadi kita kena kira 222 orang. Jadi sana ada 82 orang. Sini ada 140 orang. Jadi kita kena lebih sebelah sinilah sebab kita kira Ahli Parlimen... [*Dewan riuh*]

Keduanya, kita tidak boleh ambil secara rambang. Iaitu bahawa kerana calon kita di Hulu Selangor, calon kita di..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sungai Siput.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Telok Kemang kalah. Mereka tidak mendapat sokongan orang India. Tidak semestinya kerana Melayu juga mengundi kat situ juga. Kerana kawasan-kawasan ini adalah kawasan majoriti Melayu tetapi kita tidak main kotorlah. Kita jujur dengan masyarakat India. Kita kata sini kita letak calon India sebab..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk dulu. Faham tidak *Standing Orders*? Duduk dulu... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kena minta jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, tidak semesti apabila kalah di Hulu Selangor dan juga Telok Kemang, bermakna bahawa mereka tidak mewakili masyarakat India sebab ramai Melayu yang sokong PKR dalam pilihan raya yang lepas. Kita jujur. Letak juga calon India. Yang tidak jujur mereka. Letak calon Melayu sebab itu yang Melayu rampas kerusi India pada hari ini. PKRlah buat. Bukan kita. Kita tetap jujur.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya tidak boleh terima apa Yang Berhormat kata bahawa MIC sudah kehilangan sokongan kerana Hulu Selangor dengan Telok Kemang kalah. Kalah itu ialah kerana Melayu juga bagi sokongan kepada PKR.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya dua persoalan. Pertama, apakah Yang Berhormat Menteri boleh namakan satu kawasan di Malaysia ini yang majoritinya India. Tidak ada. Kesemua kawasan ialah majoriti kaum-kaum yang lain tetapi dalam konteks seperti di Sungai Siput, di Telok Kemang, di Hulu Selangor walaupun minoriti India, tetapi jelas orang India menolak wakil-wakil yang diletakkan atas tiket MIC dan Barisan Nasional. Yang Berhormat Menteri tidak boleh mendakwa bahawa mereka ini mewakili kawasan majoriti Melayu dan tidak mewakili kawasan majoriti India.

Memang tidak ada kawasan yang majoriti India dalam negara kita. Yang kedua dakwaan Yang Berhormat Menteri bahawa kita tidak memberi laluan kepada wakil-wakil India satu dakwaan yang saya kira tidak tepat kerana banyak kawasan yang majoritinya Melayu juga diwakili oleh calon-calon India daripada Parti Keadilan Rakyat. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri tidak cuba *mislead* Dewan ini dengan membuat tuduhan berkenaan tetapi saya menerima dan bersetuju kali pertama Yang Berhormat Menteri mengaku bahawa dalam pilihan raya yang lepas banyak orang Melayu menyokong Pakatan Rakyat khususnya Parti Keadilan Rakyat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, siapa menafikan orang Melayu tidak sokong PKR? Ini semua dalam kepala dia sahaja. Kepala tidak betul macam itulah... *[Ketawa]* Sebab kita tidak pernah mempertikaikan iaitu bahawa Melayu tidak sokong PKR. Tidak pernah orang kata pun. Malah kita sedar itu bahawa pada hari ini kita cakap parti Melayu ini sudah ada tiga. Satu UMNO, PAS, dan PKR. Jadi masa bila yang kita kata Melayu tidak sokong PKRnya? PKR memecah belah Melayu tu adalah. Betul. Tidak boleh nafikan... *[Ketawa]*

Saya juga tidak menafikan bahawa tidak ada kawasan yang majoritinya orang India, sebab itu saya kata kita jujur. Saya terima bahawa memang betul PKR pun letak calon India tapi lawan dengan siapa? Lawan di kawasan yang mana majoritinya bukan Melayu. Okey, terima tetapi di kawasan yang mana kita letak calon India majoriti Melayu, dia letak Melayu. Matilah kita. Mati, memang tetap mati punya. Jadi nak buat macam mana tetapi yang kita jujur dengan masyarakat India. Kita dah tahu. Mari pilihan raya ini, susah kita. Nampak India pun tidak sokong India. Letak kawasan Melayu. Orang UMNO minta ini majoriti Melayu. Mahu calon Melayu. Mana tidak mati kita tetapi kita ikhlas dan jujur dengan perjanjian kita dengan masyarakat India... *[Tepuk]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu kalah pun tidak mengapa. Kita *swim and sink together* sebab itu dalam keadaan sekarang ini pun, walaupun masyarakat India wakilnya dalam Barisan Nasional itu kurang, tapi kita tetap meletakkan satu wakil mereka di dalam BN. PKR satu kerusi, DAP satu kerusi. Terpulanglah kepada mereka nak korbakan kerusi mereka untuk bagi kepada masyarakat India. Itu terpulang kepada dialah tetapi yang mana BN, kami punya, jangan nak ajar kami siapa yang kami patut letak... *[Dewan riuh]*

Kami rasa memang patut letak wakil India. Itu hak kami. Jadi MIClah wakil kami. Ya, Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memperingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa Barisan Nasional kalah dan tidak mendapat sokongan masyarakat India bukan kerana Barisan Nasional tidak calonkan wakil India. Soal calon ini atau wakil dari masyarakat India atau masyarakat mana-mana pun tidak boleh secara *token mistake*, dengan izin. Yang penting kita harus membuat kaji semula kenapa masyarakat India tidak sokong Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu... *[Dewan riuh]*

Kita harus ingat isu-isu yang tidak selesai oleh Barisan Nasional, isu kemiskinan, isu gaji minimum untuk pekerja estet. Yang lebih penting lagi tangkapan dan penahanan pemimpin-pemimpin masyarakat India di bawah ISA dan isu-isu lain yang mencetuskan kemarahan di kalangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ... masyarakat India. So, kita harus membuat penilaian kita atas dasar. Bukan saja dari segi wakil-wakil atau jumlah wakil yang kita calonkan. Terima kasih.

■1250

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *I admire*, dengan izin *admire when you trying to save your boss*. Okey, *I understand, you try to deflects the issue somewhere else but never mind*. Yang kita putuskan ini ialah wakil BN. Kita kata empat, kalau kita hendak letak MIC itu kita punya pasallah. Apa yang sibuk sangat, kita punya pasallah.

Dalam BN Ini kerabat kita MIC. Itu hak kitalah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada yang lain hendak saya bahaskan dan saya sekali lagi minta supaya usul ini disokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

USUL

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA - MEMILIH Pengerusi dan Timbalan Pengerusi

12.53 tgh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid, ahli bagi kawasan Padang Besar dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, ahli bagi kawasan Kepong masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Negara bagi Parlimen Keduabelas.”

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk meminda usul yang telah dicadangkan seperti berikut:

“Pelantikan Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid, ahli bagi kawasan Padang Besar dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, ahli bagi kawasan Kepong” dengan perkara yang berikut; “Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, ahli bagi kawasan Kepong dan Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid, ahli bagi kawasan Padang Besar”.

Dengan itu usul baru berbunyi seperti berikut:

“Bahawa Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, ahli bagi kawasan Kepong dan Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid, ahli bagi kawasan Padang Besar masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Negara bagi Parlimen Keduabelas.”

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah berlandaskan kepada prinsip *doctrine separation of powers* yang sangat mustahak. Inilah sebenarnya antara satu bidang reformasi yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat jaminan apabila beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, bukan sahaja memulihkan kedudukan institusi kehakiman kepada satu status yang merdeka yang bebas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Tidak payah bahas Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perlu bahas. Tentu perlu bahas kenapa saya mencadangkan itu dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya perlukan seorang untuk menyokong usul Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang menyokong, baru bahas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah habis baca usul tadi.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Saya mahu memberi hujah-hujah... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya perlu seorang penyokong Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Gombak menyokong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh saya teruskan memberikan hujah-hujah... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak nampak ada ruang untuk membahaskan Yang Berhormat. Yang Berhormat mengeluarkan usul seperti yang dikemukakan oleh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tadi, boleh ada satu perbahasan, kenapa ini lebih mustahak tidak ada satu perbahasan. Tadi, untuk melantik satu jawatankuasa memilih ada satu perbahasan. Ini lebih mustahak pun. Ini *the doctrine separation of powers* supaya kita ada *nothing personal* terhadap Yang Berhormat Menteri, bekas menteri. *Nothing personal* pada prinsip.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah kedua-dua usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri dan pindaan kepada usul Perdana Menteri dari Yang Berhormat Ipoh Timur terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang saya sebut tadi ini bersabit dengan *doctrine separation of powers* yang sangat mustahak. Bagaimana kita boleh memulihkan kedudukan taraf Parlimen ini. Oleh sebab selepas 50 tahun, bukan sahaja semua institusi adalah dilemahkan dan dicemari bukan sahaja *doctrine separation of powers* menghadapi krisis demi krisis. Namun, adalah jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu memulihkan, mahu menjunjung tinggi prinsip *doctrine separation of powers* untuk sistem kehakiman tetapi juga untuk sistem Parlimen.

Kalau kita mahu *first world Parliament*, satu bukti yang nyata dan penting ialah bagaimana kita mendekati masalah pelantikan PAC, *Public Account Committee*. *Public Account Committee* ialah satu mekanisme supaya dapat mengawal, mengawasi perjalanan urusan eksekutif khasnya hal ehwal kewangan. Kalau begitu, adalah ditetapkan di seluruh *Commonwealth Parliament* bahawa pengerusi PAC ialah datang daripada pihak pembangkang.

Di sini, saya mahu menegaskan bahawa saya tidak membuat apa-apa inferens terhadap Yang Berhormat Padang Besar, bekas menteri yang sangat rajin dan bertanggungjawab semasa dia berkhidmat dalam Kabinet tetapi ini pada prinsipnya, *nothing*

personal. Sebenarnya, oleh kerana dalam Kabinet baru-baru ini ada menjadi anggota Kabinet. Jadi, tidak begitu sesuai beliau menjadi Pengerusi PAC.

Sebenarnya, ada peruntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 77(4) yang nyata bahawa 77(4) yang berbunyi: "Seseorang ahli Majlis tidak boleh diangkat atau dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara semasa ia menjadi seorang Menteri". Saya tahu sekarang Yang Berhormat Padang Besar bukan seorang menteri, tetapi dia Menteri Kabinet yang lepas. Tanggungjawab PAC ini ialah untuk mengawal selia, memantau, memeriksa akaun-akaun dan tingkah laku Kabinet di mana Yang Berhormat ada menjadi salah seorang anggota dan sebab itu mungkin akan menimbulkan situasi *conflict of interest*.

Sebab itu saya rasa satu lagi sebab, kenapa tidak begitu elok yang mana Yang Berhormat Padang Besar menjadi Pengerusi PAC sungguhpun ini tidak ada apa-apa *personnel inference* terhadap integriti beliau. Lebih mustahaknya ialah bahawa sama ada kita ada *political will* supaya kita mahu menjadikan Parlimen Malaysia menjadi satu *Parliament a first world* - 50 tahun kita sudah mencapai kemerdekaan. Parlimen sudah 50 tahun dan di banyak bidang kita perlulah ada reformasi modenisasi di Parlimen.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak mahu sebut mengenai apa yang berlaku minggu lalu mengenai apa yang terjadi kepada usul pindaan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Batu Pahat. Okey.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur yang menyebut tentang soal *accountability* dan sebagainya, tetapi tidakkah maksudnya pengalaman itu juga penting di dalam kita melaksanakan tanggungjawab untuk memenuhi keperluan *accountability* itu tadi iaitu *political will* dan sebagainya sebab Yang Berhormat Padang Besar bukan lagi menteri, tetapi dengan pengalaman-pengalamannya dalam Kabinet maka sudah tentulah apabila dia menjadi pengerusi kepada jawatankuasa ini, maka pengalaman itu boleh memberi satu dorongan dan juga bimbingan bagaimana dia boleh berfungsi.

Yang penting sebenarnya dulu pun Pengerusi-pengerusi PAC ini datang daripada pihak Barisan Nasional dan semuanya berjalan dengan baik. Saya rasa tidak timbul masalah sehingga pembangkang pula hendak jadi sebagai Pengerusi PAC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur boleh jawab jam 2.30 nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, *thank you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi panjang Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pendek, tidak panjang. Sebelum Dewan ditangguhkan Yang Berhormat daripada Batu Pahat ada tanya. Bukankah benar bahawa lebih baik ada seorang yang ada pengalaman dalam kerajaan menduduki atau mempengerusikan PAC. Memang ada orang yang ada pengalaman dalam kerajaan dianggap sangat baik, tetapi ada pengalaman pun boleh membangkitkan masalah kalau orang berkenaan adalah *vested interest*, sama ada oleh kerana *vested personal interest* atau kerana beliau adalah semacam Yang Berhormat Padang Besar sebelum pembubaran Parlimen dia adalah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jadi, apabila dia mempengerusikan PAC, apabila Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khasnya mengenai tempoh beliau memegang jawatan sebagai Menteri bangkit. Dia akan berada dalam satu keadaan yang sangat *untenable*, dan mungkin dia boleh kata dia akan *withdraw* atau undur diri daripada semua perbincangan dan kajian PAC, tetapi inilah menunjukkan betapa *dispensable* cadangan ini, oleh kerana bukan sahaja beliau pernah memegang jawatan sebagai menteri kerajaan baru-baru ini.

Akan tetapi ada rakan-rakannya dalam Kabinet, di mana prinsip *collective responsibility Cabinet*. *Collective responsibility* untuk semua ahli anggota Kabinet. Beliau pun patutlah bertanggungjawab mengenai apa yang berlaku dalam semua kementerian yang lain. Itu spesifik dan sungguhpun tidak merupakan *personal adverse interest*, tetapi saya berharap bahawa dalam Parlimen ini khasnya kita boleh lihat satu *political will* untuk melancarkan pembaharuan Parlimen. Bermula dengan mengadakan Ahli Parlimen pembangkang mempengerusikan PAC, dan ini adalah mustahak mengenai pembaharuan atau reformasi Parlimen dan modenisasi Parlimen, oleh kerana 50 tahun selepas kemerdekaan, Parlimen Malaysia nampaknya tidak selaras dengan perkembangan-perkembangan Parlimen-parlimen Komanwel yang lain, yang ada dilihat oleh beberapa generasi reformasi. Akan tetapi di Malaysia nampaknya kita mundur ke belakang dan semacam apa yang berlaku pada hari Khamis, apabila satu usul pindaan kepada Ucapan Menjunjung Kasih Titah Diraja ditolak atas sebab ia *irrelevant*. Satu cadangan untuk menubuhkan saya *Royal Commission of Enquiry* mengenai pendatang haram di Sabah untuk menyelesaikan satu masalah selama 30 tahun. Ini satu perkembangan yang sangat memeranjatkan, oleh kerana bukan sahaja dia melanggar *precedent Commonwealth Parliament*, tetapi melanggar *precedent* dalam Parlimen kita sendiri dan saya tidak mahu cakap panjang lebar mengenai perkara ini.

Sebagai satu contoh di mana Parlimen tidak maju ke depan, tetapi mundur ke belakang. *Mindset* bahawa apa-apa pindaan kepada *motion of thanks*, usul *Royal Address* bahawa itu tidak boleh dibenarkan, oleh kerana inilah *contempt* kepada raja ialah fikiran 200 tahun dahulu di UK dan di England. Dalam era pendemokrasian ini sudah tertinggal di belakang oleh kerana *Royal Address* bukanlah satu ucapan persendirian, raja-raja, tetapi merupakan satu *policy speech* kerajaan dan apa-apa kritik terhadap *Royal Address* bukan *personal attack* kepada Diraja, tetapi satu kritik, itu sudah diterima oleh semua amalan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, boleh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Ipoh Timur menyentuh tentang usul yang dikemukakan yang telah ditolak oleh Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya perkara IMM13, pendatang tanpa izin, kita yang kemukakan, Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah yang kemukakan. Jadi kita mungkin tidak mahu walaupun ada usul bukannya 100% mahu sokong cadangan daripada usul. Kita hanya mahu bagi tahu kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur, bahawa kita di Sabah mahu menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin, bukan bererti kalau ada *Royal Commission of Enquiry* yang mahu ditubuhkan ini boleh menyelesaikan. Mungkin *Royal Commission* ini dilantik orang-orang yang tertentu, yang tidak tahu menahu tentang hal Sabah. Jadi kita mahu mungkin lain daripada *Royal Commission*, kita di Sabah dengan adanya kerjasama *Federal* atau Persekutuan ini kita mahu menangani dengan kaedah kita Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang saya harus terangkan di sini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ada dua perkara sini. Satu perkara ialah mengenai sama ada satu pindaan usul itu patutlah diterima atau tidak. Sama ada kalau dikemukakan ke Dewan ini diputuskan oleh Ahli-ahli Parlimen. Itulah apa yang saya bincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat Ipoh Timur kita pindahlah sebab sudah diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tetapi oleh kerana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kalabakan di sini mungkin saya boleh memetik satu surat dalam Malaysiakini mengenai masalah pendatang haram di Sabah. Itu bukan satu masalah Sabah sahaja, itu ialah masalah rakyat Malaysia.

Di sini dengan izin:

"The illegals problem in Sabah is not a Sabah problem alone. It is a Malaysian problem. Today, these illegals dictate the Sabah state government. Tomorrow, it will be the Malaysian government. For their numbers in Sabah are too numerous and of greater concern is the way they can easily obtain citizenship and MyKads."

Itulah sebab sama ada *Royal Commission of Enquiry*, satu cadangan yang baik atau tidak. Itulah perlu diputuskan oleh Ahli-ahli Dewan dan rakyat. Saya percaya kalau ada satu *referendum* di Sabah sama ada patut atau tidak *Royal Commission of Enquiry* mengenai *illegal immigrant* di Sabah 99% akan sokong. Pengundi Ahli-ahli Parlimen tidak sokonglah.

■1440

Itu hal yang lain tetapi saya, di sini saya mahu balik kepada...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kalabakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Test, test* lagi satu *referendum*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pindahlah ke...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... di Sabah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi, Yang Berhormat Ipoh Timur memang dia mahu ambil *political mileage*. Sebab kita sudah suarakan. Rakyat tahu, rakyat di Sabah 100% sokong apa yang kita suarakan di Parlimen. Sudah! mereka tahu. Tidak perlu *referendum*. Rakyat Sabah perlu ditangani masalah pendatang tanpa izin bukan seperti mana yang direncanakan mesti *Royal Commission of Enquire*. Tidak perlu. Kita ada kaedah lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Ipoh Timur nanti boleh lihat bahawa kita ada cadangan-cadangan yang bernas untuk menyelesaikan masalah. Kita ini menyelesaikan masalah, kita ini Barisan Nasional. Kita boleh runding dengan cara kita kepada pihak yang berkuasa Persekutuan untuk menyelesaikan masalah dalam rumah kami di Sabah. Tidak perlu orang luar seperti DAP. Tidak perlu. Tidak perlu orang luar selesaikan. Kita perlu, kita selesaikan masalah ini cara kita di Sabah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perlu atau tidak perlu bukan ditentukan oleh Yang Berhormat Kalabakan. Oleh kerana ini satu masalah, bukan satu hari satu malam, sudah 30 tahun, kenapa masalah ini sampai sekarang?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Begitu rumit sehingga anak-anak Sabah sudah menjadi minoriti dalam...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tanah air mereka sendiri tetapi ini bukan perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, isu kita, di hadapan kita...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tahu. Itu bukan saya, Yang Berhormat Kalabakan...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Ipoh Timur jangan pandai-pandailah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... dia mahu membangkitkan kepada... Tidak perlu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu Yang Berhormat sudah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tadi dia sudah alih. Dia mahu balik lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah jawab dah.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Kalau hendak cari populariti bukan di Sabah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan saya harap main *political mileage* bukan di sini. Kita mahu selesai masalah. Mahu *political mileage* ialah mereka yang kata mahu selesai tetapi tidak mahu menangani isu ini. Itulah mereka mahu main *political mileage*. Kita di sini tidak mahu main politik dalam perkara ini. Kita mahu selesaikan *ones and for all*. Masalah *illegal immigrant* di Sabah supaya anak-anak Sabah menjadi minoriti dan *strangers* dalam tanah air mereka, di negeri mereka. Kita tidak mahu masalah ini menjadi satu masalah nasional pun dan *royal commission of enquiry* kenapa tidak boleh di ketuai oleh seorang anak *Sabahan*? Kenapa tidak boleh? Kita datang, *royal commissions of enquiry* diketuai, dipengerusikan seorang *Sabahan*. Ini pun boleh selesaikan masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Bangkit *Account Committee* Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, balik kepada *Account Committee* tapi sebelum itu, kita perlulah, cadangkan di hadapan Dewan yang mulia ini ialah bahawa Yang Berhormat dari Kepong seorang Ahli Parlimen yang begitu berpengalaman mengetuai PAC, supaya PAC boleh menjadi satu mekanisme yang boleh memainkan *check and balances* yang sangat begitu penting dalam satu sistem *Parliamentary democracy* supaya kerajaan adalah tulus, adalah *accountable*, adalah tidak berlaku apa-apa penyelewengan khasnya dalam pengurusan kewangan di tanah air kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Saya minta menteri menjawab. Sila menteri.

2.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Ipoh Timur tapi saya ingat benda ini lebih elok kalau Ketua Pembangkang yang bawa. Baru ada nampak satu pakatan, ya tapi tidak apalah. Saya kira hanya DAP yang mahu menaikkan calon dialah.

Pertama, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa daripada segi *legality* tidak ada kesalahan untuk kita melantik Yang Berhormat Padang Besar dalam hal ini. Yang Berhormat bangkit *doctrine of separation* dan juga *Standing Orders* 70 berapa tadi? Saya tak ingat. Mungkin Yang Berhormat pun juga tak ingat, ya. 78. Jadi daripada segi order itu

pun tidak ada kesalahan kerana dia berkisar kepada seorang menteri tidak boleh jadi pengerusi. Yang jadi pengerusi pada hari ini ialah seorang bekas menteri. Sebenarnya ini bukan kali pertama ianya berlaku sebab dalam sesi Parlimen yang lepas, seorang bekas menteri juga telah mempengerusikan PAC ini iaitu Yang Berhormat daripada Johor Bahru tapi sekarang sudah jadi menterilah.

Jadi dia bukan merupakan satu perkara yang melanggar mana-mana *standing order*, undang-undang, legalistiknya ada dan ia juga tidak satu perkara yang dilakukan tanpa presiden. Dia ada presiden. Sebenarnya Yang Berhormat, kita harus melihat secara positif tentang apa yang kita lakukan. Lebih baik kita fikirkan tentang kita melakukan pelantikan ini, mengambil kira Yang Berhormat Kepong itu sendiri.

Pertama, saya tidak ada langsung ada pandangan yang merasakan Yang Berhormat Kepong tidak layak. Dia memang seorang yang layak. Tujuh penggal duduk di dalam Dewan, saya kira dia sudah cukup berpengalaman. Namun saya mengambil kira iaitu bahawa apabila dia menjadi pengerusi, kemungkinan oleh kerana ini kali pertama dia akan menjadi pengerusi, kita juga mengambil kira itu bahawa sudah tentu tekanan dan *pressure* terhadap beliau itu lebih daripada seorang daripada Barisan Nasional menjadi pengerusi, kerana sudah tentu kalau dia menjadi pengerusi kali pertama, maka *expectation* untuk dia melakukan drastik yang akan menyebabkan dia kadang kala terpaksa mengambil tindakan lebih untuk hendak memenangkan hati pihak pembangkang ataupun parti dia sendiri.

Jadi dia *under pressure*. Jadi kita kena fikir dia juga. Saya sudah tentu tidak bertanya kepada dia tetapi saya ambil kira itu bahawa bagi seorang pembangkang buat kali pertama untuk menjadi pengerusi, sudah tentu tekanan kepada dia adalah lebih kuat daripada seorang daripada pihak Barisan Nasional. Jadi kita fikirkan tentang pengalaman dia, sebab itu kita telah mengambil keputusan untuk melantik Yang Berhormat Padang Besar kerana saya kira maruah Yang Berhormat Kepong juga kita harus jaga.

Yang Berhormat Padang Besar kalau dilantik sebagai pengerusi sudah tentu dia tidak akan menidakkan tentang keupayaan Yang Berhormat Kepong untuk duduk sebagai timbalan pengerusi. Kalau pihak kerajaan melantik seorang yang baru, yang mungkin tidak ada pengalaman, tidak pernah duduk dalam PAC dan menjadi pengerusi, dan daripada segi dia punya rekod pun dia seorang yang junior, sudah tentu ini merupakan satu pukulan hebat terhadap Yang Berhormat Kepong.

Jadi sebab itu kita suka atau tidak suka, melantik daripada pihak kerajaan bekas menteri. Kerana sudah tentu Yang Berhormat Kepong tidak akan merasa bahawa keupayaan dan kebolehan dia itu dipertikaikan kerana yang kita lantik itu ialah seorang bekas menteri. Saya faham, dia bekas menteri dan sudah tentu dia mengetuai satu kementerian sebelum dia tidak menjadi menteri lagi. Namun Yang Berhormat sendiri telah sebut Yang Berhormat Ipoh Timur itu, bahawa kalau dalam isu yang sebegini, kalau dia merasakan bahawa dia tidak boleh hendak mempengerusikan, kita pada ketika itu memberikan kepercayaan kepada Yang Berhormat Kepong untuk mempengerusikan mesyuarat itu. Jadi tidak ada masalah.

Maka dengan itu, saya merasakan itu bahawa cadangan daripada pihak kerajaan supaya Yang Berhormat Padang Besar menjadi pengerusi dan Yang Berhormat Kepong timbalan pengerusi, itu satu cadangan yang baik... [*Tepuk*] Yang seimbang dan sebenarnya memberi, orang kata apa, satu situasi yang tidak akan merugikan di mana-mana pihak. Khususnya kepada Yang Berhormat Kepong tidak akan merasa tersinggung sebab yang akan menjadi pengerusi itu adalah seorang bekas menteri dan bukan muda pun, saya ingat dah lebih tua daripada Yang Berhormat Kepong kot.

Jadi kita bagi mukalah kepada Yang Berhormat Kepong. Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: PJ Utara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya agak alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi macam tidak begitu lain logiklah sebab kalau tidak pernah jadi...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kalau tak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat PJ Utara. *Just...*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kalau tak pernah jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Teruskan, teruskan.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ...*PAC Chairman* dengan izin, kalau tidak pernah jadi *PAC Chairman* dan pernah jadi naib *chairman* bagi penggal yang lepas dulu, tentu pengalaman sudah mencukupi... [*Tepuk*] Tentu pengalaman dah mencukupi dan selepas itu kalau katakan, kita sekarang bukan *first world Parliament*, sebab pihak pembangkang tidak menduduki kerusi PAC, macam itu boleh kata tak, sebab kita tidak ada pengalaman jadi *first world Parliament*, jadi tak payahlah jadi *first world Parliament*, ikut sahaja cara yang lama? Saya fikir kita kena ada fikiran yang baru, fikiran untuk berubah supaya kita ada satu *first world Parliament* di mana Ketua PAC itu, *chairman PAC* itu, seorang daripada pihak pembangkang. Saya harap menteri akan memberikan pertimbangan.

■1450

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa untuk menjadi Pengerusi PAC bagi seorang yang pernah menjadi menteri untuk dia mempengerusikan PAC itu bukan suatu perkara yang agak sukar bagi dia. Saya kira menjadi seorang menteri menuntut kepada satu *effort* yang saya rasa lebih banyak kalau nak dibandingkan sebagai Pengerusi PAC. Saya rasa bagi seorang yang pernah menjadi menteri, sebagai contoh Yang Berhormat Johor Bahru dulu apabila dia tidak pernah menjadi ahli PAC tetapi Yang Berhormat Kepong telah pun lebih lama daripada dia, tetapi DAP tak pernah bangkitkan, mempertikaikan tentang kebolehan Yang Berhormat Johor Bahru.

Jadi saya tak tahulah mungkin ada *personal* dengan Yang Berhormat Padang Rengas, saya tak tahulah. Saya kira Yang Berhormat Ipoh Timur memang tak *personal*, orang yang baik. Dia orang tua. Dia baik. Apa Yang Berhormat Ipoh Timur tak baikkah? [*Ketawa*] Dia orang baik. Saya tak fikir ada *personal* tapi nampaknya macam *personal*. Kalau Yang Berhormat Johor Baru dulu boleh, tapi bila Yang Berhormat Padang Besar tak boleh. Bagi saya, saya rasa soal pengalaman Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak berbangkit kerana seorang menteri saya rasa dia bila jadi Pengerusi PAC, saya ingat satu jawatan yang dia boleh jalankan. Saya tak fikir Pengerusi PAC adalah jawatan yang lebih menyulitkan daripada sebagai menteri. Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Persoalan di sini adalah kita bukan mempertikaikan kewibawaan ataupun integriti seseorang bekas menteri ataupun kemampuan beliau. Persoalan di sini adalah apakah peranan utama PAC? Peranan utama PAC adalah memberikanimbangan dan pemeriksaan terhadap akaun awam, *to check and balances* dengan izin. Maka untuk memainkan peranan *check and balances* yang efektif, bagi wakil dari pembangkang adalah lebih sesuai untuk menduduki dan menjawab jawatan tersebut kerana bagi seorang bekas menteri apabila menjadi Pengerusi PAC, dia terpaksa juga mengikut peranan ataupun pendirian parti. Contohnya Yang Berhormat Johor Bahru pernah terpaksa meletakkan jawatan sebagai *Backbenchers Club Chairman* kerana tidak mengikut arahan dari parti. Sebab itu untuk mengelakkan peristiwa ini berulang, kita di pihak sini mencadangkan supaya pihak pembangkang diberikan peluang menduduki PAC.

Sekiranya Parlimen membuat satu teladan yang baik di mana negeri-negeri lain akan ikut sama juga. Saya haraplah teladan bermula daripada peringkat Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Pengerusi *Backbencher* dengan Pengerusi PAC jauh bezanya. Tak boleh dibandingkan sama, tapi saya ingin menyatakan kalau dulu Yang Berhormat Johor Bahru menjadi Pengerusi PAC, kita tengok dia telah menjalankan tugas dia dengan baik. Seheinggakan dia turun ke bawah dan satu yang penting di sini ialah selaku Pengerusi PAC dia tak pernah di suruh meletak jawatan. Bermakna iaitu bahawa walaupun seorang bekas menteri jadi PAC, dia buat kerja bebas. Saya ingin menyatakan dalam rekod tidak ada Pengerusi PAC di suruh meletak jawatan melainkan apabila kita lantik jadi menteri macam Yang Berhormat Johor Bahru. Macam itulah sebab dia bagus kerja, sekarang jadi menteri.

Jadi, sebab itu saya rasa kita tak boleh mengelak daripada untuk membuat perbandingan kerana kita pernah ada seorang bekas menteri jadi Pengerusi PAC. Jadi bila kata yang ini tak bagus, macam mana nak elak kerana ada *precedent* menunjukkan seorang bekas menteri pernah menjadi Pengerusi PAC dan telah berjalan dengan baik. Jadi sebab itu Yang Berhormat Taiping, saya tak boleh terimalah tapi saya bagi pandangan iaitu bahawa saya rasa Yang Berhormat Padang... Padang Serai pula. Ada tiga padang di sini. Padang Rengas, Padang Serai dan Padang Besar. Padang ragut tak ada. Yang Berhormat Ipoh Barat boleh jadi wakil padang ragut. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada empat orang minta penjelasan. Ada empat orang lagi; Yang Berhormat Kinabatangan, Machang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isunya ialah berkaitan dengan integriti, kewibawaan, kebolehpercayaan dan keberkesanan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan hal ini termaktub dalam Peraturan Tetap 77(1) (a), (b), (c) dan (d). Perkara (d) Yang Berhormat Menteri, tugas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara antara lain ialah kena periksa apa-apa perkara yang difikirkan oleh jawatankuasa itu patut diperiksa ataupun perkara-perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada jawatankuasa. Jadi saya cuba mengelak perbincangan ini daripada soal personaliti calon yang kita angkat berupa cadangan, tapi saya mulakan tadi dalam "...", saya bahawa keberkesanan, kebolehpercayaan dan juga kecekapan.

Saya ambil contoh, betul bekas Yang Berhormat Menteri yang merupakan Pengerusi PAC yang lepas menjalankan tugas dengan baik, tapi ada ketikanya saat menjalankan satu pemeriksaan ke atas insiden yang agak menggemparkan satu ketika dulu. Dari hal sebuah syarikat perunding kewangan yang kemudian bercantum dengan sebuah syarikat milik Menteri Kewangan diperbadankan dan Menteri Kewangan diperbadankan itu pula di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan. Menteri Kewangan juga adalah merupakan seorang Perdana Menteri. Syarikat yang bercantum itu pula adalah merupakan orang yang ada kaitan persaudaraan, hubungan saudara dengan Perdana Menteri. Terbukti siasatan yang berjalan itu banyak menimbulkan persoalan.

Jadi kalaulah Pengerusi PAC ini boleh kita pertimbangkan, sudilah kiranya untuk memberi ruang kepada wakil daripada pembangkang dengan mengambil kira bahawa soal kesulitan itu sebenarnya saat menjalankan tugas lebih akan dirasakan kalau ia terdiri daripada seorang dari kalangan penyokong kerajaan. Lagi pula seorang yang punya rekod yang kerjanya cuma menyokong apa saja dasar dan keputusan kerajaan, sudah tentu tidak boleh menjadi seorang pengerusi bagi mengetuai jawatankuasa ini secara berkesan. Kes yang saya nyatakan tadi merujuk kepada isu ECM Libra, Avenue Capital yang melibatkan Menteri Kewangan diperbadankan dan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri yang rakyat tak mendapat satu kepastian, satu kepuasan gara-gara kerana tugas ini dilakukan oleh

sebahagian daripada pemegang jawatannya di kalangan penyokong kerajaan. Itu baru satu contoh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau saya dengan izin, *using the same argument*, saya juga tidak boleh serahkan kepada Yang Berhormat Kepong untuk menjadi pengerusi dalam hal yang demikian kerana dia pembangkang. Sudah tentu dia juga *bias. Same argument*. Bermakna saya tak boleh beri kepercayaan kepada dia kerana dia adalah pembangkang dan sudah tentu ia akan buat kerja tidak berlaku adil kerana macam mana sekali pun dia akan cari kesalahan walaupun mungkin tidak ada kesalahan. *It's the same argument*. Serupa juga, cuma bezanya Yang Berhormat tidak percaya kepada Yang Berhormat Padang Besar. Saya percaya kepada Yang Berhormat Kepong, cuma saya lebih percaya kepada Yang Berhormat Padang Besar saja dan bukan saya tak percaya kepada dia.

Dalam hal ini sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita terus berhujah, sampai bila tak habis. Dua-dua belah tak boleh jadi pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya ingat kita tak perlu memanjangkanlah, cuma saya suka Yang Berhormat... apa nama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bukit Bendera.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Bukit Bendera, saya suka dia. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak suka dengan Yang Berhormat Kinabatangan kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Suka juga.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini bukan individu, bukan personaliti tapi amalan *Westminster* atau amalan sistem berparlimen *Westminster* yang diamalkan di Malaysia bahawa PAC sepatutnya dipengerusikan oleh wakil pembangkang. So, ini isu bukan individual tapi isu *Westminster, check and balance*. Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soal PAC ini tidak hanya memusatkan kepada pengerusi saja. Saya percaya sebagai Timbalan Pengerusi, wakil Kepong telah pun memainkan peranannya dengan baik pada masa-masa yang lepas yang mana dia telah memberi juga sokongan dan bantuan kepada pengerusi yang lepas. Kita lihat betapa berkesannya PAC di masa yang lepas. Itu pun pengerusinya bekas menteri. Jadi sama ada PAC boleh bertindak sebagai *check and balance* tidak bergantung pada pengerusi iaitu mesti daripada pembangkang. Yang penting jawatankuasa itu juga mesti terdiri daripada wakil-wakil yang datang daripada parti pembangkang. Itu lebih penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

■1500

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya rasa Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi Yang Berhormat Kinabatangan? Kawan ni.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini kalau tak bagi Yang Berhormat Kinabatangan ini, kawan saya. Walaupun saya ingat kalau banding dengan Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Bukit Bendera 'jambu' lagi [Ketawa] Tidak apalah kita bagi kat dialah. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak nampaklah relevansinya cadangan-cadangan hujah yang dikemukakan oleh Ipoh Timur. Ini kerana dulunya Yang Berhormat Kepong ini timbalan pengerusi, banyak lagi wakil-wakil pembangkang di dalam jawatankuasa ini. Mereka tidak berfungsikah

semasa Yang Berhormat Johor Bahru menjadi pengerusi dia? Jadi kalau dia tidak berfungsi, bukan salah pengerusi, dia ada hak untuk berhujah. Jikalau pengerusi tidak betul jawatankuasa boleh memperbetulkan.

Kedua, adakah Yang Berhormat melihat di negeri-negeri yang pembangkang menang seperti di Perak, di Kedah, di Selangor, di Pulau Pinang, di Kelantan, adakah mereka bagi kepada pembangkang? Pengerusi PAC ataupun di kalangan mereka sendiri?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ada, Selangor sudah bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat apa yang saya sudah ditanya tadi sudah pun dijawab. Jadi saya ingat tidak perlu kita memanjangkan lagi perbahasan ini kerana kita ada banyak lagi kerja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa cadangan pindaan kepada Usul Perdana Menteri seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu tadi hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

USUL

PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN BAGI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN YANG DISUSUN SEMULA

3.03 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan Usul Mengenai Anggaran Mengurus dan Pembangunan Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan Tahun 2008;

“Bahawasanya berikutan dengan Pilihan Raya Umum Ke-12 beberapa kementerian telah disusun semula, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri diserapkan ke dalam Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan yang kini dikenali sebagai Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah digabungkan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang kini dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri;

DAN BAHAWASANYA perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2008 [Akta A1321];

DAN BAHAWASANYA kementerian-kementerian yang disusun semula itu perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya;

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri yang peruntukannya perlu dikurangkan dan amaun belum dibelanjakan berhubung Maksud B.61 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang diperuntukkan untuknya perlu

dipindahkan, telah disekat melalui waran yang dikeluarkan melalui Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

DAN BAHAWASANYA menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A peruntukan-peruntukan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat tertakluk kepada suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana peruntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui satu usul oleh seorang menteri;

MAKA DEWAN INI membuat ketetapan seperti berikut:

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang yang tidak melebihi RM156,321,277. Di bawah Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri kepada Maksud B.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dan
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang yang tidak melebihi RM 966,081,051. Di bawah Maksud B.61 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Maksud B.62 Kementerian Dalam Negeri.

DAN

BAHAWASANYA perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula itu serta kementerian dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan seperti di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2008;

DAN BAHAWASANYA kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu perlu dibuat peruntukan perbelanjaannya berikutan penyusunan semula fungsi-fungsinya;

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan Maksud P.6 Jabatan Perdana Menteri yang diperuntukannya perlu dikurangkan dan amaun belum dibelanjakan berhubung dengan Maksud P.61 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang diperuntukannya untuknya perlu dipindahkan telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];

MAKA DEWAN INI membuat ketetapan seperti berikut:

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang yang tidak melebihi RM22,757,000 di bawah Maksud P.6 Jabatan Perdana Menteri kepada Maksud P.44 Kementerian Perpaduan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dan
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang yang tidak melebihi RM267,955,495 di bawah Maksud P.61 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Maksud P.62 Kementerian Dalam Negeri."

Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Sebelum kita membahas Yang Berhormat, biar saya membuat penjelasan dahulu. Sumber kewangan yang dipindahkan daripada satu kementerian kepada satu kementerian lain ini sebenarnya sudah diluluskan pada tahun lepas iaitu masa belanjawan. Tidak banyak lagi perkara, hanya nama kementerian itu ada perubahan itu sebab pemindahan dikehendaki di bawah Peraturan 66(a).

Sila Yang Berhormat Kepong. Pendekkan Yang Berhormat.

3.09 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Peraturan Mesyuarat 66 membenarkan pemindahan B.6 dan P.6 serta B.61 dan P.61 kepada kementerian-kementerian yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak perpaduan negara, kita terpaksa sentiasa memupuk semua kaum bekerjasama. Pemindahan Maksud B.6 dan P.6 perpaduan kepada lain kementerian menimbulkan syak wasangka terhadapnya kemudian. Mengapa kita hendak pindah? Apakah itu fungsinya di dalam Jabatan Perdana Menteri tidak berkesan? Tidak berkesan.

■1510

Ini memang satu perkara yang penting kerana perpaduan negara adalah terpenting sekali di negara ini. Sepatutnya, bukan sahaja kita pinda, kita patut adakan Kementerian Perpaduan sendiri untuk memupuk perpaduan di dalam negara ini. Sebab apa sahaja berlaku, misalnya dengan keputusan yang di luar dugaan pada 8 Mac 2008 mengenai pilihan raya umum, maka timbulkan masalah. Mengapa timbul masalah? Kerana ada sesetengah pihak, dia memainkan masalah perkauman pula. Tiba-tiba, ada konvensyen di situ, konvensyen di sini, untuk menegakkan masalah-masalah perkauman.

Pada lebih 10 tahun yang lepas, Kerajaan Barisan Nasional pada waktu itu, melaung-laungkan bangsa Malaysia. Kita dalam DAP pun bersetujulah kita hendak adakan bangsa Malaysia, kerana kita ada Malaysian-Malaysia. Itu kita bersetuju, tetapi tiba-tiba pada 8 Mac 2008...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *[Bangun meninggalkan Dewan]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Padang Rengas dah hendak lari dah. *[Ketawa]* Selepas keputusan pilihan raya, masalah konsep bangsa Malaysia tidak timbul lagi. Ini masalahnya. Saya berharap Yang Berhormat mengambil perhatian mengapa kita perlu pindah selepas pilihan raya ini.

Adakah ini bermakna bermulanya cara baru untuk menguruskan masalah perpaduan kaum? Kerana kita sentiasa hendak adakan program, pengajaran, pendidikan, semua aktiviti untuk memupuk perpaduan. Sama ada perpaduan dengan Sarawak, perpaduan dengan Sabah, perpaduan dengan semua wilayah di Malaysia ini. Perlu kita sentiasa buat, tidak boleh berhenti langsung. Sebab itulah, bukan sahaja saya menimbulkan kesangsian terhadap pemindahan ini, bahkan juga saya mencadangkan supaya kita mengadakan Kementerian Perpaduan. Dan jangan kita pindahkan lagi selepas kita adakan Kementerian Perpaduan di negara ini. Sentiasa kita tekankan dan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Selepas keputusan ataupun berlaku tsunami pada 8 Mac 2008, tidak ada lagi bangsa Malaysia. Akan tetapi adalah mengenai ketuanan Melayu, kedaulatan Melayu, bukannya sebenarnya patut apa yang berlaku selepas 50 tahun ialah ketuanan rakyat Malaysia dan kedaulatan rakyat Malaysia?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang saya bersetujulah, ketuanan orang Malaysia semua dari Sarawak, dari Sabah dan dari Semenanjung. Kelantan, Terengganu, Johor, ketuanan orang Malaysia, itulah caranya. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil pusing mengenai hal ini. Jangan kita semasa perhimpunan UMNO, kita mesti tekankan. Di situ, tiap-tiap hari, tiap-tiap saat, ketuanan satu kaum sahaja. Jadi HINDRAF pun, satu kaum. Cina pun satu kaum, sentiasa kita tekankan macam itu. *[Disampuk]* Memang wujud porak peranda, kita tahu dah. Mujurlah pada 8 Mac, rakyat Malaysia sudah bosan dengan pelbagai ketuanan ini.

Jadi itulah saya cadangkan satu Kementerian Perpaduan dan kerana kita akan mengambil masa yang singkat sahaja...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Kepong, kawan lama. Cuma satulah Yang Berhormat Kepong, kita ada Barisan Nasional, di sana ada PKR. Kedua-dua kita saling hormat-menghormatilah. Apa pandangan Yang Berhormat, tentang Barisan Nasional ini kerana ia adalah sebuah parti yang mewakili semua kaum, tanda perpaduan yang unggul. Adakah Yang Berhormat Kepong bersetuju?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Yang Berhormat,..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia terkepung-kepung!!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat Kepong. Kalau tidak ada lagi...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, memang kita ada masa. Kenyataan Yang Berhormat Ledang itu memang masalah yang samar-samarlah. Kita tidak tahu apa yang dia maksudkan. Saya berharap dia dapat terangkan kemudiannya.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit, mencelah sedikit yang ini. Hulu Terengganu, Hulu Terengganu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Okey.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bercakap tentang perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua, saya teringatlah tentang pakatan murni di antara kaum ketika kita hendak mencapai kemerdekaan dahulu. Di mana dalam pakatan itu, telah ada persetujuan di antara ketiga-tiga kaum yang terbesar di mana satu kaum menerima dan bertolak ansur.

Saya hendak ingatkan balik, bahawa dalam pakatan murni itu di mana orang Melayu telah bersetuju menerima konsep kerakyatan 'jus soli' yang ditentang hebat pada masa Malayan Union dahulu. Diterima pakai dan ekor dari pada itu, kesediaan orang Melayu menerima konsep kerakyatan jus soli setahun selepas kemerdekaan dari tahun 1957 - 1958, kira-kira 800,000 orang bukan Melayu telah diterima sebagai kerakyatan sebagai balasan kepada penerimaan orang-orang kaum Cina dan India yang menerima kedudukan orang-orang Melayu sebagai mempunyai hak keistimewaan, kedudukannya, bahasa Melayu dan agama Islam. Kenapakah kita ungkit balik perkara yang telah dipersetujui yang telah memberi manfaat kepada orang-orang bukan Melayu yang menerima kerakyatan pada masa itu? *[Tepuk]*

Cukuplah kita mengungkit perkara-perkara ini, sebab ini merupakan satu gambaran sejarah yang telah diterima pakai oleh anak-anak kita. Kalau kita asyik ungkit-mengungkit, ini akan mencetuskan rasa tidak puas hati dan rasa sayu kepada orang-orang Melayu. Sekian, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita bagi dia untuk mencelah sedikit, dia hendak buat ucapan pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah bagi lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah masalah-masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong, tak dengar pun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita menekankan ketuanan orang Malaysia dan hak-hak semua kaum, mestilah dipelihara. Sama ada hak Melayu, hak Cina, hak India, semua mesti dipelihara. Jangan kita merampas hak-hak sesiapa pun, termasuk hak-hak Melayu. Tidak boleh! Kita di DAP tidak mahu merampas hak-hak orang Melayu. Jadi, itulah jawapan. Kita tidak ada maksud kerana dia hendak hadkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Kita...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita ada lagi satu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Lagi satu, takut kawan-kawan MP PKR dengan PAS, tidak faham. Yang Berhormat, sedikit sahaja. Ya, Yang Berhormat Kepong, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya itu pun yang dimaksudkan tentang ketuanan orang Melayu, iaitu soal hak dan kedaulatan. Bukan soal paksaan. Pembelaan kepada empat perkara iaitu sultan, bahasa, Islam sebagai agama rasmi dan juga hak istimewa orang-orang Melayu.

Kita pun sebenarnya, kalau diikutkan dari segi ekuiti, baru 18% sahaja. Itu pun belum sampai 30%. Tidak ada maksudnya untuk merampas hak orang lain! Jadi jangan kaitkan ketuanan orang Melayu dengan perhambaan, tidak ada! Tidak timbul soal perhambaan di sini.

Jadi, jangan dikelirukan ketuanan orang Melayu itu dengan perhambaan dan sebagainya. Tidak ada! Ini cuma bertujuan untuk pembelaan sahaja. Pembelaan kepada hak yang belum dapat dipenuhi. Jadi, jangan dikelirukan. Sebab itu saya tengok, kadang-kadang DAP yang banyak bermain isu perkauman sebenarnya. *[Tepuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, di sini kita menekankan ketuanan orang Malaysia. Kita tidak boleh merampas hak-hak kaum mana-mana pun, kerana ini negara yang majmuk. Kita tidak boleh merampas hak orang lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemindahan B.61 dan P.61.

■1520

Ini memang kena-mengena dengan pasukan Polis Diraja. Saya pun kurang faham kenapa sekarang kita hendak pindahkan dan bagi saya dengan pemindahan ini bolehkah kita menjamin bahawa bilangan polis yang berkaliber akan ditambah kerana pihak Kabinet pada tahun lepas sudah memutuskan bahawa dalam masa lima tahun ini kita akan tambah 60,000 anggota polis dan ini memang satu langkah yang perlu kita buat.

Walau bagaimanapun, buat masa ini saya mendapat tahu bahawa pusat-pusat latihan dan kemudahan untuk melatih polis ini satu tahun kita hanya boleh melatih 4,000 anggota sahaja. Itu pun pada dahulunya saya nampak di Maktab Polis Diraja bahawa kita hanya ada kemudahan untuk melatih 2,000 anggota sahaja setahun. Kemudian jawapan di dalam Dewan ini mengatakan bahawa boleh melatih 4,000 anggota. Itu pun sangat kecil bilangannya kerana kita perlu melatih 12,000 setahun dan saya berharap dengan pemindahan B.61 ini kita dapat mewujudkan pusat-pusat latihan polis dengan secukupnya dengan pelatih yang baik dan bila kita pilih anggota-anggota rekrut yang baru kita pilih dengan kaliber yang tinggi termasuk semua kaum kerana Polis Diraja mesti membayangkan komposisi kaum di dalam negara ini. Itu satu perkara.

Di sini juga saya nampak di banyak kawasan termasuk di Kepong apabila kita membuat aduan kerana bilangan jenayah sudah bertambah pihak OCPD ketua polis daerah pinjam anggota daripada kawasan lain untuk menumpukan perhatian kepada kawasan di mana berlakunya banyak jenayah dan bilangan jenayah turun di situ tapi di kawasan-kawasan lain bertambah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, celah sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi tidak akan menyelesaikan masalah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ingin mencelah sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya sangat tertarik kepada Yang Berhormat Kepong mengatakan keanggotaan polis kita mencerminkan bilangan kaum yang ada. Hendak tanyalah, ada tak usaha-usaha daripada pihak Yang

Berhormat Kepong untuk menggalakkan orang-orang bukan Melayu ini ataupun rakan-rakan kita daripada Cina dan India menyertai sebab sepanjang pengalaman saya sama ada askar, polis apabila diadakan *interview* khususnya bagi jawatan-jawatan rendah tak ada pun daripada Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi ini tentulah Yang Berhormat boleh memainkan peranan. Ada tak usaha Yang Berhormat sendiri menggalakkan untuk menyertai pasukan polis ini sebab dianggap satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Hulu Terengganu, saya memang sentiasa menekankan bahawa semua kaum India, Cina mesti menyertai pihak polis tapi kita memandang jauh sedikit mengapa negara China, di Hong Kong, di India, di Taiwan mereka berbaris untuk menyertai pasukan polis tapi di negara ini tidak. Apakah masalahnya?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apakah faktor-faktor yang wujud di negara ini yang berlainan berbanding dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi? Jadi saya berharap Yang Berhormat Hulu Terengganu pun boleh balik kita berfikir dengan masak-masak mengapa hal di negara lain tidak serupa dengan di negara ini mengenai penyertaan pasukan polis.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Boleh bagi penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payahlah Yang Berhormat Hulu Terengganu. Kalau orang pancing dia hulurkan joran itu tak payahlah kita hendak makan umpan dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi ada lagi Yang Berhormat Ipoh Timur ada perkara-perkara yang penting akan dibangkitkan dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Setakat itu sahaja saya, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

3.25 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada P.10 iaitu Perbendaharaan. Saya ingin bertanya kepada kementerian apa sebenarnya berlaku semasa penggabungan di antara Intrakota dan juga Park May dan dijadikan sebagai RapidKL iaitu pengangkutan bas. Masalah ini telah dipersoalkan oleh rakyat...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tak ada kena-mengena.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada, ada kena-mengena. Ia ada kena-mengena. Perbendaharaan. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada kena-mengena. *Point of order.*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tak ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada pada usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, usul pemindahan sumber kewangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa buat usul sekarang?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, belum. Belum, belum!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada kena-mengena. Duduk!

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Dia baru masuk itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini usul apa? Bukankah kita bahas ini?

[Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum Yang Berhormat, belum. Sudah habis Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada benda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat Tumpat.

3.26 ptg.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin melibatkan diri dalam perbahasan. Kalau mengikut Aturan Urusan Mesyuarat kita ini agenda yang ketiga iaitu berkaitan dengan penggabungan kementerian dan jabatan selepas pilihan raya yang lalu.

Sebagaimana yang kita semua maklum sebelum pilihan raya yang lalu Tuan Yang di-Pertua, menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen 100 orang sampai ke sini semuanya dan Yang Berhormat dan kami ini hanya di tepi-tepi dan di hujung-hujung tapi selepas keputusan pilihan raya yang lalu yang MIC dahulu semua kecuali seorang tak jadi menteri, timbalan menteri atau setiausaha parlimen. Yang itu seorang sekarang ini jadi timbalan menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Di bawah apa ini Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Di bawah penggabungan kementerian-kementerian ini. Saya hendak menunjukkan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang di luar Yang Berhormat tak digabung lagi sudah.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: ...selepas pilihan raya umum digabungkan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Yang saya hendak mempersoalkan di sini ialah mungkin sebagai panduan yang baik bagi kita semua dan termasuk bagi kami ini insya-Allah iaitu supaya ada sedikit peraturan sama ada dimasukkan dalam Perlembagaan atau dijadikan amalan supaya jumlah menteri-menteri dan kementerian-kementerian dihadkan.

Amalan Komanwel di Britain saya fikir 24 orang yang bertaraf kabinet. Jepun katanya 16, Amerika Syarikat selepas peristiwa 11 September 2001 George Bush ingin mewujudkan satu Setiausaha Negara Khas untuk keselamatan dalam negeri. Beliau terpaksa membawa usul untuk diluluskan di peringkat kongres supaya jabatan itu diwujudkan dan setiausaha jabatan tersebut bertaraf menteri mengikut isitlah kita di sini.

Jadi saya rasa daripada perubahan-perubahan yang berlaku seperti pengalaman sekarang ini di mana Kementerian Dalam Negeri ini hanya satu penggal sahaja dipecahkan, selepas satu penggal digabungkan kembali. Saya fikir amalan ini adalah satu panduan yang baik bagi kita semua supaya tidaklah kementerian, menteri-menteri, jawatan-jawatan timbalan menteri, setiausaha parlimen-setiausaha parlimen dijadikan sebagai lantikan mengikut keadaan, keperluan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meraih sokongan dan ketaatsetiaan terutama sekali dalam musim pilihan UMNO yang ada pada tahun ini saya harap itu tidak menjadi amalan dilakukan oleh mereka ini. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu sahaja Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tak ada, saya ada *point* lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada lagi?

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Selain daripada menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, setiausaha politik, saya bekas setiausaha politik jumlahnya saya tengok sekarang ini tidak ada panduan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiga empat orang setiausaha politiknya sahaja. Tak ada panduan. Penasihat khas bertaraf menteri. Ohh, Hamid Othman ya, bekas calon yang kalahnya, sudah ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat penasihat kepada Perdana Menteri bertaraf menteri tentang isu yang sama. *[Tepuk]* Saya fikir ini adalah pembaziran.

■1530

Kita nak belanjawan tambahan pula selepas ini. Kita harga beras naik, harga minyak naik dianggap merugikan negara. Ini kita belanja dengan begitu membazir dan mewah jawatan-jawatan seperti setiausaha politik, pegawai khas dan sebagainya ini Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri ini sangat besar jabatannya. Ia nama jabatan tetapi sangat besar. Saya ingin mencadangkan supaya jabatan-jabatan yang ada di bawah Jabatan Perdana Menteri itu mungkin baik jika diagihkan kepada kementerian-kementerian. Saya faham timbalan-timbalan menteri kompelin kepada saya kerja tidak banyak, tugas tidak banyak dan sebagainya. Jadi, bagilah kepada dia orang jabatan-jabatan yang ada dalam Jabatan Perdana Menteri sebahagian...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mencelah sikit. Tuan Yang di-Pertua, mencelah sikit.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: ... supaya mereka dapat bertugas dengan sepenuhnya. Ya, Ya.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya nak tanya. Tadi ada timbalan-timbalan menteri yang mengadu. Siapakah timbalan menteri yang mengadu tadi?

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Mungkin saya lebih ramai kawan menteri dan timbalan menteri berbanding Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ya, sebutlah nama itu, sebutlah nama itu. Jangan pakai ucap saja. Takut nama...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Saya lebih kenal mereka mungkin daripada Yang Berhormat sendiri. Mungkin Yang Berhormat tidak berapa tahu dan mungkin pengalaman dan maklumat itu saya ambil sendiri daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga ingin sangat berhubung dengan saya Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi inilah saya fikir perkara-perkara yang perlu kita fikirkan supaya ada panduan berkaitan dengan perwujudan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam sistem politik negara kita ini supaya tidak ada lagi penyalahgunaan kuasa dan tidak ada lagi kedudukan-kedudukan di mana keputusan-keputusan dibuat hanya untuk kepentingan politik pada ketika itu saja. Contohnya lebih jelas dalam kementerian yang kita bincangkan ini. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Kita semua tahu bahawa selepas pilihan raya yang lalu perlu dirombak Kabinet dan diputuskan sahabat kita Yang Berhormat Semporna daripada Sabah diberikan dan dialihkan daripada kementerian yang agak penting Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, hanya diberikan asalnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Maka kawan-kawan kita daripada Sabah dan Sarawak merasa marah maka ditambahkan lagi perpaduan kepada beliau ini. Jadi ini mainan politik yang

tidak akan meredakan kemarahan sahabat-sahabat kita daripada Sabah dan Sarawak ini tuan-tuan sekalian. *[Dewan riuh]*

Jadi ini yang saya fikir perlu sangat jangan dipolitik dengan murahnyanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Permatang Pauh.

3.33 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana berikan saya peluang untuk membahaskan usul ini. Usul Menteri Kewangan yang bersangkutan dengan keputusan kerajaan menyusun semula beberapa kementerian berikutan keputusan pilihan raya yang lalu telah memberikan kedudukan pahit kepada Barisan Nasional berikutan kekalahan teruk BN di negeri-negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan. Berikutan pilihan raya yang lalu, pembangkang telah menambahkan perwakilan yang sampai ke 82 orang walaupun seorang itu adalah Bebas. Rombakan Kabinet menjadi pasti selepas pilihan raya kerana beberapa menteri dan timbalan menteri dari UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan PPP tidak lagi terpilih atas kehendak rakyat.

Selepas Pilihan Raya Yang Ke-12, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan senarai Jemaah Menterinya yang mengandungi 32 orang menteri dan 37 timbalan menteri. Dua timbalan menteri kemudiannya menarik diri. Keseluruhannya jumlah anggota pentadbiran 2008 berkurangan daripada 90 orang sebelum ini kepada 69 orang setelah jawatan setiausaha parlimen dimansuhkan. Perdana Menteri juga mengumumkan penyusunan semula kementerian-kementerian yang berjumlah 27 buah kementerian semuanya termasuk Jabatan Perdana Menteri.

Selepas mengambil alih daripada bekas Perdana Menteri dan berikutan keputusan Pilihan Raya Umum Yang Ke-11, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dua kementerian baru ditubuhkan, tiga kementerian dipecahkan, dua kementerian digabungkan. Manakala lima kementerian lagi dinamakan semula. Ketika itu menurut Perdana Menteri, perubahan itu dilaksanakan untuk memantapkan pentadbiran dan bukan untuk mewujudkan birokrasi yang lebih besar. Namun yang anehnya selepas Pilihan Raya Umum Yang Ke-12, perubahan dibuat untuk membesarkan dua kementerian. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri diserapkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang dikenali sekarang sebagai Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Dengan itu, soal perpaduan dan integrasi nasional tidak lagi berada bawah pengawasan langsung Perdana Menteri. Apakah kebijaksanaannya? Tidak dijelaskan. Yang jelasnya iaitu begitu ketara tuntutan dan rintihan telah kedengaran menerusi persidangan Mesyuarat Parlimen kali ini mengenai kegagalan pucuk pimpinan negara untuk meniadakan perpaduan dan integrasi nasional dalam erti kata sebenarnya.

Contohnya, keengganan Kerajaan Persekutuan untuk mengagihkan royalti pengeluaran minyak dan gas secara adil dan saksama kepada negeri-negeri Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Tuntutan kenaikan royalti daripada 5% kepada 20% tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Seperkara lagi ialah kegagalan kerajaan BN untuk menghormati keputusan rakyat yang dibuat dalam pilihan raya umum yang lalu khasnya keputusan rakyat memenangi Pakatan Rakyat, menubuhkan kerajaan di Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Di manakah keadilan dan kewibawaan Kerajaan Pusat dalam soal perpaduan dan integrasi nasional? Mengapa harus mendiskriminasikan rakyat dan negeri-negeri yang memilih perubahan kerajaan secara demokrasi? Keadaan ini menunjukkan suatu kemuncak keangkuhan kuasa yang tidak menghormati prinsip dan nilai-nilai demokrasi. Saya mahu jaminan daripada Kerajaan Pusat bahawa tidak akan lagi berlaku sebarang diskriminasi dalam penyaluran peruntukan pusat kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya kerajaan juga telah menggabungkan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: ...Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Minta maaf. Saya panjang. Yang Berhormat, saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rantau Panjang

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Okey.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kerajaan juga telah menggabungkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang kini dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri. Dengan gabungan itu, kementerian tersebut kembali kepada kedudukan, fungsi dan nama asalnya semasa era bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir.

Ia menjelma kembali sebagai *super ministry* dan terus kekal berada di bawah cengkaman Perdana Menteri sama seperti keadaan pada zaman Tun Dr. Mahathir. Tiada perubahan berlaku. Sebaliknya Akta Keselamatan Dalam Negeri dikekalkan untuk kepentingan politik. Tuntutan rakyat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Lari tajuk.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: ...supaya ISA dimansuhkan tidak dipedulikan. Minta maaf saya ada ini. Tahanan-tahanan ISA terus terseksa dalam Kem Tahanan Kemunting sekalipun di kalangan mereka terdapat yang ditahan melebihi enam tahun tanpa bicara. Bagi pihak Pakatan Rakyat saya mengulangi desakan supaya ISA dimansuhkan, Kem Tahanan Kamunting ditutup dan semua tahanan ISA dibebaskan segera.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini negara sedang menghadapi pelbagai kemelut. Baik pentadbiran, politik, ekonomi mahupun sosial. Negara dan rakyat seluruhnya tersentak dengan keputusan *International Court of Justice* membuat keputusan Pulau Batu Puteh menjadi milik kepunyaan Singapura. Keputusan ini tidak boleh lagi dipertikaikan dan kita terpaksa menerimanya buat selama-lamanya. Saya bersama seluruh rakyat Malaysia merasa amat sedih dengan keputusan ini.

Kita perlu menerima hakikat pergolakan dunia hari ini. Kerajaan perlu berhati-hati membawa sesuatu kes kepada badan dunia kerana banyak keputusan dibuat bukan berdasarkan keadilan sejagat tetapi memenuhi kepentingan-kepentingan kuasa-kuasa dunia.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dah lari tajuk.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Lihat saja kes Iran, Palestin, Iraq, Afghanistan dan sebagainya berbanding dengan kes Israel. Kenapa pula Batu Pahat nak bising. Dah lepas tu lepaslah. Itu yang saya nak ucapkan sekarang. Palestin, Iraq, Afghanistan dan sebagainya berbanding dengan kes-kes Israel, Serbia, dan Amerika Syarikat.

■1540

Keputusan kerajaan merujuk kes ini kepada ICJ perlu menjadi pengajaran. Salah satu alasan penghakiman yang diberikan ialah surat oleh Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang tidak menuntut hak milik terhadap pulau tersebut bertarikh 21 September 1953. Sama ada beliau mempunyai kuasa atau tidak dalam menolak tuntutan terhadap pulau ini, walaupun masih boleh dipertikaikan tetapi tidak berguna lagi. Bukan sahaja surat ini yang menggadaikan kedaulatan negara kepada Singapura, tetapi banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya katakan ini. Sebab kita mesti ada pengajaran dari apa yang berlaku.

Di antaranya tanah kepunyaan Kereta Api Tanah Melayu di Tanjung Pagar yang dianugerahkan Queen Victoria selama 999 tahun ditukarkan dengan 12 keping tanah di Shenton Way, yang hanya mempunyai pajakan selama 99 tahun sahaja. Tapak Pangkalan

Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodland diserahkan dengan pertimbangan *commercial* dengan begitu murah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Ini ucapan dasar jauh melencong. Melencong jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya bersetuju Yang Berhormat. Kita pun *confine* kepada isu yang dibincangkan sekarang ini.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tetapi saya hendak katakan, nanti saya masuk ke tempat itu. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas ini ada *supplementary budget*, mungkin itu boleh masuk dalam *supplementary*.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tetapi sedikit sahaja yang ini kepada *point*. Itu adalah untuk menyuarakan rasa sedih kerana keputusan Pulau Batu Puteh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi saya sedikit ruang.

Keberkesanan pengurusan sesebuah negara bukan terletak kepada jumlah Menteri Kabinet atau kementeriannya. Amerika Syarikat mempunyai 14 kementerian, Jepun - 19, Australia - 20, United Kingdom - 23 dan Turki - 25. Bandingkan dengan Sudan - 64, Pakistan - 41, Mesir - 36, Democratic Republic of Congo - 34 dan Malaysia - 27. Negara manakah yang lebih berkesan dalam pengurusan mereka? [*Dewan riuh*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, nantilah. Bagilah saya peluang sekejap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini bukan *shopping* ya, Yang Berhormat. Saya kira bahawa penyatuan kementerian-kementerian ini adalah, satu ada yang baiknya, tetapi ada juga yang tidak baiknya.

Apa yang perlu adalah, pengurusannya mestilah menjadikan yang baik. Atas nama apa pun dan bagaimana ia telah diselaraskan atau diaturkan, tetapi janganlah sampai tiap-tiap kementerian itu ada *civil servants*, pegawai-pegawai kerajaan yang ditulis di situ "menurut perintah" dan apa kesalahan dipertanggungjawab kepada *civil servants* sahaja atau pegawai-pegawai kerajaan sahaja.

Sampaikan ada kerajaan dahulu untuk menanamkan rasa malu kalau tidak membuat sesuatu itu, memberi hadiah penyapu kepada pegawai kerajaan. Apakah ini caranya Kerajaan Barisan Nasional mentadbir dan melatih pegawai-pegawai kerajaan untuk buat kerja mereka dengan baik. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sampaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan usul ini, iaitu untuk menggabungkan perpaduan, kebudayaan, kesenian dan warisan dalam satu kementerian.

Sebenarnya keempat-empat bidang ini adalah bidang yang penting, cuma kebimbangan saya ialah apabila tiga aspek penting tadi ditambah lagi satu perpaduan, saya bimbang akan hilang pengkhususan, akan hilang fokus dan pemerhatian kepada empat perkara yang cukup penting ini sebenarnya.

Jadi sebab itulah saya berharap apabila empat perkara ini digabungkan mestilah ada juga satu cara bagaimana kita memberikan perhatian yang adil kepada empat perkara ini iaitu perpaduan, kebudayaan, kesenian dan juga warisan. Saya mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan warisan ini.

Kita sudah pun meluluskan satu akta dulu sama ada di Dewan Rakyat/Dewan Negara yang mempunyai maksud yang luas warisan ini termasuklah yang berkaitan tentang dokumentasi dan sebagainya. Apa-apa sahaja *tangible/intangible*, dengan izin. Maka dalam

soal ini saya bimbang aspek warisan ini juga nanti akan ketinggalan dan tidak menjadi perhatian yang mana kita lebih banyak lebih menumpu kepada kesenian.

Isu Pulau Batu Puteh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh itu adalah satu contoh, bagaimana kegagalan sistem kita menyimpan dokumentasi bahan-bahan sejarah yang termaktub dalam akta warisan yang sudah kita luluskan, itu satu contoh sebenarnya yang begitu penting, tetapi kita terbiar.

Sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kementerian ini bahawa dengan pengalaman daripada Pulau Batu Puteh ini, yang dari segi sejarah memang jelas, memang kita punya, tetapi kerana kecuaiannya dari segi menyimpan dokumentasi ini, maka perlu barangkali kementerian ini melalui bidang warisan ini mewujudkan satu pusat yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Dokumentasi Sejarah Negara, supaya tidak lagi berlaku sebab saya tahu antara kesukaran kita ialah untuk mencari surat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit lagi. Mencari surat kebenaran yang diminta oleh Kerajaan British kepada Kerajaan Negeri Johor untuk menggunakan Pulau Batu Puteh untuk dibangunkan satu rumah api yang dikenali sebagai Rumah Api House Horsburgh ini, dan surat ini kita tidak jumpa, yang kita ada ialah surat balasan daripada SUK Johor yang menjadi asas untuk mereka membuat penghakiman dan akhirnya kita kalah.

Sebenarnya kita kalah, kita kata *win-win*, tetapi bagi saya kalah sebenarnya. Saya sebagai orang Johor memang dukacita dengan keputusan tersebut, saya tidak perlu bersembunyi, tetapi inilah sebenarnya kesannya apabila kita tidak mementingkan sejarah seperti mana pembangkang banyak yang tidak faham tentang sejarah termasuklah sejarah kontrak sosial.

Ini juga perlu dicari, dokumentasi ini disimpan balik supaya pembangkang faham apa dia kontrak sosial itu sebenarnya. Kalau tidak faham boleh belajar sejarah dengan saya tentang kontrak sosial ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Kinabatangan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya sehaluan dan sependapat dengan Yang Berhormat di mana empat gabungan elemen ini disatukan.

Saya bimbang kita akan kehilangan fokus dan kita akan kehilangan keutamaan sebab perpaduan pun penting, fakta sejarah warisan pun penting, kesenian pun penting. Jadi yang kita bimbang ada pepatah Melayu menyatakan, "Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran." Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa kementerian-kementerian ini harus fokus kepada satu yang *priority*. Iaitu bagaimana keadaan perpaduan kita, bagaimana keadaan warisan kita. Adakah ini menjadi keutamaan ataupun ada yang pertama, kedua dan ketiga.

Sebab kalau dibiarkan akhirnya, maka akan berlakulah satu kerugian seperti yang berlaku pada hari ini oleh kerana fakta, oleh kerana ketiadaan fakta maka harta kita sendiri kehilangan di mata dunia.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya keempat-empat perkara ini penting, perpaduan, kesenian, kebudayaan dan juga warisan, sebab itu kita juga mesti mempersoalkan, apakah sebenarnya kita akan memberikan definisi baru terhadap konsep kebudayaan nasional yang sudah kita tinggalkan sekian lama.

Kadang-kadang kita bercelaru tentang konsep kebudayaan ini. Kadang-kadang kita melihat kebudayaan kepada kesenian iaitu tari-menari semata-mata yang sebenarnya

pun itu penting, tetapi itu saya kata, empat perkara ini harus menjadi satu keutamaan yang diberi perhatian secara adil.

Tentang sejarah tadi, tentang warisan tadi cukup penting sebenarnya dan inilah pengalaman apabila kita silap dari segi dokumentasi, mendokumentasikan sejarah kita, yang kecil itu pun akhirnya berguna untuk di masa depan. Akhirnya kita tidak jumpa cari bahan-bahan tersebut dan kita terlepas. Sebenarnya Pulau Batu Puteh milik kita. Tidak usah cakaplah *win-win* ini, bagi saya tidak ada *win-win*, minta maafah Tuan Yang di-Pertua.

■1550

Sebenarnya memang kita kehilangan Pulau Batu Puteh. Sebab itu jangan nanti Pulau Pisang pun jadi mangsa juga yang ada rumah api ada dekat situ. Jangan nanti kita pun akan kehilangan Pulau Pisang ini sebab itulah saya mengharapkan kementerian ini mesti memberi perhatian kepada pusat penyelidikan dokumentasi sejarah ini yang cukup penting sebenarnya supaya semua orang faham.

Ini bukan soal main-main sebenarnya. Kehilangan satu wilayah yang akhirnya membawa kesan besar kepada nelayan-nelayan kita dan sebagainya dan akhirnya kita mengalah kepada sebuah kerajaan seperti Singapura yang memang angkuh bagi saya. Kita sudahlah mengalah soal Tanjung Pagar, mengalah tentang bayaran EPF, ruang udara kita sering diganggu, tarif air kita pun sampai sekarang tidak boleh ikut harga yang kita mahu dan sebagainya. Jambatan bengkok pun tak jadi dan sebagainya. Jadi sampai bila kita nak begini? Semua hendak ikut cakap Singapura sahaja?

Jadi sebab itulah bagi saya, oleh kerana Singapura ini adalah merupakan pesaing hebat kita, sebab saya hendak bagi tahu juga kepada pembangkang tentang WPI ini, memang tidak ada, memang tidak ada pelabur Singapura melabur di WPI. Sebab itu bila ada kata Singapura hendak menawan WPI, itu tidak betul. Itu bagi saya tidak betul sebab saya sudah melihat senarai siapa pelabur-pelabur yang masuk WPI.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak ada Singapura. Kita tidak ikut cakap Singapura pun dan ini penting sebenarnya untuk kita menjadi sebuah negara yang bersaing dengan Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, balik kepada usul Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Oleh kerana itulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan kepada Yang Berhormat Pasir Mas?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak tanya pendek saja Yang Berhormat. Yang Berhormat kesal kita kehilangan Batu Puteh tapi apa yang ada pada kita, kemerdekaan negara kita bila kerajaan membatalkan cadangan untuk membina jambatan bengkok, yang dalam perairan kita apakah itu juga tidak kehilangan kedaulatan kita? Apa sangat dengan Batu Puteh itu kalau kita ikut dari segi pandangan itu. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat macam mana?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, mungkin. Saya tidak hendak mengulas panjang tentang isu jambatan bengkok ini. Cuma saya kata, selepas ini kita harap kita jangan sangat tertekan, ditekan ataupun ikut apa yang dikatakan oleh Singapura. Dia, saman-saman kereta dia masuk negara kita pun banyak tertangguh yang belum dibayar Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak bersihkan Selat Tebrau pun macam-macam

alasan dia bagi. Sebenarnya kita boleh bersihkan Selat Tebrau ini apabila kita buat jambatan bengkok dan sebagainya.

Jadi sebab itulah saya ingin berbalik pada isu asal tadi, soal perpaduan. Soal perpaduan memang penting. Jadi sebab itulah saya mengharapkan kementerian ini apabila perpaduan sudah dimasukkan kepada tiga elemen yang lain ini, maka jangan hilang *priority* dan hilang fokus. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, seperti yang dimaklumkan tadi bahawa usul yang sedang kita bahas ini adalah merupakan perkara yang telah diluluskan oleh Dewan sebelum ini dan kita cuma membuat *ratification* disebabkan oleh perubahan senarai kementerian yang berlaku selepas pilihan raya. Jadi, rasanya kita pendekkan perbincangan kita. Saya akan bagi dua orang lain kemudian saya minta menteri menggulung. Saya bagi Yang Berhormat Pokok Sena.

3.53 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa dalam perbincangan sebentar tadi, kita melihat bahawa menggambarkan satu kecelaruan kita dalam hendak menyusun Kabinet seperti mana yang disebut oleh kawan-kawan kita tadi. Sebab bagi saya bahawa sepatutnya kerajaan harus mempunyai satu perencanaan dan perancangan yang jelas untuk satu tempoh beberapa tahun bagi membentuk Kabinet ini tapi apa yang kita lihat bahawa nampaknya dia berlaku perubahan-perubahan itu, pertama pada tahun 2004 bila dia menang besar. Maka berlakulah perubahan, maka Kabinet itu diluaskan kementerian-kementerian tapi bila kemenangan itu makin mengecil, kita lihat bahawa Kabinet pun juga turut berubah dan saya kira bahawa inilah suatu yang akan menyebabkan dari segi *efficiency*, kecekapan kita bekerja itu tidak akan dapat kita lihat.

Sebab itu saya minta dalam konteks perpaduan ini, kerajaan seharusnya mengemukakan satu *report* terhadap segala program-program perpaduan yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini. Sejauh mana pencapaian dia dalam hendak membentuk satu soalan isu integrasi di kalangan masyarakat dan antara kaum dalam negara kita. Barulah kita boleh dapat melihat bahawa sama ada dia perlu untuk diletakkan di dalam satu kementerian yang khusus ataupun berada di peringkat Jabatan Perdana Menteri ataupun hendak diletakkan di dalam kementerian seperti mana yang dicadangkan ini.

Namun kalau selagi mana kita tidak mengemukakan satu *report* tentang pencapaian daripada peruntukan perbelanjaan yang begitu besar yang kita belanjakan, hasilnya kita lihat bahawa perpaduan masih tidak dapat wujud, integrasi di kalangan masyarakat dan antara kaum dalam negara kita ini masih tidak begitu baik, maka sudah tentulah bahawa kita akhirnya tidak boleh memberikan satu kepastian mana kementerian yang lebih *efficiency* untuk melaksanakan hal-hal yang berkaitan dengan soal-soal perpaduan.

Ini dapat dilihat, saya katakan bahawa umpamanya dalam bukan sahaja perpaduan antara kaum dalam negara kita tapi perpaduan dalam satu kaum pun tidak dapat dimantapkan umpamanya perpaduan dalam parti UMNO sendiri. Kalau kita lihat perpaduan dalam parti UMNO sehingga hari ini dirundung malang dengan pengisytiharan keluarnya Tun Dr. Mahathir daripada UMNO, bekas Presiden UMNO. Tan Sri Sanusi Junid isytihar keluar daripada UMNO, bekas Setiausaha Agung UMNO.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi saya katakan bahawa ini menggambarkan kita katakan bahawa kita tidak dapat melihat kerajaan sendiri khususnya UMNO sebagai parti induk yang menerajui kerajaan Barisan Nasional tidak dapat menunjukkan satu contoh yang baik dalam mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan soal perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Dengan Yang Berhormat Batu Pahat. Dua-dua.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Arau? Terima kasih. *[Ketawa]* Dia bukan pilih kasih. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerana Tun Mahathir keluar daripada UMNO ini menggambarkan bahawa UMNO telah berada dalam keadaan yang lemah? Sebab dah jadi tradisi. Kebanyakan pemimpin terdahulu, bila dia berhenti jadi Perdana Menteri, dia keluar daripada UMNO. Itu bukan merupakan satu tanda bahawa UMNO telah berpecah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak apalah. Saya hendak kata kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat kata tadi bahawa setiap pemimpin bila berhenti, dia akan keluar dari jadi ahli UMNO. Tidak mustahil Perdana Menteri hak ada sekarang ini pun dia keluar UMNO. *[Ketawa]* Jadi tidak mustahil Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO akan isytihar keluar daripada UMNO. Mungkin dia akan isytihar keluar daripada UMNO sebelum dia berhenti daripada jadi Presiden UMNO. Ini satu benda yang tidak mustahil boleh berlaku tapi saya hendak katakan bahawa apa pun, yang pentingnya ialah *report*. *Report* tentang soalan pencapaian perpaduan dalam ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ... sekejap, sekejap. Saya bagi, kawan saya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *Report*. Supaya kita dapat menganalisa sejauh mana perbelanjaan yang telah kita belanjakan. Kita tidak mahu bahawa perbelanjaan yang kita belanja begitu besar akhirnya kita tidak dapat satu pencapaian yang kita hendak. Yang keduanya ialah berkaitan dengan soal...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat. Penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak ya!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Jadi Yang Berhormat Pokok Sena sebut iaitu masalah parti politik. Kalau dalam satu parti politik, orang ini keluar, orang ini masuk maka itu tanda tak ada perpaduan. Adakah ini menjadi satu orang kata alasan tidak ada perpaduan? Saya hendak tanya, umpamanya antara golongan orang Melayu PAS, kita UMNO, Melayu juga. Tidak adakah perpaduan antara orang Melayu PAS dengan UMNO? Kita berpadu, mungkin lain pandangan politik. Begitu juga orang Cina. Cina DAP, Cina Gerakan. Adakah bermakna lain parti maka tidak ada perpaduan nasional?

Perpaduan bukan bermakna berlain platform parti politik. Jadi itulah sebabnya sempitnya parti pembangkang. Apabila bercakap soal berlain pendapat dalam politik, dianggap sudah tidak ada perpaduan. Itu *political game*, dengan izin.

Lagi satu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Pokok Sena, adakah perpaduan di kalangan berbagai-bagai bangsa di dalam Malaysia ini di peringkat akar umbi, tidak wujud?

Sebenarnya perpaduan tidak ada masalah antara orang Melayu, orang Cina, orang India di peringkat bawahan. Kita ramai kawan-kawan Cina, ramai kawan India. Di rumah saya ada anak-anak Cina yang menjadi kawan anak-anak saya yang tidur baring di rumah saya. Tidak ada masalah dan begitu juga saya percaya Yang Berhormat pun begitu. Mempunyai kawan daripada berbagai-bagai bangsa, kita bersatu padu, tetapi yang masalahnya orang-orang politik ini.

Pemimpin yang ada kepentingan politik ini yang mengadu domba, yang menakutkan kelompok itu dan kelompok ini yang menyebabkan timbulnya seolah-olah tidak ada perpaduan. Jadi saya ingat Yang Berhormat, jangan kelirukan. Sebenarnya kita dalam negara Malaysia ini berbagai-bagai bangsa ini adalah satu negara contoh di mana terdapatnya perpaduan yang begitu elok dibandingkan di negara-negara lain yang berbagai-bagai bangsa yang sentiasa ada pergaduhan dan perkelahian. Di Malaysia ini tak ada! Terima kasih banyak.

■1600

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bagi sedikit, sudah. Ini lebih daripada Belanda ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hah! Ini bukan Belanda...
[Ketawa]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat dari Pasir Salak dapat memahami situasi ini ataupun tidak. Apa yang berlaku mutakhir ini, kekecohan-kekecohan berlaku dalaman UMNO itu ialah semuanya berkaitan dengan orang UMNO sendiri. Orang UMNO sendiri, Tun Dr Mahathir bekas Presiden UMNO. Tan Sri Sanusi Junid adalah bekas Setiausaha Agung UMNO dan saya lihat ini menggambarkan bahawa dalaman UMNO itu ada masalah.

Apabila dalaman UMNO ada masalah, UMNO sebagai parti peneraju kepada kerajaan yang memerintah dalam majoriti tanpa 2/3 ini, sudah tentu bahawa dia sendiri tidak boleh menjadi contoh dan tidak boleh memberi fokus kepada soal pembinaan, pembangunan, perpaduan dalam masyarakat kita...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ... hubungan antara kaum. Apatah lagi dalam hubungan parti itu sendiri sudah gagal. Jadi, ini yang harus dilihat oleh Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masuk kepada usul balik Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, usul tetapi dia dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ... hendak beri Yang Berhormat Rantau Panjang Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ... dia tanya saya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Sebelum ini, PAS pernah dituduh kalau PAS memerintah, negeri akan huru-hara, pecah belah akan berlaku. Akan berlaku ketidakadilan kepada orang bukan Islam.

Jadi, setelah kita lihat di Kelantan contohnya. Selama 18 tahun Kelantan di bawah pemerintahan PAS, Alhamdulillah, orang Cina, orang India dapat bersatu. Jadi, apakah ini bahawa dakwaan sesetengah pemimpin politik yang mengatakan bahawa hanya UMNO boleh memerintah negeri ini juga satu unsur yang boleh membawa keruntuhan? Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Itulah dia, pandangan UMNO selama ini adalah pandangan khurafat. Maknanya saya hendak katakan bahawa hasil keputusan pilihan raya baru ini menunjukkan khurafat UMNO itu sudah habis. Maknanya dia dok mengaku hanya UMNO yang boleh memerintah, pembangunan kah, soal perpaduan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan ada hisap ganja Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang, itu satu bukti...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mahu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat dan Padang Serai.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap, saya akan masuk kepada apa yang, Yang Berhormat sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, balik kepada usul...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya hendak balik kepada usul ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ... perubahan-perubahan nama kementerian.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Selepas itu, bawa pergi... Ini dia hendak tanya lagi...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ... sekejap, sekejap. Saya tutup dahululah. Sekejap lagi saya beri. Yang Berhormat tidak bangkit pun saya suruh bangun.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi apa yang saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan soal pemerkasaan kepada kementerian-kementerian mahupun jabatan-jabatan yang wujud di dalam kementerian-kementerian tersebut. Ini yang harus dilihat. Tidak ada makna kalau kita hendak satukan kembali umpamanya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kementerian Keselamatan kemudian dijadikan satu Kementerian Dalam Negeri.

Dalam soal pemerkasaannya, bagaimana ke arah untuk kita mempertingkatkan dari segi usaha-usaha untuk membanteras jenayah umpamanya. Kalau kita lihat bahawa umpamanya dalam isu bagaimana dalam kes kita boleh kehilangan dokumen ataupun rekod, dokumen perjalanan yang disebut di mahkamah dalam kes pembunuhan Altantuya, umpamanya.

Ini menunjukkan bahawa ada kelemahan-kelemahan kepada jabatan-jabatan yang wujud, yang seharusnya diperkasakan. Sebab itu bagi saya bahawa bukan sekadar untuk menyatukan kementerian yang sebelum ini dipisahkan dalam bentuk dua kementerian, tetapi pemerkasaan jabatan-jabatan yang sedia ada itu yang akan lebih memberikan satu kebaikan kepada kita dan dari segi maruah negara dan sebagainya.

Yang ketiganya, saya sependapat dengan apa yang disebutkan oleh Batu Pahat tadi berkaitan dengan warisan umpamanya. Ini dalam kes Pulau Batu Puteh ini. Saya sungguh-sungguh sangat terharu, maknanya bila kita kehilangan Pulau Batu Puteh yang

akhirnya menjadi pulau 'putih mata'. Kita berputih mata dalam soal ini. Ini saya katakan bahawa:

- (i) dari segi rekod dokumen warisan itu sendiri kita tidak simpan secara elok; dan
- (ii) ada kelemahan dari segi Jabatan Peguam Negara yang sepatutnya mempunyai dan membuat satu kaji selidik yang lebih jauh sebelum kita mengambil tindakan menasihati kerajaan untuk membawa kes ini ke ICJ, umpamanya.

Dan akhirnya, kita lihat bahawa apabila kita bawa dalam keadaan tidak ada persediaan dan persiapan yang baik daripada Jabatan Peguam Negara, akhirnya kita kalah, kita malu. Tiba-tiba menteri, saya setuju bahawa ada *win-win*. Mana ada *win-win*. Takkan kita seronok kata kita menang juga sebab ada *Middle Rock*. Air surut baru boleh nampak batu itu...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ... yang kita terlepas pun batu, yang kita dapat pun batu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Namun, apa jaminan saya hendak katakan bahawa kalau kata *win-win* kerana nelayan-nelayan kita boleh pergi mengail. Memang di kawasan itu kawasan yang baik untuk nelayan-nelayan kecil untuk menangkap ikan.

Apa jaminan selepas ini? Katalah itu kawasan yang diisytiharkan oleh ICJ kepada kita. Apa jaminan keselamatan kepada nelayan-nelayan kita? Apakah tidak ada apa-apa tindakan kerajaan kita apabila pihak berkuasa Singapura mengambil tindakan kepada nelayan-nelayan kita?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Namun, persoalannya sekarang saya difahamkan bahawa isu ini kerajaan apabila *win-win*, tetapi saya katakan tidak ada *win-win* sebab isu perairan bukan isu nelayan tetapi isu hanya untuk laluan-laluan kapal. Bukan untuk kita pergi hendak mengail dan sebagainya.

Jadi, akhirnya kita lihat bahawa seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat "Kita tidak memiliki apa-apa. Kita tidak memperoleh apa-apa dalam isu ini". Akan tetapi yang lebih malangnya Tuan Yang di-Pertua, isu ini kita lebih menggembar-gemburkan isu penerapan bahawa ini soal maruah, soal kedaulatan kita hilang dan sebagainya.

Namun, apa yang kita lihat bahawa dalam kes Jambatan Bengkok, tanpa persetujuan ICJ, tidak ada keputusan ICJ kata tidak boleh buat Jambatan Bengkok. Kita sendiri yang batal, kita sendiri yang jadi ICJ membatalkan Jambatan Bengkok yang sepatutnya dibuat dalam wilayah kita sendiri. ICJ tidak boleh buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, ada usul menteri.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ada usul, hendak setuju sokong sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu. Ya, sila menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Yang Berhormat Pokok Sena, apabila Padang Rengas masuk, Pokok Sena kena duduk.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam ini. Dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa 27 Mei 2008.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sambung balik Yang Berhormat Pokok Sena. Ringkaskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya hendak ringkaskan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, saya sebenarnya gembira juga kerana Yang Berhormat agak prihatin tentang isu Batu Puteh dan saya tahu memang ada seorang dua ahli pembangkang yang menangis apabila kita kalah Batu Puteh. Cuma, kali ini dia tidak menyalahkan UMNO. Dia tahu bukan salah UMNO, sebab pembangkang ini apa sahaja mesti UMNO. Itu masalah dengan pembangkang.

Jadi, soal perpaduan tadi, dia kaitkan dengan UMNO juga. Ini masalah pembangkang, sikit-sikit UMNO. Perpaduan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu ada pemimpin PAS yang keluar parti. Apakah itu yang menandakan PAS ini tidak layak bercakap soal perpaduan? Datuk Asri keluar parti, Ustaz Nakhai keluar parti, bahkan PAS itu sendiri serpihan daripada parti UMNO dahulu. Sebab tidak puas hati, sebab tidak dapat jawatan, dia buat parti baru... *[Dewan riuh]* ...Hah! Jadi sebab itulah saya kata, janganlah tuduh orang sahaja, tengok diri sendiri. Layak tidak layak soal perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagi saya, secara realistiknya apa yang ada ini pun sudah syukur Alhamdulillah. Sekurang-kurangnya, berbeza pendapat tetapi kita tidaklah hendak bergaduh, bertumbuk dan sebagainya. Namun, yang penting ialah kita mesti berusaha meningkatkan lagi usaha untuk menyatupadukan. Yang penting ialah bagaimana kita bersatu dan menjadi sebuah negara yang membangun. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah ulas Yang Berhormat. Pasal dia bawa Yang Berhormat jauh lari itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tidak tahulah dia bukan ada pandangan apa sangat pun... [Ketawa] Baik. Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Pulau Batu Puteh ini, saya hendak katakan bahawa walaupun kita tidak sebut secara *direct* bahawa ingin menyalahkan UMNO hakikatnya bahawa yang duduk dalam kerajaan itu ialah kepimpinan UMNO yang menerajui kerajaan kita.

Jadi, sebab itu saya katakan bahawa ini adalah kelemahan-kelemahan kerajaan dan sekali gus kelemahan pemimpin-pemimpin UMNO. Oleh sebab itu, saya katakan bahawa dalam isu umpamanya kita beria-ia untuk hendak mempertahankan Pulau Batu Puteh, saya tetap mengatakan bahawa ini soal kedaulatan kita. Walaupun pulau itu keluasannya separuh daripada padang bola, yang hanya ada rumah api itu kedaulatan dunia batu, bukan ada apa pun. Namun, bagi saya bahawa lebih memalukan dalam kes Jambatan Bengkok. Saya berani mengatakan bahawa tidak ada keputusan ICJ yang menghalang kita untuk membina Jambatan Bengkok dalam wilayah kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai sebelah sini hendak beri Yang Berhormat.

▪ 1610

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *Sorry-sorry.*

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih. Antara hujah Menteri Luar bagi meredakan sedikit rasa dukacita dan kecewa kita ialah kita dalam keputusan ini menang-menang. Kita dapat pulau kecil dia dapat pulau besar dan satu hujah dia yang kita rasa boleh pakai jugalah apabila kita menang *Middle Rock* ini. Maka Singapura tidak boleh sewenang-wenangnya menambak laut ke selatan daripada Pulau Batu Puteh. Jadi isu tambak laut ini sebenarnya tidak pernah dibawa dalam perbincangan kita di *The Hague*. Jadi apakah itu yang sebenarnya yang dirisaukan oleh Malaysia agak-agaknya kalau Yang Berhormat Pokok Sena membaca pemikiran Menteri Luar kita ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya taklah hendak salah dekat Menteri Luar sekarang ini. Sebab dia pun baru pegang penggal ini. Maknanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena pun belum menteri lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, ya. Sebab dia pun baru pegang Menteri. Tapi saya hendak katakan bahawa satu hujah yang tidak masuk akal. Hujah kata *win-win* pun hujah yang tidak masuk akal. Tapi oleh kerana tidak ada hujah yang hendak meredakan keadaan, yang hendak menenangkan keadaan. Maka itulah yang digunakan. Apa jaminan yang kita katakan bahawa Singapura tidak boleh tambak laut. Sedangkan sebelum ini memang proses tambakan laut walaupun bantahan daripada Kerajaan Malaysia. Apakah dia pernah mengendahkan bantahan Kerajaan Malaysia terhadap tambakan laut. Berapa kali usul di Parlimen ini pada tahun 1999. Umpamanya pernah kita bincangkan di sini, isu tambak laut umpamanya. Jadi sebab itu saya katakan bahawa jangan kita katakan bahawa isu ini *win-win*. Kita kena terima bahawa kita kalah dan kekalahan kita itu kerana tidak ada persiapan yang baik, tidak ada persiapan yang kemas. Saya kira bahawa sepatutnya kerajaan harus membuat sesuatu terhadap rombongan terhadap kedudukan Peguam Negara yang telah gagal untuk menjadi penasihat yang baik kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur dah berucapkah Yang Berhormat Ipoh Timur? Dua usul berucap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada, bukan usul ini. Mana ada, belum ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat Ledang Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Selepas ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh dah. *Supplementary budget* selepas ini. Yang Berhormat boleh berucap *supplementary budget* Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini ringkas saja Tuan Yang di-Pertua sebab saya bangun pun hendak menyokong usul ini sebab saya sebenarnya amat sependapat dengan Yang Berhormat Batu Pahat. Sekadarkan Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini supaya apabila Jabatan Perpaduan dan Integrasi ini letakkan sekali dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan biarlah semuanya menjurus kepada perpaduan yang benar-benar utuh, yang benar-benar kukuh kerana ada asas. Asasnya ialah budaya, asasnya ialah kesenian dan asasnya ialah warisan sebab dalam rekod kita yang panjang ini kita kaya dengan budaya. Kita kaya dengan warisan, kita kaya dengan kesenian dan saya yakin kita saling hormat menghormati di antara satu sama lain dalam semua aspek. Aspek budaya, aspek kesenian, aspek warisan dan sewajarnya tidak ada curiga di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu menyebutlah di kawasan saya kalau di dunia ini ada, dengan izin *seven wonder of the world* sebenarnya kita ada lapan. Tuan Yang di-Pertua kita ada lapan keajaiban dalam dunia dan kelapan itu ialah perpaduan antara kaum dalam negara Malaysia. Sebab itulah apabila perpaduan ini diletakkan dalam kementerian saya setuju, cuma saya setuju dengan Yang Berhormat Batu Pahat tadi jangan sampai perkara-perkara lain atau pun komponen-komponen lain dikurangkan atau pun jangan agenda perpaduan pula dikurangkan kerana kita hendak lebih fokus kepada budaya, kesenian dan warisan. Biarlah keempat-empat ini pergi sekali gus diambil perhatian sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua kita belajar banyak daripada isu Batu Puteh ini. Yang Berhormat Batu Pahat kata, Yang Berhormat Pokok Sena kata sebenarnya kita kalah, jadi satu aspek memang benarlah kita kalah tapi sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua apabila disebutkan menang-menang sekurang-kurangnya sempadan-sempadan yang akan wujud nanti tidaklah begitu jauh.

Tetapi saya setuju Tuan Yang di-Pertua, kita harus belajar daripada kesilapan ini kerana satu perkara saja Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebut iaitu kita harus peka dengan semua tindak tanduk negara jiran kita ke atas wilayah-wilayah kita yang mereka duduki misalnya. Bukan ditakluk, tidak, contohnya Tuan Yang di-Pertua Pulau Pisang. Jangan sampai kerana ada bendera satu masa nanti kita tidak tentang, akhirnya 50 tahun akan datang akan dicatat dalam sejarah dalam Mahkamah Antarabangsa akan datang bahawa ada bendera Singapura di Pulau Pisang kita tidak bantah. Sama juga Tuan Yang di-Pertua yang saya terima maklumat ini, jangan lupa Pulau Merambung dekat Tuas, sangat hampir Tuas. Hanya nampak rumput sahaja, jangan sampai nanti ada bendera.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini Pulau Pisang ini letaknya di mana? Johor? Ialah selama ini orang Johor buat apa? Tidak tengok ke?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua saya tidaklah hendak takbur dalam ini. Saya hanya mengambil kesempatan hari ini supaya kita sama-sama peka. Orang Johor insya-Allah peka. Sebab itu bab ini yang saya tidak takbur, insya-Allah ialah

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan supaya sebelum mahkamah membuat keputusan, buat sembahyang hajat setiap hari Jumaat tapi saya tengok yang sembahyang hajat tidak boleh saya cakap di sini siapakan?

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua loji-loji air dalam negeri Johor ini. Jangan pula nanti apabila mereka pasang panji-panji, katanya panji-panji bendera. Kita pun tidak ambil kisah, tiba pula nanti satu masa di Mahkamah Antarabangsa 100 tahun akan datang kita tidak tentang, kita tidak bantah. Yang ini saya harap sangatlah jangan sampai nanti perpaduan ke depan yang lain ke belakang. Biar kesemuanya berjalan sekali gus, semuanya peka sama ada soal perpaduan, soal budaya, soal kesenian dan soal warisan, Tuan Yang di-Pertua saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Menteri untuk menjawab.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kepong, Yang Berhormat daripada Tumpat, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Ledang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menyentuh usul kewangan yang dibentangkan sebentar tadi. Sebahagian besar daripada perbincangan menyentuh soal perpaduan.

Yang Berhormat Kepong membangkitkan isu pemindahan jabatan daripada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perpaduan daripada Jabatan Perdana Menteri diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Apakah rasionalnya? Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa perpaduan mempunyai dimensi yang banyak. Dia tidak sekadar kita melihat perhubungan kaum dari konteks sosial semata-mata tapi yang mempunyai dimensi kesenian, kebudayaan dan juga ekonomi.

Apa yang dibuat oleh pimpinan negara adalah untuk melakukan *rationalization*. Kita keluarkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan diletakkan di bawah satu kementerian yang menggabungkan empat aspek tadi kerana perhubungan di antara satu sama lain. Isu kesenian, warisan dan juga kebudayaan ini menjadi perkara induk dalam pembinaan perpaduan negara. Apakah definisi perpaduan, di mana kata Yang Berhormat daripada Telok Intan tadi bahawa, Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Telok Intan sebelah sana, *sorry*. Beliau menyatakan bahawa perpaduan telah wujud di negara kita. Kita tidak nampak hubungan antara kaum besar ada Melayu, Cina, India dan juga bumiputera yang lain. Berlakunya perbalahan dan perbezaan politik antara satu parti dengan satu parti adalah di atas hikmah dan penghormatan kita kepada apa yang kita katakan sistem demokrasi kerana kita menggunakan sistem demokrasi.

■1620

Ini tidak menggambarkan bahawa di negara ini berlaku perpecahan atas sebab itu. Begitu juga dari segi keputusan pilihan raya di bawah sistem demokrasi kita benarkan individu untuk membuat keputusan dan mereka telah membuat keputusan. Hasil keputusan itu kita tahu di Parlimen kita tidak dapat 2/3 majoriti dari segi BN, di beberapa negeri jatuh, tetapi dunia ini bagaikan falsafah laut. Dia ada turun, ada naik. Kalau tidak ada turun, tidak ada naik, saya percaya jikalau parti pembangkang yang memerintah negeri dan juga di Parlimen ini tidak menjana idea yang tinggi untuk pembangunan negara, mereka akan jatuh dan BN akan naik lebih tinggi dalam pilihan raya akan datang.

Kemudian Yang Berhormat Kepong juga menyentuh tentang polis. Beliau mengatakan kerajaan bercadang untuk mengambil 60,000 polis baru. Itu memang betul dan ini telah diluluskan, malah bukan dilihat dalam konteks 60,000 yang baru sahaja, tetapi juga mengisi jawatan-jawatan yang kosong. Beliau bertanya, adakah cukup pusat latihan untuk *recruit* baru ini? Saya bersetuju seperti mana kata Yang Berhormat sekarang ini terdapat pusat latihan yang boleh memberi latihan kepada 4,000 *recruit* baru. Itu perkara betul. Apa yang dilakukan oleh kementerian sekarang ini adalah untuk menambahkan pusat-pusat latihan. Perbincangan sedang dilakukan dengan *consultant* dan ini akan dilakukan, kerajaan akan terus berusaha. Apabila dia kata 60,000, 60,000 akan diambil dan kursus untuk

meningkatkan kecekapan dan profesionalisme polis ini akan dilakukan. Begitu juga usaha untuk mengambil kaum lain.

Kemudian Yang Berhormat buat sedikit retorik yang menyatakan negara-negara lain seperti India, bila buka sahaja jawatan kosong polis ramai berebut-rebut. Kita mesti lihat dalam konteks negara. Negara kita adalah sebuah negara yang ekonominya mencapai pertumbuhan yang tinggi. Kita ada kepelbagaian peluang. Itu sebabnya kita lihat hampir tiga juta orang di luar datang untuk mencari rezeki di negara kita, kemudian membiayai keluarga mereka di negara asal mereka. Jadi bagi negara kita, *opportunity* itu banyak. Bukan polis sahaja. Di banyak tempat. Jadi tidak sama dengan setengah negara *opportunity* nya tidak banyak. Jadi, bila ada jawatan, bukan sahaja jawatan polis, jawatan lain pun dibuka berebut-rebut hendak masuk. Jadi usaha hendak mengambil kaum lain akan dilakukan.

Yang Berhormat Tumpat menyentuh mengenai dengan peruntukan Kabinet. Beliau menyatakan tidak ada satu sistem dalam menentukan berapa ramai anggota Kabinet, dan apakah kementerian-kementerian yang akan diwujudkan? Itu tidak betul Yang Berhormat. Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional tak buat atau sengaja hendak adakan jawatan untuk memberi peluang kepada individu-individu tertentu. *Study* telah dibuat dan berteraskan kepada *study* tersebut, maka barulah satu keputusan dibuat.

Kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh menyentuh tentang soal keberkesanan, apabila satu jabatan dirangkumkan dengan yang lain, apakah dari segi *output*nya nanti berkesan atau tidak kementerian tersebut? Ini terletak dari segi struktur organisasi kementerian. Seperti mana kita maklum apabila Jabatan Perpaduan dimasukkan dalam kementerian lebih besar, dalam kementerian tersebut ada KSU dan kemudian ketua pengarah jabatan-jabatan berkenaan ada dan mereka akan melaksanakan tugas sebaik mungkin, dan kemudian kementerian pula dalam *budgetary process*, mereka juga membuat *performance evaluation* untuk menentukan sejauh mana keberkesanan satu jabatan itu ataupun tidak. Jadi konsep bila kita hendak berbelanja, pertama mesti ada *planning process* dan kemudian ada kontrol, kemudian *check and balance*. Jadi ketiga-tiga aspek itu diambil perhatian dalam melaksanakan perbelanjaan dan menentukan keberkesanan. Keberkesanan dilihat dalam konteks sebanyak mana *output* yang keluar, sebanyak mana input yang digunakan untuk tujuan itu.

Yang Berhormat daripada Batu Pahat menyentuh tentang pengajaran yang harus kita terima daripada kes Pulau Batu Puteh. Kerajaan memang sedar dan kerajaan tahu bahawa banyak pelajaran yang kita terima. Maka kerajaan sekarang juga terus melihat mana-mana pulau yang ada sekeliling ini supaya kita pastikan bahawa kita tidak akan terlepas pandang pada masa akan datang.

Yang Berhormat Batu Pahat menyentuh tentang dokumen-dokumen. Apa yang berlaku sekarang, Arkib Negara telah menubuhkan unit khas. Unit khas ini bertujuan untuk mengadakan penyelidikan dan mengumpul dokumentasi sejarah seperti mana Yang Berhormat cadangkan itu. Hanya yang penting sekarang ini adalah dari segi keberkesanan tugas tersebut. Ini telah dilakukan tetapi keberkesanan, kerana unit ini akan mengumpul maklumat daripada jabatan dan agensi. Yang penting jabatan dan agensi pula mesti memainkan peranan luar daripada *parameter* masing-masing supaya lebih banyak maklumat akan diperolehi.

Yang Berhormat Pokok Sena menyentuh tentang *performance evaluation*, tentang repot ini saya telah sentuh tadi dan beliau menggunakan peluang untuk bercakap dalam konteks politik. Ini telah pun disahut oleh Yang Berhormat daripada Batu Pahat tentang individu keluar parti, dan masuk parti itu tidak menyatakan bahawa kita tidak kuat, kita tidak ada perpaduan. Jadi perkara ini telah disentuh oleh Yang Berhormat, di mana saya nyatakan tadi Yang Berhormat Ledang telah membangkitkan isu yang amat relevan mengenai dengan konsolidasi di antara Jabatan Perpaduan dan juga gabungannya tentang input-input dari Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam konteks untuk mengukuhkan perpaduan negara. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi hendak disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2007) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua

4.26 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada yang menyokong?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Terus baca... Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua Tahun 2007 ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya akan sambung, selepas saya habis, baru kita minta sokongan nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Belum habis lagi Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Belum, belum. Saya baru mula. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua Tahun 2007 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2007, yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2007 yang dibentangkan adalah berjumlah RM18,016 juta, iaitu sebanyak RM470.8 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM17,545.2 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan dan sebanyak RM207.8 juta daripada jumlah tersebut telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Bagi perbelanjaan tanggungan tambahan terbesar adalah sebanyak RM205.8 juta untuk Maksud T14 - Pencen, elaun bersara dan ganjaran.

Bagi membiayai bayaran faedah pesara kepada para pesara, lain-lain tambahan perbelanjaan tanggungan adalah untuk Maksud T12. Perbendaharaan sebanyak RM176.4 juta.

Maksud T13 – Perbelanjaan kerana hutang negara sebanyak RM88 juta. Maksud T.9 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebanyak RM0.7 juta dan Maksud T8 – Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan sebanyak RM1,750.

■1630

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM17,545.2 juta iaitu sebanyak RM16,801.1 juta adalah dipindahkan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2007 ke

Kumpulan Wang Pembangunan. Perpindahan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan sebanyak RM744.1 juta adalah bagi menampung tambahan perbelanjaan bekalan bagi kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian iaitu sebanyak RM574.4 juta adalah bagi menampung pertambahan bayaran emolumen. Kementerian yang terlibat adalah:

- (i) Kementerian Kesihatan sebanyak RM200 juta;
- (ii) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM175.2 juta;
- (iii) Kementerian Pertahanan sebanyak RM157.1 juta;
- (iv) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM27.7 juta;
- (v) Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM7.6 juta; dan
- (vi) Kementerian Kerja Raya sebanyak RM6.7 juta.

Lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan diperlukan oleh kementerian-kementerian adalah seperti berikut. Sebanyak RM69.7 juta untuk Maksud B.27; Kementerian Kerja Raya bagi menampung penambahan perbelanjaan berikutan perubahan kadar penyelenggaraan jalan Persekutuan di Semenanjung, pembaikan jalan Persekutuan dan jambatan akibat banjir pada 2006 serta pembiayaan bagi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur.

Sebanyak RM52.4 juta untuk Maksud B.7; Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana sebanyak RM26.5 juta digunakan bagi menampung penambahan tuntutan rawatan perubatan pesara perkhidmatan awam Malaysia sebanyak RM22.3 juta, menampung kenaikan kadar biasiswa dan pertambahan bilangan biasiswa serta sebanyak RM3.6 juta bagi bayaran untuk memantapkan pelaksanaan Kursus Diploma Pengurusan Awam.

Sebanyak RM18.6 juta untuk Maksud B.13; Kementerian Luar Negeri di mana RM11.2 juta adalah bagi menampung kenaikan sewa canselori, kediaman rasmi Ketua Perwakilan dan kediaman *home based staff* di luar negeri. Sebanyak RM5.2 juta untuk menampung sumbangan kepada pertubuhan antarabangsa. Sebanyak RM1.1 juta bagi menampung kenaikan komisen bank, *value added tax* dan insurans kenderaan di pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri serta sebanyak RM867,000 adalah untuk menampung pembayaran bekalan pejabat, bahan mentah, penyelenggaraan kenderaan, sewaan kediaman *home based staff* serta bayaran utiliti dan perhubungan di Malawakil London dan Malawakil Medan. Lain macam bunyinya. [Ketawa]

Sebanyak RM10 juta untuk Maksud B.31; Kementerian Pelancongan bagi menampung perbelanjaan operasi Majlis Tindakan Pelancongan Negeri.

Sebanyak RM9 juta untuk Maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi menampung perbelanjaan menganjurkan Le Tour De Langkawi dan Kejohanan Bola Sepak CYC atau *Champion Youth Cup*.

Sebanyak RM7 juta untuk Maksud B.25; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menampung pembayaran perkhidmatan *nano tax marker* ke atas diesel subsidi.

Sebanyak RM1.6 juta untuk maksud; Parlimen untuk menampung perbelanjaan bagi mengadakan Asean Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) ke-28 yang diadakan pada Ogos 2007.

Sebanyak RM1.6 juta untuk Maksud B.44; Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi menampung pelaksanaan program pengajian peringkat ijazah di Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan atau ASWARA.

Sebanyak RM100,000 untuk Maksud B.21; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menampung kos sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan yang diadakan di Terengganu.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2007 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 tahun 2008 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan Kertas Perintah 4A tahun 2008.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007 –

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007 yang dipohon adalah berjumlah RM74.9 juta yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar jangka. Anggaran tambahan diperlukan sebanyak RM74.9 juta untuk Kementerian Kerja Raya bagi membiayai pembayaran projek-projek menaik taraf jalan. Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan tanda (token) iaitu bagi:

- (i) Perbendaharaan, RM30;
- (ii) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, RM30;
- (iii) Jabatan perdana Menteri, RM20;
- (iv) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, RM20;
- (v) Kementerian Luar Negeri, RM10;
- (vi) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, RM10;
- (vii) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, RM10;
- (viii) Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, RM10; dan
- (ix) Kementerian Sumber Manusia, RM10.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua tahun 2007 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 tahun 2008 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Tahunan Kedua tahun 2007 selepas ucapan ini. Saya mohon mencadangkan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA 2007

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tujuh puluh empat juta sembilan ratus lima puluh ribu satu ratus lima puluh ringgit (RM74,950,150) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2007, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran

Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2008 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.”

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahaskan.

■1640

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya benarkan perbahasan, ada satu perkara yang perlu saya perelaskan. Perkara ini melibatkan kredibiliti kuasa dan kerusi Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang saya maksudkan ialah perkara yang telah dibangkitkan oleh wakil rakyat dari Ipoh Timur. Di mana beliau tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat oleh Timbalan Yang di-Pertua apabila Timbalan Yang di-Pertua menolak usul yang dibuat oleh Ipoh Timur.

Jadi ini sudah mendapat liputan akhbar media massa elektronik dan media massa cetak dan juga di *blog-blog*. Saya telah membaca *blog* yang dibuat oleh wakil rakyat dari Ipoh Timur yang beliau tidak berpuas hati mempertikaikan keputusan Timbalan Yang di-Pertua. Ada lagi satu *blog* yang mengganggu pemikiran saya di mana Ipoh Timur telah menuduh bahawa Parlimen Malaysia tidak mempunyai kewibawaan untuk menganjurkan satu *conferences* bertaraf antarabangsa iaitu CPA yang kita akan *host* kan pada bulan Ogos. Jadi perkara ini saya mahu supaya ianya *clear* daripada sekarang oleh kerana apabila saya tidak membuat keputusan, maka masyarakat di luar menganggap bahawa apa yang disebut oleh Ipoh Timur itu semuanya benar belaka.

Yang Berhormat Ipoh Timur ada mengatakan bahawa pada tahun 1982, Ipoh Timur telah membuat satu usul seperti yang demikian dan Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu membenarkan usul itu. Adakah Ipoh Timur masih ingat pindaan kepada usul itu, kalau tidak saya ada salinan di depan saya di sini untuk makluman Ipoh Timur.

[Menyerahkan salinan usul kepada Yang Berhormat Ipoh Timur]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya tahu mengenai pindaan itu, ada baca *Hansard*. Semalam saya semak itu...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak. Nanti dulu. Ipoh Timur saya akan bagi kepada Ipoh Timur semua perkara ini dapat kita buat bersama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua teruskan bukannya ini sebenarnya tempat untuk bahaskan *motion*, semua perkara boleh dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Di bawah kuasa saya boleh oleh kerana di bawah Peraturan 99, Tuan Yang di-Pertua boleh membuat penjelasan kepada perkara seperti begini. Saya mahu tunggu hari esok, tetapi mungkin esok pagi Ipoh Timur tidak ada di dalam Dewan ini.

Jikalau Ipoh Timur boleh baca muka surat 183 yang bertanda kuning, sudah saya buat untuk Ipoh Timur. Perkataan yang Ipoh Timur gunakan di situ ialah perkataan penghabisan iaitu Parlimen Keenam bermakna Ipoh Timur mahu menambah perkataan kepada “Usul Menjunjung Kasih” yang dibuat pada ketika itu pada Parlimen Keenam.

Saya baca, tambahan yang Ipoh Timur mahu ialah, "Dan dengan mengambil ingatan masalah undang-undang dan ketenteraman awam yang diakibatkan oleh samun-samun bersenjata dan penubuhan-penubuhan mengenai kerajaan mengambil tindakan ke atas pendatang-pendatang haram Indonesia dengan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas 3 (*illegal Indonesian immigrant*) untuk hentikan banjir pendatang-pendatang haram Indonesia". Jadi yang Ipoh Timur pertikaikan sekarang ini ialah Timbalan Yang di-Pertua tidak membenarkan usul yang dibuat oleh Ipoh Timur baru-baru ini.

Saya suka juga menarik perhatian Ipoh Timur kepada *Order Paper for the House of Commons* pada tahun 1996. Jadi kita semak bersama selepas itu Ipoh Timur bantu sama saya kalau sekiranya meja Tuan Yang di-Pertua ini membuat kesilapan. Sehingga Ipoh Timur membuat tuduhan-tuduhan yang seolah-olah apabila ia nampak Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua membuat petua sesuka hati...

Muka surat tujuh, para empat, *Queen Speech (Motion for An Address)*. *Motion* itu dibuat oleh Sir Norman Fowler, *motion* juga menjunjung kasih. *I read it to you:*

"Most Gracious Sovereign,

We, Your Majesty's most dutiful and loyal subjects, the Commons of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland in Parliament assembled, beg leave to offer our humble thanks to Your Majesty for the Gracious Speech which Your Majesty has addressed to both Houses of Parliament." – (Sir Norman Fowler)

Jadi amendment dibuat oleh beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu Mr David Trimble, Sir James Molyneux, Mr John D. Taylor, The Reverend Martin Smyth, Mr Roy Beggs dan Mr Clifford Forsythe. Jadi Yang Berhormat Ipoh Timur, saya bawa kepada *paragraph* berikutnya. Apabila mereka baca ini dan diubah part "*But humbly regret that the references to Northern Ireland, an integral part of this, Your Majesty's United Kingdom, continue to be placed in that section of Your Gracious Speech which is otherwise devoted to external affairs, to the scandal and offence of Your faithful Ulster people and the encouragement of the disturbers of Your Peace*". *If you were done? Okay.*

Apabila Yang Berhormat Ipoh Timur bandingkan *wording* yang saya baru baca tadi dengan *wording* Yang Berhormat Ipoh Timur buat pada tahun 1982, 26 tahun yang lalu pada ketika itu saya baru berjinak-jinak dalam politik. *Wording* yang sama dan dengan mengambil ingatan, *you are reminding* bermakna usul Yang Berhormat pada ketika itu adalah usul bukan *substantive* itu subsidiari usul dia tumpang 'tui', *if I can use that*. Maka itu dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu.

Namun usul Yang Berhormat buat dua hari yang lalu ialah seperti berikut. Ini usul dari Kulai, "Ampun Tuanku patik Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ke-12".

Jadi Yang Berhormat dari Ipoh Timur mahu pinda itu dengan memasukkan perkataan seperti berikut, dengan menambah perkataan-perkataan berikut: "Dan meluluskan bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menangani masalah berlarutan mengenai pendatang tanpa izin di Sabah sehinggakan timbulnya kekhawatiran yang berasas bahawa bilangan orang asing kini melebihi jumlah bilangan rakyat Sabah dan di dalam negeri Sabah". Selepas perkataan-perkataan Penggal Pertama Parlimen Ke-12.

In English version, you said "By adding the folding word in resolve that a Royal commission". What you are saying here is, usul di dalam usul. That is why it's not allowed. Jikalau Yang Berhormat buat seperti 82 boleh! Kerana ia cuma memberi ingatan bukan usul di dalam usul. Apabila Yang Berhormat buat usul di dalam usul, maka saya tarik perhatian Yang Berhormat Ipoh Timur dengan Peraturan Mesyuarat di mana itu usul persendirian, iaitu 30(3), you read 30(3).

Peraturan Mesyuarat 30(3) mengatakan: "Sesuatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh peraturan-peraturan Majlis, hanya boleh dibuat, dikeluarkan dengan usul bersendirian setelah mengeluarkan memberitahu". Jadi apabila Yang Berhormat tengok, baca salinan daripada *House of Commons*, Yang Berhormat akan nampak bahawa yang membawa usul ini ada beberapa orang bukan satu orang. Bermakna *it is not accept as usul, it's a subsidiary*, ia tumpang tui.

Yang Berhormat punya ini perkataan itu "*in resolve*", bermakna Yang Berhormat mahu semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang hadir menyokong juga kepada usul pindaan Yang Berhormat itu. Bermakna Yang Berhormat, apabila betul-betul mahu juga isu ini ialah isu yang amat penting maka buatlah satu usul berasingan di bawah Peraturan Mesyuarat 27 di mana Yang Berhormat terpaksa kasi notis 14 hari.

Itu adalah penjelasan daripada saya, keputusan saya dan saya rasa Yang Berhormat balik dulu bagus-bagus tinggal *think about it* dan baca.

■1650

Apa yang menjadi masalah saya di sini ialah, apabila perkara keluar dalam blog, bermakna seolah-olah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak lagi menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya juga ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat ialah pada tahun 2001, satu perkara telah berlaku di Dewan ini. Di mana wakil rakyat daripada Batu Gajah digantung oleh Dewan ini atas sebab beliau telah mengeluarkan risalah di luar Parlimen, menuduh Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu tidak berlaku adil. Wakil daripada Batu Gajah pada ketika itu dibawa kepada perbicaraan hak asasi, kalau tidak silap saya dan digantung enam bulan.

Saya dapati juga iaitu pada sesi kita pada 30 hari bulan, di mana timbul huru-hara pada ketika itu, wakil rakyat daripada Bukit Gelugor, mengeluarkan perkara yang sama iaitu wakil-wakil rakyat yang tidak mengangkat tangan sewaktu angkat sumpah, dan saya dapat tahu keputusan telah dibuat pada tahun 2004. Wakil rakyat daripada Bukit Gelugor, telah digantung juga selama enam bulan dengan isu yang sama.

Jadi kemusykilan saya di sini ialah, adakah perbuatan wakil-wakil rakyat yang tahu fakta yang sebenar tetapi tidak mengeluarkan fakta yang sebenar itu di Dewan. Sebaliknya menyalahgunakan ataupun menyembunyikan fakta itu ataupun menyembunyikan fakta itu daripada Tuan Yang di-Pertua, mentang-mentang Tuan Yang di-Pertua baru juga menduduki meja selama dua minggu.

Perkiraan saya ialah, Ahli-ahli Yang Berhormat juga semua bertanggungjawab untuk membantu Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua supaya perjalanan mesyuarat dapat berjalan dengan baik. Jadi saya kasi Yang Berhormat Ipoh Timur untuk tengok itu bagus-bagus. Ini kerana apabila nanti Yang Berhormat Ipoh Timur tidak juga umpamanya membuat pembaikan di blog Yang Berhormat dan kenyataan-kenyataan akhbar, maka terpaksa saya menarik perhatian kepada apa yang telah dibuat selepas ini. [*Tepuk*] iaitu kepada Yang Berhormat Batu Gajah membuat kenyataan menuduh bahawa pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua tidak berbuat apa yang perlu dibuat, iaitu tidak adil.

Jadi, bagi saya media elektronik dan siaran blog dan edaran yang dibuat secara bertulis kepada media, adalah sama. Jadi kalau Yang Berhormat umpamanya sebagai Ahli Yang Berhormat yang begitu lama dalam Parlimen, membantu kita sama-sama, perkara sebegini saya akan lupakan, tidak pernah berlaku tetapi buat pembetulan. Supaya pada masa-masa akan datang, semua ingatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada kerajaan supaya meja ataupun kerusi Tuan Yang di-Pertua ini dapat kita pertahankan bersama. Terima kasih.

Sila siapa yang mahu berbahas?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Boleh saya memberi respons?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengenai penjelasan tadi. Ada dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah tafsiran Tuan Yang di-Pertua mengenai apa yang berlaku, mengenai penolakan pindaan saya kepada Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja.

Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua ada memetik mengenai satu pindaan yang dibuat di *House of Commons*, tetapi sebenarnya ada banyak lagi pindaan-pindaan yang ada dibuat. *House of Commons*, Lok Sabha di India, di *Australian Parliament* dan lain-lain yang menunjukkan betapa luas satu pindaan yang boleh dikemukakan kepada Usul Menjunjung Kasih Ucapan Diraja atau Presiden atau *sovereign* negara-negara asing. Sebab itu, saya rasa ini sebenarnya perlulah satu perbahasan yang sepenuhnya dan bukan semacam...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, saya tahu Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat. Ini cuma saya ingin memberi penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ucap terima kasih dan saya rela buat kajian yang lebih mendalam. Sebenarnya, sebab itu saya ada kemukakan satu usul yang ada dalam nombor 37, kalau tidak silap.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nombor 45 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, untuk mengkaji semula keputusan Timbalan Tuan Yang di-Pertua mengenai apa yang berlaku malam itu. Itulah saya serius dan saya pun mahu meninggikan taraf dan *dignity* Dewan yang mulia ini. Ini kerana tidak mahu apa-apa yang tidak baik berlaku yang tidak boleh membangunkan imej Parlimen yang kita semua sayangi dan mahu menjaga.

Saya pun sudah tentu akan lebih mendalam mengkaji perkara ini mengenai bahagian kedua, inilah apa yang akan dibuat, terpulang kepada Dewan yang mulia ini, tetapi saya akan kaji...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa yang saya boleh kata bahawa apa yang saya tulis dalam blog ini dan apa yang saya kata di luar ialah dengan apa yang berlaku pada hari Khamis supaya kita mengikut tradisi dan konvensi Parlimen.

Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua ada membuat penjelasan, sampai sekarang saya tidak boleh setuju bahawa ini ada perbezaan. Satu substantif dan satu subsidiari, oleh sebab saya rasa dalam *Motion of Thanks* dalam untuk *royal address*, apa pindaan-pindaan mengenai apa-apa isu, relevan. Sebenarnya pun adalah satu *ruling* bahawa dalam perbahasan *Royal Motion* tidak ada satu yang tidak *irrelevant*, semua relevan.

Ini kita boleh lihat daripada semua komentari mengenai Parlimen bersiri. Oleh sebab mengenai perbahasan *Royal address*, semua perkara relevan dan tidak boleh berlaku perkara yang tidak relevan. Oleh sebab kalau begitu, perbahasan terhad sahaja kepada sokong ataupun tidak sokong, terima kasih ataupun tidak terima kasih. Sama ada perbahasan atau isi kandungan pindaan.

Sebenarnya saya rasa semua ini patutlah dibahas dalam perbahasan seperti *substantive motion* ini. Ya, mungkin saya mahu boleh minta penjelasan, sama ada masa akan diperuntukkan untuk sesuatu perbahasan mengenai *substantive motion*. Oleh sebab..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah saya habiskan? Oleh sebab mengikut Peraturan Mesyuarat, tidak lebih daripada dua hari diperlukan untuk notis ini, yang bererti bahawa keutamaan patut diberikan. Oleh sebab kalau tidak, tidak bererti Peraturan Mesyuarat 43 ini, di mana memberi kuasa atau memberi peluang untuk Ahli-ahli Parlimen kemukakan satu *substantive motion* untuk mengkaji keputusan-keputusan yang dibuat oleh "the chair".

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Timur seharusnya sedar juga bahawa Yang Berhormat sudah lama duduk di Parlimen ini. Apabila sesuatu substantif usul itu disimpan seperti begitu disenaraikan, terpaksa yang

dahulu, kita dahulukan. Ini kerana kalau yang terdahulu itu kita tidak dahulukan, selepas itu Yang Berhormat punya usul pula yang kita beri keutamaan, itu juga akan menimbulkan tidak kesaksamaan. Jadi itu makanya, saya sudah tahu bahawa usul Yang Berhormat itu di bawah 43, tidak dapat untuk kita bahaskan oleh sebab masa tidak mengizinkan.

Oleh kerana kita ada lagi empat hari, dan tidak akan sampai ke situ, itulah makanya saya ambil kesempatan ini. Sama satu lagi, apabila Yang Berhormat nanti buat penyelidikan, saya pun buat penyelidikan juga. Yang Berhormat, saya rujuk kepada *Standing Order* Singapura.

Standing Order Singapura di bawah 37(1) dan (2) mempunyai peruntukan yang sama dengan peruntukan *standing order* kita 30(1) dan (2), cuma dia tidak mempunyai (3). Iaitu Singapura tidak mempunyai yang kita punya 30(3). Jadi bermakna kita punya, dia lari daripada *convention*, di mana kalau usul Yang Berhormat buat seperti usul ini adalah usul di dalam usul.

Kalau dia usul seperti subsidiari usul, seperti Yang Berhormat tadi, saya rujuk kepada apa yang berlaku di *House of Commons*, itu dibolehkan kerana pindaan itu dibuat oleh beberapa orang. *It is not by one person. If it is by one person, mean* itu adalah usul yang substantif usul. *So, what indeed actually is*, atas perseorangan *in substantial motion*, mesti di bawah 27. Mesti beri saya notis 14 hari.

Itu tafsiran saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, dan kalau pun Yang Berhormat bertengkar dengan saya, bermakna saya masih lagi boleh pakai kuasa-kuasa yang lain yang saya kata ini muktamad, terpaksa bawa usul lagi dan sedemikian. Cuma yang saya mahu, Ahli Yang Berhormat ini yang keluar-keluar di blog itu, oleh sebab itu adalah pendapat politik di luar.

Saya tidak boleh buat blog, yang menjawab kepada semua tuduhan Yang Berhormat, kerana saya Tuan Yang di-Pertua. Jawatan saya sama Timbalan Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh membenarkan kami berbuat begitu.

■1700

Jadi apabila keputusan kami dipersoalkan setiap kali bermakna Yang Berhormat sendiri pun hadir dalam Parlimen yang tidak begitu dihormati. Cita-cita Yang Berhormat Parlimen ini *first world Parliament* sayalah penyokong barangkali yang pertama tetapi kita juga harus faham bahawa kadang-kadang tabiat kita, yang ramai kita di sini *we don't behave like a first world Parliamentarian*, itu adalah *respect*. Jadi kalau kita bersetuju di situ hingga di situ sahaja sekarang ini jangan lagi kita buang masa. Siapa yang minat untuk membahaskan isu tadi daripada Kementerian Kewangan sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Terakhir, terakhir saya mahu minta satu *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana ini usul yang saya ada beri notis ialah *substantive motion* dan ini ada disebut dalam Peraturan Mesyuarat *substantive motion* sama ada ia akan diberi keutamaan kerana kita ada hari yang terhad tiga hari sahaja tapi maknanya *substantive motion* ialah *substantive* dan perlu diberi keutamaan apabila dibandingkan dengan urusan-urusan yang lain.

Bolehkah satu *ruling* dibuat supaya *substantive motion* mengikut Peraturan Mesyuarat 43 ia akan diberi keutamaan dan mengenai *blog* mungkin itu personel. Tuan Yang di-Pertua mungkin sebagai *first speaker* dalam dunia untuk ada *blog* tidak ada apa-apa halangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin tahu sebenarnya apa keputusan Tuan Yang di-Pertua terutama tentang *blog* tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu yang cuma saya beritahu itu ialah bahawa kalau umpamanya saya menggunakan kuasa saya seperti yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dahulu, apa yang tersiar di *blog* itu saya menganggap bahawa seperti juga yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Batu Gajah pada 2001, tetapi saya tidak akan sampai di situ untuk mengambil tindakan di bawah 44 yang sedemikian.

Saya cuma ingin mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, kalau ada perkara-perkara yang boleh kita elakkan jangan sampai ke situ, berapa elok dan cantik. *First class Parliament* dunia ini. itu sahaja. Jadi keputusan saya adalah itu. Saya juga minta kerjasama daripada Yang Berhormat Ipoh Timur, kerana dia akan balik dan dia akan buat *research* sama ada apa yang saya sebut tadi itu adalah betul atau tidak tapi bagi saya ia adalah kajian yang saya buat dalam dua tiga hari ini dan sedikit-sebanyak ada juga pengalaman saya sedikit sewaktu Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah 20 tahun yang lalu. Jadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak ada penjelasan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, saya mahu tanya. Penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Tadi waktu Tuan Yang di-Pertua minta siapa hendak berucap Ketua Pembangkang belum masuk saya sudah berdiri. Memang inikah syaratnya ada apa bahas mesti Ketua Pembangkang dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Kita kasilah Ketua Pembangkang pasal...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tadi saya sudah berdiri dia belum sampai.

Tuan Yang di-Pertua: ...selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya sama dengan Yang Berhormat Kinabatangan 35(2).

Tuan Yang di-Pertua: 35(2).

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak bantu Tuan Yang di-Pertua dibaca di sini "Jika dua atau tiga lebih daripada dua orang bangun serentak, Pengerusi hendaklah memanggil Ahli yang dahulu sekali terpendang olehnya". Saya hari-hari bangun, susah betul Tuan Yang di-Pertua tidak nampak... [Ketawa]

Saya hendak bantu. Saya tidak kacau orang Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik perhatian, tadi waktu dibentangkan peruntukan perbelanjaan sudah ada orang bercakap mengambil masa panjang lebar. Sekarang hendak bercakap pula. Macam dia seorang sahaja Ahli Parlimen. Orang lain pun Ahli Parlimen juga.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi saya hendak minta *ruling* dengan Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini hendak bahas, kita masa tidak ada. Saya hendak tetapkan Tuan Yang di-Pertua tentukan masa sekarang sama ada setiap Ahli Parlimen yang bercakap setengah jam, 15 minit, 20 minit. Jangan masing-masing dapat peluang dahulu bercakap satu jam, dua jam orang, lain tidak ada peluang. Saya hendak minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua sekarang supaya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sokong!

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya pun hendak bercakap juga. Payah hendak dapat bercakap ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dapat mengatur masa Yang Berhormat kita tidak mempunyai masalah sebegini. Jadi tadi betul Yang Berhormat Kinabatangan telah berdiri tetapi saya tersalah pandang tapi tidak apa oleh kerana saya sudah panggil Ketua Pembangkang untuk bercakap silalah Yang Berhormat Permatang Pauh. Selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Berapa minit?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta tanya masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ada dua hari untuk membahaskan ini. Janganlah panjang-panjang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, selepas Yang Berhormat Kinabatangan Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau *first world Parliament* Ketua Pembangkang bercakap paling lama setengah jam. *First world Parliament. Backbencher*nya paling lama pun 15 minit. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur, *you agree with me on that point? First world Parliament*, Ketua Pembangkang bercakap pun setengah jam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *First world Parliament* kita mahu buat *research*. Kita ada *research... newspaper* boleh...

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Okey, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

5.05 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kali kedua ini bagi 2007 tidak wajar diluluskan. Belanjawan tambahan kedua sebanyak RM18.02 bilion campur dengan belanjawan tambahan pertama sebanyak RM10.9 bilion bermakna kerajaan sudah membentangkan belanjawan tambahan sebanyak RM28.92 bilion untuk 2007. Ini merupakan 25.6% daripada belanjawan asal yang berjumlah RM113 bilion.

Saya percaya ini bukan kali terakhir Belanjawan Tambahan 2007 akan dibentangkan, sebelum akhir tahun ini. Kebiasaannya belanjawan tambahan hanya sekitar 5% dari belanjawan asal dan tidak sepatutnya melebihi 10%. Itu pun dikira sebagai pengurusan belanjawan negara yang tidak *prudent* lagi. Ini belum lagi mengambil kira perbekalan-perbekalan tambahan luar jangka sebelum pembubaran Parlimen bagi menghadapi pilihan raya yang lalu. Dengan unjuran yang ada adalah jumlah kumulatif belanjawan tambahan akhirnya akan melebihi 50% daripada belanjawan asal.

Menurut Kertas Perintah 4A Tahun 2008, sebanyak RM16.6 bilion daripada RM18.02 bilion atau 93.2% merupakan jumlah lebihan dari Wang Kumpulan Disatukan yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Tiada langsung perincian yang dikemukakan. Saya ingin tahu, apakah bentuk pembangunan yang dilaksanakan dengan wang sebanyak RM16.8 bilion ini? Adakah kerajaan beranggapan bahawa Dewan yang mulia ini adalah hanya satu *rubber stamp* untuk perbelanjaan wang sebanyak itu?

Kerajaan perlu lebih bertanggungjawab dengan memberi butiran terperinci dan lengkap mengenai pembangunan yang dilaksanakan dengan wang ini. Jadi saya minta semua Ahli Dewan yang mulia ini, baik daripada Pakatan Rakyat mahupun Barisan Nasional menolak belanjawan tambahan kedua ini melainkan kerajaan menyediakan butiran lengkap dan terperinci tentang penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM16.8 bilion yang dibentangkan untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan projek runding terus. Harapan untuk melihat perubahan kepada sistem pengagihan kontrak secara adil dan saksama begitu tinggi apabila Perdana Menteri memberi jaminan bahawa di bawah pemerintahan beliau tiada lagi projek-projek dianugerahkan secara rundingan terus. Begitulah jaminannya dalam wawancara 100 hari sebagai Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung di RTM1.

Malang sekali komitmen Perdana Menteri meleset apabila begitu banyak projek dianugerahkan secara rundingan terus. Semasa menjawab soalan saya pada 30 April 2008 di dalam Dewan yang mulia ini, Perdana Menteri sendiri mengaku bahawa sebanyak 38% daripada projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ditawarkan secara runding terus dengan membabitkan projek-projek bernilai sebanyak RM63 bilion. Menurut Perdana Menteri ada tender yang terhad yang dibuat secara menjemput syarikat-syarikat tertentu untuk mengemukakan cadangan-cadangan mereka bagi mempertimbangkan dalam sistem tender itu.

■1710

Alasan kerajaan ialah ini biasanya ada hubungan kait dengan barang-barang yang diperlukan, yang dianggap sebagai isu *security, specific, high-tech* yang tidak semua syarikat mempunyai kebolehan untuk mengambil bahagian dalam tender. Alasan kerajaan juga menyebut bahawa pemberian tender yang sedemikian adalah diputuskan mengikut proses yang dijalankan dengan teliti, dengan mengambil segala aspek berkaitan dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Perdana Menteri juga memberitahu Dewan ini bahawa pendekatan yang cukup teliti diberikan supaya tidak merugikan kerajaan dan rakyat, tetapi dari segi kenyataan tidak begitu. Jadinya, banyak projek-projek rundingan terus mengalami pelbagai masalah yang menyebabkan pembaziran melalui penambahan kos yang melibatkan dana awam.

Antaranya:

- (i) projek membina sekolah rendah dan menengah dibuat secara rundingan terus. Banyak mengalami kelewatan untuk siap. Penggunaan bahan binaan yang tidak mengikut spesifikasi. Kawasan projek didapati tidak sesuai.

Banyak permasalahan lagi berbangkit iaitu berlakunya kebocoran. Tidak payah pergi jauh, Parlimen pun bocor. Kerosakan dan keruntuhan yang membahayakan warga sekolah termasuk pelajar, guru dan kakitangan. Makmal komputer mengalami kebocoran, keruntuhan dan tidak sesuai digunakan dan sebagainya. Di manakah kepakaran, tanggungjawab jurutera dan jururunding lain dalam mereka bentuk bangunan untuk kegunaan rakyat ini? Apakah tindakan diambil ke atas kontraktor, jurutera dan perunding-perunding apabila kepincangan berlaku dalam pelaksanaan projek-projek ini?;

- (ii) projek-projek di bawah kawal selia Syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. Syarikat milik Menteri Kewangan yang diperbadankan sebab kebanyakannya di anugerah secara rundingan terus. Sejak dilancarkan pada 2005, PBLT sedang dan akan melaksanakan projek-projek bernilai RM8 bilion.

Menurut Berita Harian edisi 3 Februari 2007, kerajaan melaksanakan 63 projek bernilai RM4.68 bilion sebagai secara *fast track* dengan izin, melalui kaedah bina pajak pindah. Projek-projek yang terlibat ialah pembinaan kuarters kediaman polis yang dibiayai melalui dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Amanah Pencen. Oleh kerana projek yang dilaksanakan menggunakan wang rakyat untuk kediaman polis, maka amat wajarlah kerajaan memastikan kontrak yang dianugerahkan merupakan kaedah terbaik berbanding tender

terbuka dari segi *value for money*, keselamatan dan keselesaan warga polis.

Langkah-langkah pemantauan pelaksanaan projek-projek dalam pembinaan perumahan polis mesti tegas agar tidak lagi berulang keadaan yang pernah didedahkan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ketika itu Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang dah naik pangkat jadi menteri. Pada bulan Jun 2005 bahawa kebanyakan projek perumahan polis terbengkalai pada tahap akhir iaitu kira-kira 90% untuk disiapkan. Secara apakah, langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan keadaan sedemikian tidak berlaku?; dan

- (iii) projek-projek yang dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya. Kebanyakannya di anugerah secara rundingan terus. Projek yang diiklankan hanya untuk mengaburi mata rakyat sahaja.

Di Kelantan pula, projek-projek Persekutuan yang dianugerahkan secara rundingan terus termasuk pembinaan Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai bernilai RM540 juta kepada Padang Maju Bina Sdn. Bhd., Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra bernilai RM150 juta kepada Konsortium LS Resources Sdn. Bhd. dan IRS Capital Sdn. Bhd., Jalan Pasir Puteh-Padang Gong ke Kulim Tok Bali bernilai RM56.9 juta kepada HYM Construction Sdn. Bhd. dan banyak lagi. Selain daripada itu, Projek KL Outer Ring Road bernilai RM2 bilion dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Resources Bhd. secara rundingan terus. Begitu juga Projek Naik Taraf Jalan Pekan ke Kuantan juga dianugerahkan kepada syarikat yang sama secara rundingan terus.

Yang saya sebut ini hanya sekelumit saja atau *tip of the iceberg* Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagaimana rakyat nak percaya kepada Kerajaan Barisan Nasional yang ingin membina usahawan berwibawa dan telus dalam pengagihan kontrak kalau beginilah amalan yang dilakukan oleh kerajaan sekarang. Apabila berlaku masalah, bagaimanakah kerajaan dapat menjamin projek-projek rundingan terus ini dilaksanakan berasas *value for money* untuk rakyat tanpa pembaziran yang melibatkan wang rakyat umpamanya.

Apa yang berlaku keretakan seperti mana yang berlaku ke atas Jejambat Projek *Middle Ring Road 2* atau MRR2, di Kepong. Apakah kontraktor-kontraktor projek dikenakan tindakan atau penalti? Sebaliknya kedudukan mereka menjadi lebih terjamin apabila kerajaan menambahkan lagi peruntukan bagi menampung pembaikan keretakan tersebut. Di mana terletaknya ketelusan kerajaan dalam pengurusan pengagihan projek-projek ini? Oleh yang demikian, jangan marahkan rakyat apabila mereka beranggapan ada orang-orang tertentu yang rapat dengan pimpinan negara mempunyai kepentingan dalam projek-projek yang sedemikian rupa.

Warisan Kebangsaan Tuan Yang di-Pertua. Di negara kita, asalkan ada pihak berkepentingan dapat meraih keuntungan maka warisan sejarah pun sanggup dikorbankan.

Kita lihat saja bangunan dan institusi bersejarah seperti Stadium Negara, Stadium Merdeka, *Bukit Bintang Girl School*, *Batu Methodist Girl School* dan sebagainya terancam atau dirobohkan terus untuk pembangunan komersial. Satu demi satu cadangan-cadangan diangkat untuk memindah atau merobohkan bangunan dan institusi bersejarah untuk memberi laluan kepada pembangunan komersial.

Terakhir ini ialah cadangan Tuan Yang di-Pertua, memindahkan Universiti Malaya ke Sepang. Nasib baik warga Universiti Malaya membantah. Maka Perdana Menteri terpaksa campur tangan. Berapa ramai kita yang kelulusan daripada Universiti Malaya. Apa guna kalau ada Kementerian Warisanlah apalah, tetapi apa yang kita ada sebagai warisan kita, negara kita, tidak diindahkan.

Dalam akhbar *The Star* Tuan Yang di-Pertua, bertarikh 20 Februari 2008, UM Holdings Sdn. Bhd. mengumumkan pelantikan konsortium PPC, Mint, Glow Mat untuk membangun 27.5 hektar tanah dalam Kampus Universiti Malaya bagi membina vila dan kondominium mewah berpagar. Akhbar tersebut memaparkan dengan izin, *Consortium Plans Gutted Community at UM Land*. Menurut Timbalan Pengerusi Glow Mat, Datuk Richard Fong projek ini akan dilancarkan suku kedua tahun ini. Berikutan itu, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya atau PKAUM, telah membuat bantahan atas beberapa alasan:

- (i) Universiti Malaya merupakan universiti awam yang pertama dan tertua. Oleh itu ia perlu dilihat sebagai sebuah warisan nasional yang unggul, yang perlu dipelihara untuk kepentingan awam.

Menyewa atau menjual sebahagian daripada tanah kepunyaan Universiti Malaya akan membawa kepada keruntuhan warisan dan nilai-nilai sejarah, memandangkan tanah di sekitar Lembah Klang adalah *prime land* dan mempunyai harga pasaran yang tinggi. Ini mungkin mempengaruhi secara substantif keinginan pihak-pihak tertentu untuk terlibat dalam perjanjian yang serupa di masa hadapan dan ini tidak patut digalakkan sama sekali;
- (ii) penjualan atau penyewaan tanah untuk tujuan pembinaan kondominium mewah dan vila tidak membawa kepentingan pembangunan akademik universiti, tetapi ia memperlihatkan kemurahan penggunaan tanah universiti awam untuk pembangunan zon komersial;
- (iii) pembinaan kondominium mewah yang komersial di atas tanah kepunyaan awam, *public land* adalah tidak beretika kerana ia hanya menguntungkan sebahagian kecil dari golongan elit dan ahli korporat. Bukan untuk pembangunan dan kepentingan awam, *public interest* dengan izin;

▪ 1720

Tidak ada sebarang bentuk perancangan yang kukuh oleh Universiti Malaya tentang penggunaan dana yang akan diperolehi oleh perjanjian tanah tersebut. Kelima, terdapat beberapa kaedah atau pendekatan yang boleh dibuat oleh Universiti Malaya di dalam memperoleh dana untuk pembangunan akademik dan kepentingan awam.

Salah satu kaedah ialah dengan secara proaktif mendapatkan dana dengan menemui dan menghubungi alumni Universiti Malaya yang mempunyai sumber kewangan, *wealthy alumni* dengan izin, untuk mendapatkan sumbangan.

Saya cadangkan agar kerajaan pastikan pembangunan ke atas tapak Universiti Malaya hanyalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan atau kesejahteraan warganya seperti bangunan atau kawasan untuk penyelidikan pembelajaran, asrama dan sebagainya.

Kita mesti ingat universiti kita telah menurun, merosot. Kalau dulunya Tuan Yang di-Pertua kita bangga Universiti Malaya sebagai tempat yang kita boleh tabik, yang kita rasakan graduan daripada satu institusi yang mempunyai nilai, kualiti yang tinggi, sekarang ini merosot dan merudum.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia pada Julai 2007 telah menyenaraikan 50 warisan kebangsaan bersempena dengan 50 tahun kemerdekaan Malaysia dan 44 tahun penubuhan Malaysia. Ini merupakan senarai pertama warisan kebangsaan kita yang akan dilindungi undang-undang menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya kampus utama Universiti Malaya sewajarnya turut dipertimbangkan bagi disenaraikan sebagai warisan kebangsaan.

Pertahanan negara Tuan Yang di-Pertua, tempoh hari semasa membahaskan Titah Diraja, saya telah membangkitkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan

perolehan dua buah kapal selam Scorpene dan 18 buah pesawat pejuang Sukhoi SU30MKM.

Berikutan itu, semasa menggulung perbahasan berkaitan perkara-perkara tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan memberitahu Dewan ini bahawa perolehan kapal selam tersebut telah dibuat secara runding terus.

Dewan diberitahu bahawa kontrak perolehan kapal selam itu ditandatangani pada 5 Jun 2002 oleh Kerajaan Malaysia dengan syarikat DCNS, Perancis dan syarikat Navantia, Sepanyol selaku pembekal kapal selam dan syarikat Perimekar Sdn. Bhd. sebagai projek *service provider* dengan nilai kontrak kesemuanya berjumlah EURO1.84 bilion bersamaan RM5.5 bilion.

Dewan ini juga diberitahu, bahawa terdapat dua bahagian utama dalam skop kontrak iaitu:

Bahagian pertama, antara Kerajaan Malaysia dan syarikat DCNS, Perancis dan Navantia, Sepanyol merangkumi perolehan dua buah kapal selam Scorpene melalui pakej *integrated logistical support* dan latihan untuk warga kapal selam Scorpene dengan nilai EURO999.15 juta bersamaan RM4.94 bilion.

Bahagian kedua, antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat Perimekar Sdn. Bhd. merangkumi perkhidmatan sokongan atau *service provider* dan koordinasi kepada pasukan projek kapal selam TLDM di Perancis dan Sepanyol serta pelatih-pelatih kapal selam di Perancis selama enam tahun dengan nilai EURO114.96 juta bersamaan RM586.3 juta.

Menyentuh kembali perolehan dua buah kapal selam Scorpene dari Perancis itu, saya telah membangkitkan perbandingan harga sebuah kapal selam tersebut yang turut dibeli oleh dua buah negara lain, Chile dan India.

Menurut sumber majalah pertahanan terkemuka, *Jane's Defence Weekly*, perbandingan harga kapal selam Scorpene yang dibeli oleh Kerajaan Malaysia iaitu USD580 juta sebuah, Chile USD520 juta dan India USD540 juta menunjukkan bahawa Malaysia membayar harga yang lebih mahal berbanding kedua-dua buah negara tersebut.

Yang Amat Berhormat Menteri memberitahu Dewan perbezaan harga itu berlaku kerana spesifikasi dari segi komponen kapal selam, komponen *integrated logistical support* dan komponen latihan.

Apa pun kerajaan tidak boleh nafikan bahawa perolehan kapal selam Scorpene ternyata dibayar dengan harga yang termahal di dunia setakat ini. Ini juga membangkitkan persoalan yang lebih asas, mengapakah untuk mempermodenkan Angkatan Laut Malaysia, Kementerian Pertahanan memilih untuk memperolehi kapal selam jenis Scorpene yang dibekalkan oleh usaha sama Perancis, Sepanyol.

Adakah perolehan kapal selam Malaysia dibuat menerusi tawaran tender terbuka antarabangsa? Mengapa tidak dipertimbangkan perolehan kapal selam dari negara-negara pembekal kapal selam terkemuka yang lain umpamanya Jerman yang memiliki pengalaman luas dalam industri pembinaan kapal selam sebelum Perang Dunia Kedua lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Permatang Pauh, duduk sekejap. Yang Berhormat Menteri, dalam *Supplementary Budget* ini adakah termasuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh ini iaitu tambahan kewangan mengenai dengan soal pembelian kapal selam dan sebagainya.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Yang Berhormat Permatang Pauh, khususnya kepada perbahasan mengenai dengan soal *Supplementary Budget* iaitu wang yang diperlukan sebagai wang tambahan yang telah dibelanjakan sudah. Bukan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan usul atau perkara yang telah dibahas sebelum ini, iaitu ini sudah pun dibahas di antara Yang Berhormat Permatang Pauh dengan Yang Amat

Berhormat Timbalan Menteri merangkap Menteri Pertahanan sewaktu perbahasan Titah Diraja. Terima kasih, sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya cuma hendak menjawab dan memberi hujah-hujah selepas Timbalan Perdana Menteri memberi jawapan sebab pada masa itu kita tidak boleh menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah sebabnya kita punya peraturan maka kerana kalau yang sudah diselesaikan itu kita bawa lagi pada sesi yang berlainan, maka tidak akan berakhir perbahasan itu. Itulah kita punya peraturan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya bagi Yang Berhormat Batu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Soalan yang kita kemukakan dalam isu pembelian senjata dan peruntukan ada kaitan dengan apa yang kita bahaskan hari ini sebab kita mohon untuk meluluskan satu peruntukan tambahan dalam satu perkara yang agak pokok dalam pengurusan dan pentadbiran negara.

Bukankah betul Yang Berhormat Permatang Pauh kalau kita dapat menguruskan bajet kita secara *total* dan kita boleh mengurangkan perbelanjaan dalam pengurusan asas ini kita mungkin boleh elakkan penambahan perbelanjaan dalam jabatan yang lain.

Bukankah ini sebahagian daripada perbahasan kita kerana penggunaan kita, pembaziran kita dalam Kementerian Pertahanan telah menyebabkan kerajaan kekurangan bajet. Minta komen.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tambah lagi 25.6%. Kita akan tambah lagi sudah dua kali, ini kali kedua Tuan Yang di-Pertua. Dulu kita tambah RM10 bilion sekarang kita tambah RM18 bilion.

Ini yang saya hendak maksudkan adalah bagaimana dana rakyat telah dibelanjakan. Apabila jawapan oleh Timbalan Perdana Menteri saya hendak berikan hujah-hujah saya hendak tanya lagi.

■1730

Bolehlah diberikan jawapan Tuan Yang di-Pertua, kerana ini bukan melibatkan dana awam yang sedikit. Ini adalah banyak. Kalau pengurusannya yang lepas, kita akan tambah sampai bila-bila pun tidak akan habis walaupun kalau Tuan Yang di-Pertua katakan kita boleh bahas sampai tak habis, sama juga Tan Sri. Kalau kita bahaskan, sekurang-kurangnya ada sekatan-sekatan, ada juga peringatan-peringatan untuk mengajar bagaimana kita membelanjakan wang. Ini bukan wang kita, ini wang yang diamanahkan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Batu Pahat, apa? Penjelasan atau *point of order*?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, mahu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, bagi jalan?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tak payahlah Yang Berhormat Batu Pahat sebab saya tadi, dia tegur saya pasal baju putih lepas itu dia tegur saya pasal baju putih. Biarlah saya bercakap. Minta maaf ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak nak bagi jalan Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya nak tanya, kenapa kita tidak boleh beli kapal selam yang lebih murah daripada Jerman? Kenapa Scorpene? Syarikat Jerman iaitu 'HTW Ferostar' mempunyai keupayaan membina dan membekal kapal selam jenis Kelas 214 yang didakwa sistem dan spesifikasi kapal selam lebih baik daripada Scorpene dan juga harganya sehingga 25% hingga 30% lebih murah daripada Scorpene. Selain angkatan laut Jerman, berapa banyak negara termasuk Itali, Greece, Korea Selatan turut menggunakan kapal selam Kelas 214.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bersambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya ingin membangkitkan kembali pertanyaan-pertanyaan saya mengenai *maintenance* yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan. *Maintenance* kapal selam. Mana-mana Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan *maintenance*. Juga seperti mana yang bangunan Parlimen pun. Kalau tak *maintain*, bocor sana bocor sini.

Saya tidak mendapat jawapan yang memuaskan daripada Yang Amat Berhormat semasa penggulangan beliau tempoh hari. Oleh kerana mana-mana kapal perang termasuk kapal selam Scorpene memerlukan *maintenance*, apakah ianya termasuk dalam pakej *integrated logistical support* kapal selam tersebut ataupun adakah ianya nanti ditawarkan kepada mana-mana syarikat untuk menguruskan *maintenance* kapal selam Scorpene.

Dalam soal *maintenance* kapal selam ini, Yang Amat Berhormat Menteri memberitahu Dewan bahawa *maintenance* yang sebenarnya hanya dia boleh buat dalam sebuah *shipyard* yang bertauliah dan ini akan ditentukan kemudian. Ini kapal dah nak mai dah, *shipyard* tang mana nak bubuh?

Jawapan beliau amat menghairankan kerana kapal selam Scorpene yang pertama, KD Tunku Abdul Rahman dijadualkan akan diserahkan kepada TLDM tidak berapa lama lagi iaitu Jun 2009. Manakala kapal selam yang kedua, KD Tun Abdul Razak dijadualkan akan diserahkan pada hujung 2009. Berikutan dengan penggunaan dan operasinya nanti, kapal selam tersebut berkehendakkan *maintenance* dari semasa ke semasa.

Saya ingin tahu, pihak manakah yang akan bertanggungjawab terhadap *maintenance* kedua-dua kapal selam tersebut. Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan telah pun menjalin perjanjian dengan mana-mana pihak sama ada dalam negeri mahupun luar negeri bagi tujuan *maintenance* kapal selam Scorpene ini.

Oleh kerana Malaysia belum mempunyai kemudahan dan pengalaman dalam pengendalian dan penyelenggaraan kapal selam berbanding India yang turut membeli Scorpene, adakah Malaysia menjalinkan apa-apa perjanjian dengan India dalam hal berkaitan kapal selam tersebut. *Defenseworld.net* dalam laporannya bertarikh 3 Mac 2008 menyebut bahawa Ketua Turus TLDM, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali dan Ketua Turus Tentera Laut India, Laksamana Suresh Mehta telah pun mengadakan perbincangan di New Delhi berkaitan kerjasama mengenai kapal selam Scorpene. Kerajaan mesti menjelaskan mengapa perolehan kapal selam Scorpene begitu beria-ia sekali dilakukan dengan perbelanjaan berbilion ringgit sedangkan soal *maintenance* masih belum ditentukan. Apa pun, saya perlu komitmen kerajaan bahawa kontrak *maintenance* kapal selam Scorpene harus telus dan ditawarkan menerusi tender terbuka. Berikutan dengan perolehan kapal selam Scorpene, saya juga menggesa supaya perolehan alatan dan persenjataan kapal selam tersebut juga harus dilakukan secara telus. Janganlah ada kedengaran *hanky-panky* atau *kickback* dalam soal perolehan alat-alat ketenteraan negara yang melibatkan khazanah negara dan wang pembayar cukai yang tidak sedikit.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Menteri kata ini adalah *security*. Kita tahu *security*, saya faham dan

sensitif tentang soal *security* tetapi ketelusan dalam erti kata *dealing and willing* ini mestilah telus dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembelian pula 18 buah jet pejuang Sukhoi SU-30MKM...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Silakan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Permatang Pauh ada menyebut tadi mengenai dengan *kickback expenses* yang pernah disebut di dalam Dewan beberapa kali termasuk dalam sesi yang lepas. Menyentuh berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007 yang jumlah tambahannya dikatakan sebanyak 25.6%.

Kita lihat bahawa jumlah ini memang dianggap sebagai jauh daripada anggaran sebenar dan mungkin mempunyai aspek-aspek *unforeseen budgeting factor* yang menyebabkan penambahan yang begitu tinggi diperlukan. Dalam perkara yang sama, pada tahun 2007 juga kita lihat keputusan kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dalam masa yang sama telah pun melepaskan cukai yang sepatutnya dipungut oleh kerajaan menjadi hasil negara berjumlah RM941 juta.

Keputusan ini sekiranya ditimbang, semata-mata dibuat di bawah seksyen 129 yang membolehkan kerajaan melepaskan cukai yang sepatutnya dipungut sebagai hasil negara, hasil mahsul negara tapi telah dilepaskan atau dihapus kira. Keputusan ini juga dibuat dalam tahun 2007.

Jadi, apa *consideration* ataupun pertimbangan dalam masa kita nak meminta supaya wujud atau dibuat tambahan dalam belanjawan kita tahun 2007 dalam masa yang sama hasil mahsul yang sepatutnya kita kutip, kita pula lepaskan. Perkara ini agak mengelirukan kerana tahun 2007 memang tahun persediaan untuk kita menghadapi pilihan raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya nak menjelaskan kenapa keputusan melepaskan cukai ini saya nak bawa dalam tambahan kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia bukan usul, dia berbahas sekarang ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, saya minta, mohon supaya dimasukkan dalam perbahasannya. Tahun 2004 kalau dibandingkan 2005 dan 2006, pertambahan dalam keputusan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat macam berucap dah Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Last*, terakhir. Tahun 2006, 2005 dan 2004 berbanding dengan 2007, pertambahan dia melebihi 1800% kalau dibandingkan tiga tahun. Ini menimbulkan satu perkara yang amat *unforeseen* tadi, *unforeseen budgeting factor*. Kalau boleh perkara ini saya mohon supaya dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai satu persoalan yang perlu dijawab dan diungkap oleh pihak menteri. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya setuju masukkan dalam ucapan saya tapi saya nak masuk Tuan Yang di-Pertua, tentang pembelian 18 jet pejuang Sukhoi. Kerajaan mempunyai alternatif...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Segambut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Segambut bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Segambut? Sikit saja ya, saya ada banyak lagi.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Okey. Saya minta diberitahu bahawa berapa orang *pilot* tempatan yang *qualified* untuk memandu 18 *fighter jet* ini di Malaysia buat masa ini dan berapa pemandu kapal selam orang tempatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tanya dengan siapa itu Yang Berhormat? Yang Berhormat Permatang Pauh?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dimasukkan dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak bolehlah macam itu Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat berucap nanti boleh masuk ya.

■1740

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Segambut kerana memberikan ingatan kerana saya juga hendak bertanya berkenaan kelasi-kelasi ataupun ahli-ahli TLDM yang dilatih khusus untuk mengendalikan kapal selam kerana saya difahamkan ia bukanlah sesuatu yang mudah sekarang ini.

Saya hendak tanyalah berapa ramai kelasi dari Malaysia menyertai program untuk mengendalikan kapal-kapal selam yang akan datang ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf Yang Berhormat Bantu Pahat. Terima kasih saya akan sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya hendak masuk kepada jet Sukhoi ini. Kerajaan ada mempunyai alternatif membelinya secara langsung menerusi Syarikat Knaapo, anak syarikat kumpulan Sukhoi yang diwakili kumpulan Anjung Mestika Sdn. Bhd. yang menawarkan harga USD 43 juta sebuah. Kesemua komponen-komponen juga dibekalkan daripada Rusia tetapi Malaysia telah membeli Sukhoi melalui Syarikat IAPO yang mewakili IMT Defence Sdn. Bhd yang menawarkan harga RM73 juta sebuah.

Kebanyakan negara-negara pembeli Sukhoi membelinya melalui Knaapo. Hanya Malaysia dan India sahaja yang membeli melalui Syarikat IAPO ini. IAPO menawarkan Sukhoi SU30MKI yang dipasang oleh Syarikat Hindustan Aircraft Company daripada India. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan dipasang di sana, di pasang di India dan itu yang kita beli.

Komponennya pula diperolehi melalui 14 buah syarikat. Dalam yang kita hendak *Sukhoi Jet Fighter* ini, bayangkan dalam keadaan perang salah satu syarikat komponen ini menghadapi masalah maka pesawat pejuang Sukhoi itu kepunyaan Malaysia tidak boleh berfungsi. Tidak ada *spare part*.

Dalam satu laporan audit Kerajaan India, IAPO dan Syarikat Hindustan Aircraft menghadapi banyak masalah dalam memenuhi jadual bekalan dan teknikal yang menyebabkan banyak jet pejuang Sukhoi tidak dapat dibekalkan mengikut jadual dan menghadapi pelbagai masalah teknikal. Ini kita hendak tambah duit, yang kita telah beli dah. Ini yang kita menghadapi masalah, ini yang saya punya *point* Tuan Yang di-Pertua. Tambah lagi kenapa? Ini yang telah buat salah.

Kerajaan selalu memberi alasan tidak dapat menjelaskan perbezaan harga sebuah jet pejuang yang ditawarkan atas alasan keselamatan, sekuriti maka tidak boleh didedahkan. Walau bagaimanapun, keupayaan komponen jet pejuang yang dibeli mana-mana negara boleh diperolehi melalui *internet* dan majalah-majalah. Majalah-majalah

pertahanan antarabangsa dengan begitu mudah. Pesanan komponen-komponen dibuat melalui tender terbuka antarabangsa maka maklumatnya boleh diperolehi oleh mana-mana pihak yang ingin mengetahui keupayaan jet-jet pejuang itu atau peralatan ketenteraan kita.

Jadi, kerajaan perlu menjelaskan kenapa memilih dari pembekal yang menawarkan satu harga begitu tinggi untuk jet-jet pejuang yang sama, dengan keupayaan yang sama atau lebih baik dengan harga yang lebih rendah? Sebab itulah saya cadangkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat perolehan peralatan tentera yang begitu pincang.

Kita tidak nafikan. Tidak banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kita tidak nafikan, peri pentingnya pemodenan angkatan bersenjata negara dengan perolehan peralatan dan kelengkapan yang canggih dan berkesan demi mempertahankan negara. Pulau Batu Puteh pun terlepas.

Sememangnya negara memerlukan pertahanan yang kuat melalui persediaan angkatan tentera yang sedia, siap sedia mempertahankan kedaulatan negara. Namun, tiada kekentalan yang lebih jitu bagi sesebuah negara melainkan dengan kekentalan rakyatnya sendiri. Kecanggihan persenjataan dan kekuatan ketenteraan semata-mata bukan lagi menjadi faktor yang membawa kemenangan dalam sebarang sengketa yang menjurus kepada peperangan.

Kekentalan rakyat ternyata lebih berupaya menewaskan musuh yang menceroboh. Ini telah dibuktikan dengan kemenangan kebangkitan di Indo China, di bumi Afghanistan beberapa dekad yang lalu. Saya yakin dan percaya rakyat di bumi Palestin juga berupaya membuktikan sekali lagi kepada dunia. Belum akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit hendak masuk.

Rakyat sekarang sedang menangis kerana tidak berupaya lagi menghadapi kenaikan harga barangan yang berterusan. Walaupun kerajaan mengatakan inflasi masih terkawal sekitar 3.5% tetapi pada hakikatnya barangan yang kita kira diukur, barangan yang dikira untuk mengukur kadar inflasi kebanyakannya terdiri daripada barangan kawalan dan barangan yang disubsidi.

Barangan tanpa kawalan melambung tidak terkawal lagi. Singapura sekurang-kurangnya mengakui kadar inflasi negaranya sudah meningkat kepada 7.8%. Sedangkan negara masih menyembunyikan kadar inflasi sebenar yang dianggarkan telah melebihi 9%.

Kuasa membeli suri rumah sudah menguncup kerana gaji pekerja tidak mengikut aliran kadar inflasi. Kadar gaji begitu rendah kerana polisi kerajaan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pelaburan modal. Pulangan untuk tenaga pekerja makin menurun. Kerajaan terlalu menekan peningkatan manfaat, pulangan kepada peniaga dan pelabur sehingga membelakangkan kebajikan pekerja.

Keuntungan luar biasa dinikmati oleh sesetengah sektor perniagaan hasil penswastaan. Monopoli kawalan import dan tarif seperti kereta, IPP atau *Independent Power Plant*, lebuhraya, besi dan sebagainya amat menyakiti hati rakyat kerana syarikat-syarikat ini dikuasai kroni-kroni kepimpinan negara. Rakyat sudah membuka mata dan menyedari bahawa kerajaan hanya mementingkan perniagaan kroni-kroni mereka daripada menjaga kebajikan pekerja dan rakyat.

Kontraktor-kontraktor baik kecil, sederhana mahupun besar banyak terpaksa gulung tikar kerana tidak dapat melaksanakan kontrak-kontrak mereka akibat kenaikan harga bahan binaan.

Selain faktor pembinaan, bidang-bidang perniagaan lain seperti perkhidmatan runcit dan sebagainya juga mengalami kemerosotan kerana kekurangan pengguna dan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan sokongan. Kadar kebankrapan Tuan Yang di-Pertua di kalangan peniaga dan rakyat meningkat begitu tinggi. Jika dibiarkan berterusan, maka rakyat tidak lagi mempunyai insentif untuk berniaga dan melabur, akibatnya negara akan terus mengalami kemerosotan pertumbuhan ekonomi. Ini dapat dilihat, daripada

melalui penurunan pelaburan daripada 30% daripada KDNK daripada 1996 kepada 9% sahaja sekarang dan pelaburan asing daripada 8% pada tahun 2002 kepada 4% sekarang.

Akibat kekurangan pelaburan baru, maka peluang pekerjaan makin berkurangan. Peningkatan pengangguran begitu ketara di kalangan lepasan universiti, institusi pengajian tinggi dan sekolah. Masalah ini perlu ditangani dengan cepat dan berkesan sebelum menjadi parah. Ramai sudah terlibat dalam pelbagai kegiatan yang tidak bermoral dan gejala sosial yang lain seperti pelacuran, penyeludupan dadah, kongsi gelap dan sebagainya. Begitu ramai remaja kita ditangkap di luar negara kerana terlibat dalam penyeludupan dadah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang rakyat mahu ialah program pembangunan yang menyeluruh, melibatkan pembasmian kemiskinan, pembukaan peluang pekerjaan, peluang pendidikan di peringkat tinggi dan berkualiti, kemudahan kesihatan yang berupaya rakyat, kemudahan memiliki tempat kediaman, peningkatan kuasa membeli, peluang terlibat dalam perniagaan dan pelaburan serta persaingan bebas dalam ekonomi, persediaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang baik dan tidak membebankan, kebebasan mendapatkan ilmu pengetahuan dan maklumat, kebebasan bersuara mempertahankan hak mereka, sistem kehakiman yang adil dan saksama, dan kebebasan melaksanakan tanggungjawab agama.

■1750

Cukuplah dengan projek-projek yang membazir untuk bermegah-megah dan tidak mempunyai nilai kepentingan dan keutamaan rakyat. Insya-Allah rakyat berpeluang membuat perbandingan pengurusan lima buah negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis Yang Berhormat?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis dah.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua berbalik semula kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dikemukakan melainkan kerajaan menyediakan butiran lengkap dan terperinci kegunaan Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM16.8 bilion yang dibentangkan untuk kelulusan Dewan yang mulia ini, saya menegaskan sekali lagi bahawa perbelanjaan tambahan kedua bagi 2007 ini tidak wajar diluluskan. Saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari Parti Pakatan Rakyat mahu pun daripada Barisan Nasional supaya menolak Belanjawan Tambahan kedua ini. Wallahualam, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

5.51 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk bersama-sama berbahas bagi menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2007 Tambahan Kedua.

Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan tahniah kepada Parlimen kerana telah mengadakan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* atau AIPA kali ke-28 yang dijangkakan telah diadakan pada Ogos 2007 yang lalu. Saya percaya banyak manfaat yang kita dapat daripada AIPA ini dan terutamanya dari segi pertukaran maklumat dan sebagainya. Bagaimana pun bagi saya selain daripada AIPA sepatutnya perbelanjaan tambahan ini ada juga di buat untuk memastikan bahawa Parlimen kita ini menjadi bertambah baik, di selenggara dengan betul dan di naik tarafnya.

Kalau kita lihat pada penggal yang lalu kita ada 219 Ahli Parlimen, kini telah bertambah menjadi 222. Namun sekarang ini dengan adanya pejabat-pejabat menteri dan sebagainya kawasan ruang Parlimen telah menjadi sempit. Kalau dulu Ahli-ahli Parlimen biasa yang bukan anggota pentadbiran pergi tempat-tempat untuk kita berurus dengan kawasan kita seperti bilik-bilik yang khusus untuk mereka, kini bilik-bilik itu dah tidak ada lagi. Jadi sekarang ini telah menimbulkan kesusahan kepada Ahli-ahli Parlimen biasa ini

untuk berurusan dengan kawasan masing-masing kerana kita bersidang Parlimen ini biasanya panjang.

Jadi saya berharaplah kalau ada lagi apa-apa tambahan dan sebagainya pihak kerajaan memikirkan untuk menambah baik atau menambah ruang-ruang yang ada dalam Parlimen ini agar dapat memberi keselesaan kepada Ahli-ahli Parlimen yang bersidang daripada pagi dan kadang-kadang sampai ke malam. Ini juga boleh menjadi keletihan kerana kita ruang pun tidak banyak sebab apabila pejabat menteri berada di sini ramailah yang ada urusan dengan menteri dan sebagainya datang dan mereka juga mengambil ruang dan tempat duduk yang kadang-kadang dikhususkan kepada Ahli Parlimen. Sila Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis bercakap mengenai kemudahan bagi Ahli-ahli Parlimen. Kita sebenarnya telah dibekalkan seorang pemandu. Kadang-kadang kita bawa pembantu-pembantu kita ke Parlimen. Sedarkah Yang Berhormat Lipis bahawa pemandu atau *driver* kita juga tidak ada tempat untuk mereka ini duduk, rehat dan sebagainya, bersepah di bawah pokok dan sebagainya. Apa pandangan dan cadangan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Krau ini. Rasa saya banyak kali kita dah bangkitkan mengenai perkara ini. Jadi kemudahan untuk pemandu juga penting kerana bagi saya pemandu ini "pemegang nyawa kita", sebab biasanya kita dapat peluang berehat dalam proses kita balik atau keluar masuk perjalanan ke kawasan kita. Kadang-kadang itu kita tertidur dalam kereta. Jadi kalaulah pemandu-pemandu kita juga letih sama dengan kita, akhirnya dua-dua akan tidur tepi jalan atau pun tidur di hospital, kedua-duanya atau pun tidur terus tidak bangkit-bangkit dah kedua-duanya. Kena buat pilihan raya lagi sekali, pilihan raya kecil.

Jadi sebab itulah bagi saya, saya mohonlah kali ini supaya pihak Parlimen memberi perhatian pada perkara ini agar selain daripada ruang di Parlimen, ruang untuk para pemandu dan untuk pembantu-pembantu pada Ahli Parlimen mempunyai tempat untuk mereka beristirahat dan juga menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan Parlimen.

Jadi saya hendak beralih pula pada tajuk yang lain. Jadi saya juga melihat ada kerja-kerja pembaikan jalan dan juga jambatan semasa banjir yang dibuat oleh Kementerian Kerja Raya. Di sini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya kerana mereka sangat prihatin terhadap kesusahan yang dialami terutama dari segi jalan-jalan yang perlu diperbaiki dengan segera atau jambatan-jambatan yang perlu diperbaiki dengan segera. Ini adalah untuk kepentingan rakyat dan sebagainya. Jadi di sini saya mohon penjelasan sama ada jalan laluan lapan terutamanya daripada Lipis ke Gua Musang atau sampai ke Kuala Krai yang sampai sekarang masih belum diperbaiki. Walaupun ada peruntukan untuk menaik taraf jalan ini tetapi sehingga kini belum ada apa-apa usaha yang dibuat. Jadi saya berharap kerajaan dapat menyegerakan perkara ini kerana laluan lapan ini juga sangat berbahaya kepada pengguna-penggunanya. Banyak kemalangan yang berlaku dan sebagainya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Minta maaf, saya terlepas Yang Berhormat Lipis tentang Yang Berhormat sebutkan tentang kemudahan di Parlimen tadi. Saya minta pandangan Yang Berhormat sebelum itu minta maaf Yang Berhormat ya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat dua hari lepas, kita baca dalam *Sunday Time* dipaparkan gambar perokok-perokok terdiri daripada Ahli Parlimen sendiri. Saya tahu Yang Berhormat hisap paip, mungkin Yang Berhormat hendak cadangkan tempat lain untuk hisap paip ini. Cuma saya hendak timbulkan oleh kerana ruang yang disediakan terbuka untuk perokok-perokok ini kecil dan saya tidak hendak menyusahkan perokok-perokok saya tahu. Walaupun saya tidak merokok tetapi sahabat-sahabat kita yang merokok ini memanglah susah mereka hendak tinggal. Sebab rokok itu taklah haram, mungkin kalau banyak

mungkin makruh saja. Cuma apakah saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalau kita biarkan keadaan berlaku mungkin pandangan masyarakat luar terhadap Ahli Parlimen seolah-olahnya teruk sangat semua kaki rokok. Sedangkan ramai yang tidak merokok.

Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kalau boleh minta kerajaan sediakan mungkin ruang yang lebih besar sedikit yang boleh membolehkan mereka ini merokok, bukan saya hendak menggalakkan merokok, tidak. Kalau saya, saya cakap terang keluarga saya, saya tidak bagi merokok. Supaya imej kita tidak dibukakan, maklumlah sekarang kita pembangkang dah ramai. Kadang-kadang mereka pun merokok juga cuma dia tidak ambil gambar dia, dia ambil gambar kita. Nampak semua yang Barisan Nasional merokok. Mintak pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat dari Maran. Saya pun tidak boleh nak komen tentang perkara ini kerana saya pulangkan pada pihak Parlimen atau pihak kementerian untuk menjawab perkara ini, tapi setahu saya kalau kita melihat di lapangan terbang ada disediakan ruang untuk mereka yang merokok dan sebagainya. Jadi ini memberi peluang juga kepada mereka yang tidak merokok mendapat tempat yang selesa dan juga bagi yang merokok pun ada tempat selesanya. Jadi kita harap pihak Parlimen dapat memikirkan perkara ini dengan mengambil iktibar kepada apa yang ada di lapangan terbang dan sebagainya.

Jadi saya hendak menyentuh lagi satu perkara iaitu mengenai dengan Kementerian Pertahanan. Saya sebenarnya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan terutamanya dari segi Angkatan Tentera Malaysia yang saya nampak memang sentiasa siap siaga dalam menjaga dan mengawal keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, menjadi tentera ini merupakan satu pilihan, ia satu kerjaya dan juga adalah kerjaya pilihan. Menjadi tentera di Malaysia tidak dikenakan kerahan tenaga.

■1800

Bermakna tidak semua warganegara atau rakyat Malaysia dikenakan, mesti menjalani kerahan tenaga sama ada dua atau tiga tahun atau 10 tahun dan sebagainya. Bagi saya apabila kita menjadi tentera dalam tentera ini, bagi saya *core business* dia ada dua sahaja. *Core business*, untuk tentera, yang pertama sekali ialah berperang. Itu dia. Kalau kita hendak jadi tentera, kita tak nak pergi berperang kita tak usah jadi tentera.

Yang keduanya, kalau masa aman, dalam masa aman semasa tidak berperang, *core business* tentera ini adalah berlatih untuk berperang. Berperang dan berlatih untuk berperang. Kalau bercita-cita hendak jadi tentera, hendak buat kerja-kerja lain, hendak jadi amahkah, hendak jadi apa itu, itu lupakan kerana tentera adalah satu pilihan.

Jadi apabila kita berlatih untuk berperang, mestilah kita membuat senario latihan itu dalam bentuk yang betul-betul berperang. Bukan latihan untuk bersuka ria dan sebagainya. Jadi kadang-kadang dalam peperangan pula, mana ada peperangan dalam dunia inilah, kalau kita tengok yang berperikemanusiaan. Cuba kalau boleh, cuba beritahu saya, dalam keadaan peperangan daripada dulu sampai sekarang, sejarah membuktikan tidak ada peperangan yang mengatakan bahawa ini peperangan yang ada perikemanusiaan. Tak ada.

Jadi sebab itulah, bagi saya latihan untuk peperangan dalam kita melatih tentera-tentera kita, kita mesti meletakkan mereka dalam senario yang betul-betul, iaitu senario dalam peperangan yang betul-betul. Bukan peperangan yang olok-olok, sebab itulah bagi saya aspek latihan yang kadang-kadang termasuk soal penderaan, soal-soal yang tidak tidur, soal-soal yang paksa tidur di atas pokok, kadang-kadang kita mungkin terpaksa menjalankan latihan yang lebih sama ada di darat, di laut atau di udara.

Kadang-kadang kita diletakkan dalam keadaan senario peperangan itu, kadang-kadang kita juga diletakkan dua pasukan yang berlawan. Walaupun pasukan yang sama, kita ditangkap dan ada unsur-unsur penderaan di dalamnya, tetapi dalam bentuk, dalam konteks latihan. Jadi saya berharap kita sebagai Ahli Yang Berhormat, janganlah mempolitikkan perkara-perkara ini. Kalau kita takut kena dera dan sebagainya, kita tak usah jadi tentera. Tak usah buat pilihan kita masuk jadi tentera.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kerana kita tak nak askar kita lembik. Saya tak tahulah kalau Yang Berhormat daripada Pendang hendak askar dia, hendak yang lembik. Sila.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis ada mengatakan kita perang macam betul-betul perang. Jadi saya rasa kalau macam betul-betul perang kita bawa bom betul, peluru hidup, yang hendak berlatih itu habis mati. Kita tak ada tentera lagilah, dah betul-betul perang. Setuju tak Yang Berhormat Lipis?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Bila saya kata kita dalam konteks betul-betul berperang, memang dalam tentera kita membawa bom yang betul, peluru yang betul. Ada masanya dalam latihan tentera kita menggunakan peluru hidup tapi, itulah yang saya katakan, *syllabus*, kurikulum dan sebagainya. Kita mesti buat dengan betul. Ada cara-cara dan peraturannya. Bukan sewenang-wenangnya. Itu yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis pernah jadi tentera kah?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pernah jadi tentera?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Saya dulu pernah dikerah sepenuh masa dan saya tahu senario itu dan saya pun pernah mengalaminya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya bukan apalah Tuan Yang di-Pertua, betullah kita lihat bahawa peperangan banyak berlaku, kekejaman dan sebagainya, tetapi jangan kita memberikan satu justifikasi dan janganlah kita sampai ke tahap, di mana kita hendak supaya askar-askar kita jadi sebagai jenis-jenis manusia yang perut hijau, yang tak ada belas kasihan dan sebagainya. Kita sebagai orang Islam seharusnya kita menyedari bahawa walaupun dalam peperangan masih ada lagi hukum hakam dan syariat yang perlu diikuti.

Saya hanya hendak memberikan sebagai satu peringatanlah supaya jangan kita sampai satu tahap, kita kata dengan izin, *war justifies everything and anything*. Lalu biarlah percakapan kita itu berlapis sedikitlah insya-Allah. Walaupun saya setuju dengan maksud dan tujuan yang saya faham dengan kata-kata Yang Berhormat Lipis, iaitu kita hendaklah orang-orang kita ini tahan lasak dan biar mereka *training* itu, biar tahan lasak tapi jangan kita berikan justifikasi sehingga kita mengatakan bahawa peperangan ini memang kejam dan bila tentera kita pun, kita hendak mereka sekejam tentera yang lain dan sebagainya. Mesti ada nilai-nilai yang lebih asasnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Shah Alam. Dalam ketenteraan biasanya memang, kita ada doktrin kita. Kita memang tak nak tentera kita menjadi kejam sebab itu rasa saya, kita tidak pernah melatih tentera kita menjadi kejam, tetapi apa yang penting bagi saya ialah latihan kita kena beri kepada tentera kita supaya mereka menjadi daya tahan dari segi mental dan fizikal sekiranya orang berlaku kejam terhadap dia. Kalau setakat baru disepit kuku sahaja dah menjerit, habis semua rahsia dikeluarkan, apa maknanya tentera? Belum lagi disepitnya biji kita dan sebagainya... *[Ketawa]* Baru disepit jari dah habis dah. Dah meleleh air mata keluar. Baru dengar sebiji peluru meletup, air kencing dah terkeluar dan sebagainya. Jadi apa maknanya? Kalau ini tentera yang kita hendak, saya tak tahulah wakil rakyat PAS, PKR atau DAP hendak tentera kita menjadi begitu supaya musuh senang masuk dan sebagainya.

Saya tak pernah mengiktiraf Pakatan Rakyat kerana bagi saya Pakatan Rakyat ini satu pertubuhan haram. Yang saya tahu di sini ada PKR, DAP dan PAS. Kerana semasa pilihan raya itu, begitu. Saya tak pernah dengar pun perkataan Pakatan Rakyat semasa pilihan raya dulu.

Jadi hendaklah askar kita, askar yang jalan pun terkedek-kedek? Saya hendak buat senario macam ini. Kalau dalam latihan merentas halangan, kita memerlukan ketangkasan dan sebagainya, ada seorang tentera jalan terkedek-kedek, pegawai dia pun tolak ke belakang suruh cepat. Dia kata, "Tuan janganlah main belakang"... [Ketawa] Hendak macam itu? Ini tentera yang kita hendak? Saya pun tak tahu. Bila kita berkait tentera, aspek kemanusiaan kita juga akan bercakap tentang senjata.

Jadi dalam keadaan sekarang, bila kita bercakap tentang ketenteraan, kita bercakap tentang *combat multiplayer*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dalam erti kata kita bercakap berkenaan dengan kekuatan anggota tentera kita yang kecil, kerana kita sekarang ini dah tak ramai orang yang hendak masuk tentera. Saya pun tak tahu apa sebabnya. Mungkin kerana mereka takut atau tak ada kesetiaan kepada negara, kerana kita hidup mewah dan sebagainya. Jadi kita bercakap sekarang tentang tentera yang kecil, tapi dengan peralatan yang canggih. Di sini barulah kita mampu berlawan dengan musuh.

Jadi apa yang penting bagi kita, kalau kita tengok mengamalkan konsep dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *manoeuvre warfare*. Jadi kita tekankan pada dua tiga perkara. Kita mesti ada satu elemen dengan izin, *combat power* yang kuat. Kedua kita juga mempunyai *fire power*. Daripada *combat power* kita mesti ada *fire power* yang kuat iaitu peralatan, kita ada *manoeuvre* yang betul dari segi taktik dan sebagainya. Ketiga kita mesti ada moral. Tadi saya berkait balik dengan latihan dan sebagainya supaya jati diri, kekuatan, dari segi insannya kalau kita orang Islam. Menurut daripada Yang Berhormat Shah Alam tadi dan segala-galanya kita perlu ada pada seorang tentera kita.

Jadi sebab itulah, bagi saya kita jangan fikirkan berapa bilion yang kita belanjakan untuk membeli peralatan tentera yang canggih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sebab sekarang ini rasa saya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kita duduk, sekejap lagi. Sekejap saya bagi. Tuan Yang di-Pertua, kita dapat duduk dengan aman, boleh berbahas dalam Dewan ini pun, kerana kita yakin negara kita tidak diserang oleh mana-mana negara.

■1810

Walaupun mungkin ada negara yang mungkin nak menyerang negara kita, tetapi mereka tidak menyerang kerana mereka faham, tahu dan jelas bahawa kita mempunyai anggota tentera yang siap siaga dan kita juga mempunyai peralatan tentera yang memang memadai. Bukan saya kata sangat canggih tapi memadai untuk tentera kita gunakan dan boleh mengalahkan musuh kita. Sebab itulah kita boleh duduk dalam ini.

Sila, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis dan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bunyi teorinya cantiklah tapi sebenarnya apa yang Yang Berhormat Lipis sebut seolah-olah menafikan beberapa fakta-fakta sejarah yang moden. Kita lihat bagaimana tentera mujahidin di Afghanistan, mereka tak saling sepit-menyespit di antara mereka tapi oleh sebab mereka mempunyai satu pegangan dan keyakinan yang begitu kukuh walaupun mereka tidak saling zalim-menzalimi di antara satu sama lain semasa mereka berlatih.

Walaupun mereka tidak mempunyai senjata-senjata yang bernilai RM10,000 tapi beli dengan harga RM100,000. Walaupun mereka tidak mempunyai segala yang Yang

Berhormat Lipis sebut tadi tapi yang terpenting ialah mereka mempunyai satu keyakinan dan kepercayaan bahawa mereka berada di atas jalan yang benar. Mereka merupakan pihak yang berjuang untuk keadilan dan kebenaran. Bagi umat Islam, ia adalah untuk membebaskan negara mereka untuk Islam, maka mereka telah dapat mengalahkan kuasa dunia, Rusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Begitu juga contoh-contoh yang lain yang sekarang ini yang dihadapi yang kita dapat lihat. Seperti di Iraq, bagaimana umat Islam atas semangat perjuangan masih berjuang walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan Amerika Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hujah-hujah Yang Berhormat tidak mengharuskan pembelian senjata-senjata yang canggih dengan harga yang jauh lebih mahal daripada apa yang sepatutnya. Maka walaupun hujah-hujah itu adalah pada dasarnya boleh diterima, walaupun dengan beberapa *exception*, dengan izin, tetapi apa yang telah dikemukakan oleh Ketua Pembangkang tadi saya *assume*, itulah apa yang saya nak ke situ. Kita tak perlu nak beli satu *submarine* yang sepatutnya harganya mungkin 70% lebih murah daripada apa yang kita beli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lalu penyelewengan ini boleh menjejaskan moral tentera itu sendiri yang mana yang Yang Berhormat cakap tentang soal moral tentera. Kalau tentera melihat bagaimana institusi pertahanan negara digunakan sebagai satu lubang emas untuk membuat keuntungan untuk orang-orang yang tertentu, ini akan menjejaskan moral mereka. Lalu perkara itu saya rasa perlu diambil kira juga. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Shah Alam. Saya percaya bahawa kita perlu juga mempunyai peralatan yang canggih dan saya percaya Yang Berhormat Shah Alam juga membuat sangkaan jahat kepada sesiapa saja yang membuat pembelian. Sila duduk. Ini *floor* saya. Bagi peluang saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, duduk dulu.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sangkaan jahat. Kadang-kadang kita mengatakan ini. Mungkin kita boleh membeli kapal terbang yang sama tapi spesifikasinya berbeza. Jadi perbezaan *spec* inilah yang menyebabkan harga sesuatu barang berbeza. Kalau Yang Berhormat membeli kereta pun begitu, kalau dah dibuat tokok tambah spesifikasinya mungkin... saya sendiri pernah melihat di mana F-5E kita dengan F-5E di Australia berbeza dari segi spesifikasinya. Bahkan F-5E kita dengan F-5E di Singapura berbeza dari segi *spec*nya.

Jadi harganya mungkin berbeza berdasarkan pada *spec* yang ada, penyelenggaraan selepas pembelian dan sebagainya yang perlu kita ambil kira. Jadi jangan kita apabila lihat kulit, kita terus membuat andaian dan tuduhan yang jahat dan sebagainya. Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang pemodenan sistem pertahan kita dan pembelian alat canggih. Saya rasa ini adalah satu keperluan dalam usaha kita untuk mempertahankan sistem keselamatan. Kalau nak dibangkitkan cerita Palestin, Afghanistan, sebab itulah akhirnya dengan semangat saja walaupun di peringkat awal menang, sekarang kalah balik sebab

Amerika datang balik dengan senjata yang lebih moden. Sebab itulah di Palestin, sampai sekarang mereka tak boleh membebaskan diri mereka sebab berhadapan dengan senjata moden Israel yang Palestin tak ada sebenarnya. Jadi saya ambil contoh macam tadi Ketua Pembangkang sebut sebab saya pergi ke Cherbourg, tempat latihan tentera Malaysia yang nak menggunakan kapal selam Scorpene ini, saya pergi dengan Yang Berhormat Lipis.

Sebenarnya latihan yang mereka terima adalah cukup tinggi, gagal sedikit Tuan Yang di-Pertua, dihantar balik dan sudah dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri tapi pembangkang bangkitkan balik cerita yang sama. Kita sendiri mendengar taklimat tentang peralatan kapal selam Scorpene ini yang lebih canggih, yang banyak *value added* dari segi *specnya* yang menyebabkan harganya lebih mahal. Sebab itu saya kata bahawa itu pun sudah dijawab dan ditanya balik oleh pembangkang. Akhirnya nak dikaitkan dengan tentang salah guna dan sebagainya.

Ini yang saya kata kadang-kadang kita ini tak mahu menerima jawapan dan kenyataan yang sudah ada tapi diulang balik perkara yang sama. Ditanya dan dijawab sendiri balik. Ini apa sebenarnya?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Saya ada masa sedikit lagi ni Yang Berhormat, sila duduk. Saya memang setuju bahawa di Afghanistan sendiri menang dengan Rusia, kalah dengan US. Di Palestin dan sebagainya, saya pun tak tahulah mungkin Yang Berhormat Shah Alam ni pernah menjalani latihan di militan Afghanistankah, sebab itu dia tahu semuanya dibuat dengan tidak zalim dan sebagainya. Saya tak pasti. Saya tak menyangka jahat tapi mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tak apalah saya nak habiskan ini. Kalau tidak, orang lain tak lebih daripada setengah jam. Jadi sebab itulah bagi saya, walaupun kita nak berpolitik, kita nak memenangi satu sama lain, janganlah politikkan tentang tentera dan ketenteraan ini. Ini penting untuk negara kita. Ini penting untuk pembinaan bangsa kita dan menjadikan kita satu bangsa yang kuat dan sebagainya. Sekian, saya mohon menyokong.

6.17 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008. Pertama Tuan Yang di-Pertua, waktu pembentangan peruntukan semula peruntukan perbelanjaan 2008 sebentar tadi sebelum rang undang-undang ini, saya juga ada bercadang untuk memberi pandangan iaitu ada kebaikan apabila kita cantumkan kementerian-kementerian menjadikan lebih kecil kedudukan Kabinet Malaysia. Walaupun ada setengah pihak mengatakan dengan berbuat demikian, kita akan hilang fokus.

Saya tidak percaya soal hilang fokus kerana ia lebih tertumpu pada kewibawaan anggota-anggota Kabinet. Kalau ramai pun tak ada guna, kalau sedikit tapi kalaulah Kabinet ini terdiri daripada kalangan orang-orang yang bersih dan dilihat bersih, berwibawa. Berilmu, saya percaya ianya banyak kebaikan di mana kita boleh menyelamatkan banyak peruntukan dan kewangan negara yang terpaksa ditambah daripada masa ke semasa. Saya lihat seperti Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, sekarang di tambah Jabatan Integrasi Nasional dan Perpaduan yang dulu daripada Jabatan Perdana Menteri dimasukkan di bawah kementerian ini.

Sememangnya saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan seumpamanya boleh digabungkan dengan kementerian ini sebab kegiatan Kementerian Pelancongan juga membabitkan soal seni, budaya dan seumpamanya. Jadi

nampak sangat kebanyakan aktiviti-aktiviti bertindih di antara kementerian-kementerian ini. Kita boleh kecilkan kementerian-kementerian ini.

■1820

Jadikan Kabinet 15 orang pun cukup. Namun kalau kita dapati banyak jabatan di bawah kementerian berkenaan macam Kementerian Dalam Negeri, boleh ditambah timbalan menteri seberapa banyak yang boleh. Satu kementerian boleh ada empat timbalan menteri, boleh ada lima timbalan menteri. Melatih golongan pelapis ini sebagai bakal yang akan menjadi menteri suatu hari nanti, memberi cukup ilmu. Dengan tidak semena-mena tiba-tiba menjadi menteri tanpa persediaan dan tanpa pengalaman. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua saya hendak bangkit di sini dalam membahaskan Akta Perbekalan ini. Saya sebut tadi pentingnya 'bersih' ini sebab saya selalu mengingatkan diri saya yang penting kita jangan jadi hipokrit, kita jangan jadi munafik. Jikalau kita berpolitik saya percaya tanggungjawab dan amanah kita ialah untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Disebabkan itulah apabila saya dengar perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini sejak dua minggu yang lalu. Saya tinggalkan Parlimen lebih kurang dua penggal dan saya lihat keadaan bangunan Parlimen ada peruntukan tambahan di sini, sudah pun bertambah baik, kemudahan-kemudahan pun sudah makin elok walaupun banyak lagi perlu diperbaiki. Namun ianya semua tidak bermakna kalau perbahasan kita tidak memperlihatkan kekuatan minda kita, intelektualisme kita dengan menghabiskan masa-masa yang tidak berfaedah. Sehingga perkara-perkara yang hendak kita sampaikan di Dewan Rakyat tidak tersampai bagi pihak rakyat. Masa banyak terbuang.

Jadi sebab itu ianya saya rasa akan lebih seronok kita lihat ataupun lebih baik apabila bangunan cantik tetapi ianya diisi dengan perbahasan yang berwibawa dengan penuh fakta dan hujah. Apabila saya hendak bercakap nanti saya hendak kemukakan perkara-perkara secara objektif.

Saya berharap mendapat jawapan secara objektif. Jikalau jawapan itu saya boleh terima, insya-Allah balik di kawasan saya, saya dijemput berceramah forum saya akan mempertahankan perkara-perkara yang saya kira baik, yang patut kita pertahankan bersama. Sekiranya saya tidak dapat sampaikan di sini, saya dengar jawapan tidak puas hati. Saya bawa dalam ceramah di luar dengan rakyat nanti di kampung-kampung, di mana-mana sahaja tempat saya pergi.

Oleh sebab itu, saya hendak menggunakan kesempatan sepenuhnya di sini untuk mendapat maklum balas dan menyampaikan pandangan walaupun kritikal, tetapi saya harap diterima dengan baik secara positif oleh pihak kerajaan. Saya tidak berpolitik di sini, saya tidak ada agenda hendak menjadi Perdana Menteri. Saya datang untuk kawasan Pasir Mas sahaja, parti pun tidak ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, baru ini kita kehilangan Pulau Batu Puteh. Semua orang tersentak dan kita turut sedih. Saya hendak menarik perhatian di sini, Tuan Yang di-Pertua, hari ini pun saya baca surat khabar ada kenyataan dari Ahli Parlimen Pontian mengenai kebimbangan dengan Pulau Pisang yang dekat Pontian.

Pada masa yang sama kita tahu bukan soal Pulau Batu Puteh sahaja. Singapura dulu adalah Temasik kepunyaan negara Malaysia, kita hilang apabila kita membenarkan mereka berpisah dengan Malaysia. Hari ini Singapura satu-satunya negara di Asia ini yang juga yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Di kawasan *Asian* kita tahu negara Singapura adalah sebuah negara yang ada hubungan diplomatik dengan Israel. Mereka mempunyai penasihat ketenteraan Israel. Mereka mempunyai senjata-senjata pertahanan yang lebih moden ataupun canggih yang dipunyai oleh Israel.

Hari ini saya tidak hairan, oleh kerana Amerika di belakangnya. Awal-awal lagi perjanjian perdagangan bebas kita tahu. Tidak payah dirunding dengan pihak Singapura terus menandatangani perdagangan bebas dengan Singapura sebab kita tahu Singapura alat Israel. Tidak sedikit agen-agen Yahudi berada di Israel.

Jadi bila perbicaraan pergi ke ICJ, bila saya tengok senarai hakim-hakim belum bicara pun secara kebetulan bukan saya hendak saja timbul di sini, saya awal-awal pun saya dah kata ini 'cari penyakit'. Ini membahayakan kita. Sebab kita sudah tahu Pulau Batu Puteh milik kita, bila kita setuju untuk bawa kes ini ke ICJ seolah-olah kita menyerah bahawasanya psikologinya ini bukan milik kita. Sepatutnya kita pertahan daripada awal.

Soalnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Pulau Batu Puteh sudah pergi. Namun Pulau Batu Puteh itu di laut, bagaimana pula negara kita ini, wilayah kita yang berada di dalam negeri Johor ini sebahagian daripada Malaysia. Saya lebih bimbang pembangunan projek Wilayah Johor lebih lagi menakutkan saya daripada Pulau Batu Puteh. Walaupun apa alasan yang diberi atas nama pembangunan, usaha hendak menarik pelaburan asing FDI, nak menarik pelabur-pelabur supaya tidak lagi kita menggembar-gemburkan Dasar Ekonomi Baru. Kita tahu dulu sejak tahun 1970 sehingga 1990 pelabur-pelabur asing datang, FDI pun datang dan waktu itu Dasar Ekonomi Baru sudah *emplace* tetapi tidak timbul masalah.

Soalnya sekarang Pembangunan Wilayah Johor yang mana kawasan ini termasuk dalam kawasan penduduk orang-orang Melayu, termasuk juga tanah rizab-rizab Melayu, sama ada diganti ataupun tidak nanti. Di mana semua pihak boleh beli. Satu hari lagi akan jadi kawasan milik orang asing dan juga akan sampai tempoh nanti akan di bawa ke ICJ dan ini satu negeri lagi akan kehilangan di Malaysia. Ini berlaku seperti sejarah benar di Palestin, negara Israel dulu.

Tuan Yang di-Pertua, maka..

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Tuaran bangun Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Maaf sekejap, sikit lagi saya nak habis dah ni. Boleh selepas ini. Sebab itu saya hendak menarik perhatian selain daripada itu saya hendak tanya pihak kerajaan, Kementerian Dalam Negeri terutamanya kedudukan dengan Gunung Pulai. Gunung Pulai ini adalah satu tempat kawasan tadahan air yang sekarang ini diberikan kebenaran kepada pihak Singapura membina loji airnya, kawasan ini tidak boleh dihampiri oleh pasukan keselamatan kita. Polis kita, askar kita tidak boleh masuk dekat dengan Gunung Pulai ini. Saya pernah melawat sekali di kawasan ini. Tidak boleh sebab ada *road block*, ada pihak keselamatan tidak mengizinkan kita masuk sebab ini di bawah kawalan kerajaan Singapura. Dalam bumi kita.

Saya ingin bertanya, apa kedudukan dengan Gunung Pulai ini? Sebab ia sudah membina loji dan loji ini kalau pecah, Tuan Yang di-Pertua ia boleh menenggelamkan setengah daripada negeri Johor nanti. Jikalau keselamatan itu tidak dijaga dengan baik dan kalau ada sabotaj dari segi keselamatan terhadap negara kita.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, sila.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu bersimpati dan juga selaku salah seorang daripada rakyat Malaysia juga berasal dari Sabah, begitu tertarik dengan keputusan ICJ mengenai Pulau Batu Puteh. Begitu juga dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Ini kawan lama ni, tetapi tidak kenal sehingga sekarang ni.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian selama ini tertumpu kepada Pulau Batu Puteh, *Middle Rocks*, Johor dan sebagainya. Namun saya ingin menarik perhatian Dewan pada petang ini bahawa kalau kita tidak berhati-hati, kita akan kehilangan satu wilayah yang lebih

besar di Malaysia. Maksud saya ialah satu negeri Sabah, kerana apa? Sekarang ini setiap kali kita bangkitkan di Dewan yang mulia ini kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin khasnya dari negara Filipina. Jumlahnya kita tidak tahu kerana tidak ada statistik yang sebenarnya yang diberi oleh kerajaan.

Namun kami dapati Ahli-ahli Parlimen dari Sabah begitu khuatir, kita telah menyampaikan, meluahkan masalah di dalam Dewan ini tetapi sehingga hari ini tidak ada jawapan yang konkrit yang diberi. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, kita harus jangan lupa bahawa di Sabah ini tuntutan negara Filipina masih ada dan juga negara kita Malaysia masih membayar sejumlah wang tiap-tiap tahun.

Baru-baru tadi kita telah mendapat maklumat bahawa Misuari, bekas pemimpin MILF akan membawa kes Sabah ini ke ICJ tidak lama lagi. Jadi saya dengar perbincangan mengenai Pulau Batu Puteh, satu daripada perkara yang menyebabkan kita kalah ialah tidak ada bersedia, tidak menyimpan segala dokumen. Namun kita kira kita telah ada dokumen, kita melihat dan membaca buku di mana tuntutan negara Malaysia khususnya Sultan Sulu ke Sabah ini masih konkrit. Kita bertanya mengapakah pembayaran ini masih diadakan diberi kepada pihak Filipina?

■1830

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi. Kalau tumpuan kita kepada satu pulau yang hanya terdiri daripada batu, *unliveable* dengan wilayah-wilayah di Johor. Kita jangan lupa, kalau kita tidak silap, kita tidak mengambil penyelesaian pendatang haram di Sabah ini, satu hari nanti kita akan terus kehilangan negeri Sabah ini daripada jajahan Malaysia sebab selalunya Tuan Yang di-Pertua, ucapan-ucapan yang kita dengar ialah seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, selalunya, Sabah ini nombor dua, nombor tiga.

Jadi, saya ingin menarik perhatian kalaulah kita kalah dengan Batu Puteh...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: ...kerana ini sudah ada Yang Berhormat, oleh kerana sudah ada laporan bahawa...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ada masa tambahan Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: ... kita harus berhati-hati, kita harus buat persediaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Kerana kami di Sabah Tuan Yang di-Pertua, tidak mahu Sabah ini terpisah daripada negara Malaysia.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak boleh soalan itu, kena tuju kepada pihak kerajaanlah. Yang Berhormat pun anggota Barisan Nasional.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi sebab kebimbangan saya di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor, semua orang boleh beli tanah. Semua pihak tidak ada halangan. Inilah yang menakutkan saya dan saya bangkitkan tadi juga ada kaitan dengan cerita ataupun isu Gunung Pulai ini.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit juga di sini, saya hendak tanya pihak kerajaan, dahulu waktu kerajaan menaikkan harga minyak 30 sen, yang memberi alasan mengatakan ini kerana harga minyak naik di dunia. Saya ingat pada waktu itu, ada kenyataan daripada pihak kerajaan sendiri terutamanya daripada Perdana Menteri sendiri mengatakan kerajaan memerlukan wang sebanyak 4 bilion untuk menambah baik infrastruktur pengangkutan negara kita, di mana isu pengangkutan menjadi masalah di bandar-bandar raya. Kemudiannya wang itu dimasukkan di bawah Syarikat Prasarana Negara Berhad, kalau tidak silap saya. Manakala syarikat tersebut saya difahamkan

membeli bas. Wujud satu syarikat yang dinamakan RapidKL, dengan membeli bas dari negeri China sebanyak 1,500 buah saya difahamkan, saya tidak tahu siapa jadi agen.

Cuma saya dengarlah cerita-cerita, ada pihak jadi agen. Tentulah kalau beli, membuat pembelian seumpama ini, baik kereta, baik kenderaan, baik kapal selam, baik jet, semua ada komisen. Ada pihak yang mendapat komisen, RM50,000.00 sebuah. Cuba kali 1,500 dengan 50,000. Bukankah 75 juta?

Persoalannya, sekarang ini wujud RapidKL yang kononnya memberi harga tambang siling iaitu RM2.00 di mana membenarkan laluan masuk juga laluan yang juga dilalui oleh Metro Bas. Yang dahulu harga tiket penumpangnya RM3.00, tetapi saya difahamkan RapidKL sekarang ini, mengalami kerugian RM8 juta sebulan, betul atau tidak? Kalau benar kerugian ini, apakah ia ditanggung oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad ini? Adakah ia *disubsidies* sampai sekarang ini dan oleh sebab laluan RapidKL juga melalui laluan yang asalnya Metro Bas, pihak Metro Bas juga rugi RM2 juta ke RM3 juta sebulan.

Jadi, terus-menerus kita kehilangan wang rakyat. Dengan cara pentadbiran yang tidak telus, tiris di sana, tiris di sini, menaikkan harga minyak kononnya kerana kenaikan harga minyak di peringkat dunia, tetapi wang yang kita peroleh kita tidak guna dengan cara berhemah.

Betul ekonomi negara kita tumbuh sehingga 5% ke 6%. Selalu Menteri Kewangan jawab, kenyataan dalam surat khabar saya tengok, kita rasa bangga dalam keadaan suasana macam ekonomi dunia teruk, pertumbuhan ekonomi negara kita baik mencecah 6%. Betul! Ialah kerana sebab, harga minyak naik, harga barang-barang komoditi seperti kelapa sawit, harga getah naik, maka kita mendapat pendapatan yang lebih. Ini yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara kita naik oleh sebab *by nature*. Oleh sebab getah ini, komoditi kita semua naik, naikhlah.

Soalnya, apakah wang yang kita dapat ini diguna dengan cara berhemah? Diguna dengan cara yang baik untuk faedah rakyat? Pada zaman Allahyarham Tun Razak dahulu, saya masih ingat lagi, walaupun waktu itu saya menjadi pemimpin pelajar, belum masuk Dewan Rakyat ini. Wang-wang seumpama ini yang dapat daripada hasil seumpama ini dilaburkan ataupun digunakan untuk pembangunan rakyat seperti di luar-luar bandar, sehinggakan rancangan pembangunan FELDA yang ada sekarang ini, kita tahu ialah hasil daripada duit yang kita dapat daripada hasil minyak. Hasil-hasil komoditi getah yang naik yang tidak disalahgunakan untuk projek-projek yang kita terlalu banyak membazir. Kalau saya hendak senaraikan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ada empat, lima puluh perkara saya tahu, memang membazir betul-betul, tetapi tidak guna pun sebut. Kalau lagi sebut pun, buat sakit hati sahaja. Cuma tinggal lagi macam FELDA sendiri.

Saya pun hendak tanya juga FELDA. FELDA ini Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dia beli bangunan. Dia beli bangunan *office block* dekat KLCC sebanyak harganya RM600 juta daripada kumpulan NAZA, walaupun kumpulan NAZA, pengkerusinya sudah meninggal dunia, tetapi beli daripada kumpulan NAZA, RM600 juta. Bangunan FELDA untuk FELDA, dekat KLCC dan bangunan belum lagi buat, tetapi sudah beli dengan harga RM600 juta. Apakah perlu, apakah bijak keputusan untuk membeli bangunan FELDA dekat KLCC? Untuk apa?

Kita tahu, FELDA ini ialah satu agensi pertanian ataupun pembangunan yang kena-mengena dengan pertanian oleh sebab dia menanam kelapa sawit, terutamanya. Kenapa tidak dibeli di kawasan-kawasan dan meletakkan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar? Harga tanah pun murah, boleh dapat tanah dengan kerajaan negeri. Dibina dengan harga yang murah, lebih besar lagi bangunan. Kenapa hendak beli dekat KLCC?

Samalah juga dahulu Tabung Haji, ada orang rompak. Dahulu beli bangunan Maju Holdings. Beli bangunan Tabung Haji, selepas itu dijual. Waktu itu, bangunan belum dibuat lagi. Pun ada isu, itu cerita lamalah. Jadi cerita ini berulang balik. Berulang lagi! Apa sebab? Apa rasionalnya yang FELDA itu hendak bangunan dekat KLCC? Tidak bolehkah kita bina bangunan-bangunan ini di tempat-tempat lain di negeri-negeri di pinggir-pinggir bandar

yang saya sebutkan tadi bagi menjimatkan wang rakyat? Kita terus melakukan perkara-perkara yang sama.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya juga. Sekarang ini berapa banyak kerajaan mempunyai jet eksekutif yang digunakan oleh selain daripada Yang di-Pertuan Agong, oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri? Saya tahu jet-jet eksekutif ini hanya boleh digunakan untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan saya hendak tahu, pernah kah ada waktu-waktu selain daripada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menggunakannya, ada tidak pihak lain yang menggunakan jet eksekutif ini? Berapa belanja pengurusan jet eksekutif ini yang dimiliki oleh kerajaan ini sama ada yang disewa daripada MAS ataupun yang dimiliki secara langsung oleh Kerajaan Malaysia, berapa kos perbelanjaannya sekarang ini? Kita hendak tahu.

Sebab ini penting, kerana saya tahu kosnya tidak sedikit. Kerana saya hendak bandingkan dengan apa yang saya bangkitkan sewaktu perbahasan Titah Diraja. Saya bangkit masalah orang-orang kurang upaya, orang-orang tua, anak-anak yatim. Dengan bangganya, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab di Pasir Mas, kita sudah peruntukkan RM3 juta untuk tujuan ini. RM100.00 untuk orang tua, ada untuk orang-orang kurang upaya dan seumpamanya.

Mungkin Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak tahu. Bila dia sebut Pasir Mas, dia daerah Pasir Mas, tetapi dia ada dua Parlimen. Iaitu Parlimen Rantau Panjang dan Parlimen Pasir Mas. Kalau RM3 juta setahun untuk dua Parlimen, apakah ertinya, berapa banyak sangat? Ribuan lagi ibu tunggal, orang-orang tua yang tidak mendapat peruntukan daripada pihak kerajaan, bantuan untuk mereka, dibandingkan dengan perbelanjaan yang saya sebutkan tadi, *refurbish* jet eksekutif, berapa banyak? Dengan jakuzinya, dengan tempat tidurnya, berapa juta? Untuk tujuan apa? Okeylah untuk keselesaan Perdana Menteri, baik, tetapi kalau ada lebih, jangan juga lupa kepada orang-orang yang memerlukan pertolongan ini. Jangan kita tepuk dada, sudah bagi RM3 juta.

■1840

Tahu atau tidak Tuan Yang di-Pertua, RM3 juta ini Tuan Yang di-Pertua, pun di *rolling*. Dua tahun ada pihak orang tua dapat, ibu tunggal dapat kemudian ada lagi permohonan lain dia tarik daripada yang asal menerima bantuan diberi kepada orang baru. Jadi orang asal yang menerima bantuan rasa kecewa kerana diberi kepada orang baru. Wang ini dok pusing dengan RM3 juta.

Saya hendak minta Kementerian Kewangan tolong lihat perkara ini dan tambah. Tambah tidak rugi. Tidak rugi kita menolong orang-orang seumpama ini. Saya selagi mana melihat Tuan Yang di-Pertua, orang tua di kampung, ibu tunggal yang anak tujuh lapan orang, menumpang, sewa rumah. Saya Tuan Yang di-Pertua, hendak kata menitis air mata itu menitis air matalah. Tak ada makna kita bercakap hal pembangunan, tak ada guna kita ada Dewan yang begini hebat, tak ada guna kita maju kalau ada rakyat kita di kampung-kampung yang menderita seumpama ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ... tak ada guna Tuan Yang di-Pertua. Baik. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua masa begitu ringkas, saya hendak bangkitkan juga di sini Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat. Saya bangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya bimbang cadangan untuk perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika ini yang sudah masuk pusingan ketujuh, yang akhir sekali akan ditandatangani.

Saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan apa perlunya kita mahu mewujudkan perjanjian perdagangan dengan Amerika Syarikat. Saya hendak merujuk kepada satu kenyataan seorang profesor yang pernah memenangi anugerah Nobel Ekonomi. Tak silap saya Profesor Zigler kalau tak silap saya, yang pernah membuat kenyataan ada keluar dalam wawancara akhbar Utusan Malaysia yang menyatakan tak ada negara yang dapat untung bila mewujudkan perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat. Mesti menguntungkan pihaknya. Jadi apa perlunya?

Dahulu kita bangga bila negara kita diserang oleh penyangak mata wang satu ketika dahulu di zaman Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri kita menggunakan kaedah sendiri. Kita tidak tunduk kepada IMF yang mahu kita menggunakan rejim ekonominya sehingga negara kita selamat dan kita boleh bangkit dengan gagah. Dan waktu itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingat walaupun kita diserang mata wang kita jatuh tapi pembangunan ekonomi rancak. Syarikat-syarikat bumiputera dapat projek cara tender, cara *direct nego*. Yang kecil dapat, yang besar dapat. Harga minyak tak naik, tak ada masalah, tapi sekarang ini kenapa? Kenapa yang dikatakan waktu ekonomi kita bagus tetapi barang naik, orang-orang meniaga susah, kenapa? Sebab itu saya cadangkan tidak perlu sebab kalau kita menandatangani juga perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua, apa jadi?

Sebagai contoh, harga ubat-ubatan sahaja untuk penghidap penyakit HIV/AIDS ini naik sampai US\$32,000, US\$10,000, contohnya. Sebab itu saya cukup bimbang dan saya percaya dengan cara Amerika ini dengan kekuatannya, dan dasar luar Malaysia pula sekarang ini yang saya tengok - hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, yang nampak jelas sudah mula kita menjadi perkakas kepada negara-negara *super power* ini.

Dahulu saya tengok Tuan Yang di-Pertua, zaman dahulu waktu Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dasar luar kita cukup hebat. Walaupun kita negara kecil kita menjadi jurubicara kepada Negara Dunia Ketiga, *Non Alignment Country*, negara-negara Islam. Hari ini kita sudah mula jadi tali barut kepada kuasa-kuasa besar ini. Kita bukan sahaja jadi tali barut malah jadi pengikut. Suara kita sudah tak kedengaran lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itu saya agak kelirulah Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya berharap perkara-perkara yang saya bangkitkan ini walaupun ada lagi perkara-perkara lain.

Last sekali, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pihak kerajaan. Saya lupa hendak tanya tadi. Sebelum ini saya baca satu *news* kerajaan ataupun melalui syarikat bahawa sebuah bank *sponsor* Oxford University dengan Cambridge University sebanyak RM300 juta. Betul atau tidak ini? Saya hendak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Last* sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang gaji yang dibayar kepada Pengarah Urusan Khazanah Nasional, sama ada dia menerima gaji wang *lump sum*? Apa dia punya faedah dan *benefit* ataupun dia juga terima elaun gaji anak-anak syarikat di mana dia menjadi pengerusi? Saya hendak tanya sebab GLC ini penting dan cara mereka belanja jarang di bahas di Dewan Rakyat kerana masa pun tak cukup yang kita tahu bukan sedikit.

Sebab banyak perkara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa di sini masalah Proton, masalah Augusta yang banyak perkara yang saya tahu tidak disapu di bawah karpet. Secara ringkas saya hendak minta jawapan-jawapan ini diberi dengan penuh keyakinan kerana saya tidak berpolitik, saya hanya bercakap secara objektif. Saya hendak tahu perkara yang sebenar. Kalau saya tak yakin, saya akan berceramah lagi di luar. Kalau saya yakin, saya berhenti setakat ini sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

6.46 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya mengenai biasiswa yang ditawarkan oleh JPA, kerana beberapa tahun kebelakangan ini sering kita menerima aduan dan juga kita lihat rintihan pelajar-pelajar

yang cemerlang yang dapat 12A, 10A tetapi tidak dapat tawaran biasiswa JPA dan saya ada angka-angka yang diberi kementerian yang berkenaan.

JPA mendakwa ada dua jenis biasiswa iaitu untuk belajar di luar negara dan belajar di dalam negara. Untuk biasiswa belajar di luar negara bagi tahun 2004 sehingga 2007, nisbah taburan di antara bumiputera dan bukan bumiputera adalah yang sangat konsisten. Untuk bukan bumiputera ialah lebih kurang 20% dan 80% untuk bumiputera. Di sini saya dapati jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Tuan Sim Tong Him iaitu Yang Berhormat Kota Melaka pada 7 Mei tahun ini dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Penampang pada 2007 ada perbezaan. Saya rasa ada silapnya.

Bagi tahun 2007 jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Penampang pada 26 Jun 2007, iaitu bilangan tawaran kepada bumiputera ialah 1,440 orang dan kepada bukan bumiputera ialah 360 orang. Yang jumlah keseluruhannya ialah 1,800 iaitu bumiputera 80% dan bukan bumiputera 20%. Akan tetapi jawapan yang diberi kepada Tuan Sim Tong Him pada 7 Mei 2008 ialah bilangan tawaran yang diberi kepada bumiputera ialah 1,170 dan bukan bumiputera 630. Jumlahnya adalah sama 1,800. Saya rasa ada silap di sini.

Saya rasa yang silap ialah jawapan yang terbaru ini kerana untuk tahun 2004, tawaran kepada bukan bumiputera ialah 20%. Tahun 2005 juga 20% dan 2006 juga 23.8% tapi untuk tahun 2007 kalau dia ialah 630 peratusannya ialah 35%. Saya rasa ini lari daripada peratusan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Saya ingin tahu yang mana satu betul? Saya rasa jawapan yang terbaru ini adalah tidak betul.

■1850

Saya ingin tahu mengapa seolah-olah ada satu kuota iaitu kuota 20% kepada bukan bumiputera. Sekiranya kita mengikut bilangan pelajar pun, saya rasa haruslah bukan bumiputera mendapat lebih tinggi peratusannya kerana saya rasa lebih kurang ada 400 bumiputera dan 40% bukan bumiputera kalau mengikut bilangan pelajar tetapi saya rasa sekarang kita tidak mengikut kuota lagi, kuota bumiputera dan bukan bumiputera mengikut meritokrasi.

Jadi saya ingin mendapat satu penjelasan mengapa mereka yang mendapat 12A, di Bukit Mertajam ada seorang pelajar Juana Goh dari Sekolah Menengah Jit Sin. Beliau mendapat 12A1 dan beliau adalah *head prefect* dan juga mempunyai ko-kurikulum yang sangat cemerlang. Dia adalah pemenang *debate*. Dia wakil *debate* sekolah dan pemenang juga. Mengapa beliau tidak mendapat *scholarship* dari JPA. Kita dapati bahawa ada pelajar-pelajar yang kurang cemerlang daripada mereka tapi mereka mendapat biasiswa. Saya tidak bantah kalau kita nak memberi *special* kepada bumiputera. Kalau mereka yang kurang sedikit pun mereka dapat saya pun tidak bantah tetapi mereka yang betul-betul cemerlang haruslah kita memberi biasiswa kepada mereka.

Bukankah kita mengatakan bahawa modul insan adalah terpenting kepada negara pada waktu sekarang dan pada waktu yang akan datang. Ini adalah modul-modul insan yang kita ada. Mengapa kita tidak mahu *invest* ke atas mereka dan juga JPA yang biasiswa JPA untuk mereka yang menuntut di dalam IPTA atau IPTS di dalam negara yang nisbahnya lebih teruk lagi.

Nisbah Pemegang Biasiswa JPA Pelajar Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

Tahun	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
2004	3,994	430 (9.7%)	4,424
2005	4,693	593 (11.2)	5,286
2006	4,727	1,026 (17.8)	5,753
2007	6,682	893 (11.7)	7,575

Saya rasa angka-angka ini menunjukkan bahawa penawaran ini amatlah tidak adil kepada pelajar bukan bumiputera. Saya rasa inilah yang akan menimbulkan perasaan yang tidak puas hati kepada negara bukan saja kepada Barisan Nasional sahaja tapi kepada negara juga. Ini akan menyebabkan modul-modul insan ini kalau mereka ditawarkan daripada negara yang lain, biasiswa dari negara yang lain, mereka tidak akan balikkah. Mereka akan menjadi *brain* untuk negara yang lain walaupun kita pun telah melaburkan wang ke atas mereka daripada *primary school* kepada *secondary school* tapi akhirnya kita tidak mahu memberi biasiswa dan merekalah diambil oleh negara-negara yang lain.

Saya rasa ini kerugian besar kepada negara kita. Ini bukan saja kerugian dari modul insan, tetapi ia akan menjejaskan perpaduan kepada negara ini sekiranya hanya segolongan ataupun dinampakkan sekurang-kurangnya angka-angka ini menunjukkan hanya segolongan saja yang diberi kepentingan. Yang diberi keutamaan. Jadi saya harap pada tahun ini tawaran biasiswa akan lebih adil dan saya ingin mendapat penjelasan bagaimana kita boleh membeza-bezakan pelajar kita seperti ini.

Yang kedua saya ingin mendapat penjelasan sama ada Kerajaan Barisan Nasional telah mengkaji impak inflasi ataupun kenaikan harga barangan kepada keluarga-keluarga yang miskin umpamanya keluarga-keluarga yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya berpendapat bahawa kita harus mengkaji impak inflasi ini kepada keluarga-keluarga yang miskin seperti ini.

Kita harus meningkatkan bantuan-bantuan kepada mengikut kadar inflasi kepada keluarga-keluarga seperti ini kerana saya rasa keluarga yang miskin ini mereka yang paling dikesan atau *the hardest hit by the inflation*. Jadi untuk Barisan Nasional selalu mengatakan mereka merupakan sebuah kerajaan yang penyayang, mereka telah menaikkan gaji kakitangan-kakitangan kerajaan. Itu saya alu-alukan tapi janganlah kita lupa bahawa ada segolongan rakyat iaitu keluarga yang termiskin, yang paling miskin yang lebih memerlukan bantuan kerajaan.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan adakah kita akan secara serta-merta ataupun dalam kajian *mid term review* untuk menaikkan bantuan kepada keluarga-keluarga ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena. Saya ingatkan Yang Berhormat kita ada mempunyai beberapa agenda di bawah peruntukan tambahan ini. Jadi bahaskan dalam agenda yang tertentu saja Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbelanjaan tambahan ini. Apa yang saya nak sentuh ini ialah secara umum. Dalam konteks belanjawan ini ialah pertama ialah soal sumber pendapatan ataupun kewangan yang dimiliki oleh negara kita. Yang keduanya ialah bagaimana kita mencari pertanggungjawaban kita untuk menjana kewangan. Untuk menambahkan pendapatan kewangan negara kita ini. Yang ketiganya ialah berkaitan dengan soal bagaimana kita mengurus perbelanjaan supaya ia betul-betul memberikan manfaat kepada negara dan juga rakyat. Apa yang saya lihat pada hari ini ialah kepentingan kepada kita yang utamanya ialah pertama sekali ialah untuk kita menjana kewangan pendapatan negara kita ini.

Dalam saat kita sedang berhadapan kemungkinan-kemungkinan kita berhadapan dengan masalah krisis ekonomi kesan daripada krisis ekonomi yang berlaku di luar negara kita khususnya di Amerika dan akhirnya sampai kepada peringkat akan memberikan kesan kepada meningkatnya inflasi dalam negara kita dan sudah tentu ini akan membebankan masyarakat dan rakyat.

Oleh sebab itu saya lihat kebimbangannya ialah kesan daripada krisis ekonomi dan kejatuhan mata wang di Amerika itu akan memberikan kesan kepada perbelanjaan negara kita sendiri. Akhirnya sudah tentu kita tidak mencukupi kewangan untuk kita berbelanja dalam membangunkan sesuatu yang bermanfaat untuk negara kita ini.

■1900

Walaupun Menteri Kewangan Kedua telah menjelaskan baru-baru ini bahawa kita tidak akan terkena, kita tidak akan mendapat apa-apa kesan daripada krisis kewangan dan juga ekonomi di Amerika yang dikenali sebagai pinjaman *supreme* kerana katanya bahawa kedudukan kewangan negara kita dan juga institusi kewangan kita itu tidak memberikan pinjaman-pinjaman seperti mana yang diberikan Amerika. Namun saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, kerana kita juga akan mendapat dan menerima kesan itu katanya dijangka kemungkinan pada penghujung tahun atau pada awal tahun.

Itu satu benda yang tidak mustahil sebab apabila peniaga-peniaga di Amerika berhadapan dengan masalah ini maka sudah tentulah bahawa kesukaan bagi mereka untuk menambahkan jumlah pelaburan mereka ke dalam negara kita ataupun pelabur-pelabur yang daripada Amerika yang telah sedia ada di negara kita ini sukar untuk mengembangkan lagi pelaburan mereka, menambahkan pelaburan yang ada dalam negara kita ini.

Maka sudah tentu ini akan memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara kita sebab Amerika adalah salah satu daripada kita katakan bahawa negara yang terbesar pelaburan dalam negara kita dan apabila ini berlaku maknanya pelaburan dalam negara kita tidak akan bertambah, eksport daripada negara kita ke Amerika juga tidak akan mungkin bertambah.

Jadi sebab itu kita akan berhadapan dengan krisis yang seperti ini. Jadi apa yang penting kepada kita saya hendak cadangkan kepada kerajaan ialah membuat satu persediaan, persiapan untuk menghadapi kemungkinan dan mengambil manfaat daripada situasi yang ada ini untuk kita menjana pendapatan atau pun kewangan dalam negara kita.

Antaranya kalau kita lihat bahawa dengan kenaikan harga minyak yang berlaku sekarang katanya USD138 satu tong maka sudah tentu bahawa ini akan kalau kita bijak untuk menjana kewangan kita sudah tentu dia akan menambahkan pendapatan kepada negara kita.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa saya ingin melihat kerajaan harus membuat satu kajian terhadap transaksi minyak yang diamalkan sejak sekian lama ini yang menggunakan mata wang dolar Amerika yang sudah tentu dalam keadaan yang sebegini, bila kejatuhan mata wang ini sudah tentu tidak memberikan keuntungan, menambahkan keuntungan kepada kita.

Sebab itu sebahagian daripada negara-negara OPEC kalau kita tengok seperti mana Iran, New Zealand dan sebagainya mereka sedang merangka satu pelan bertindak untuk tukar transaksi minyak ini tidak lagi menggunakan mata wang Amerika iaitu mempelbagaikan transaksi minyak itu dengan pelbagai mata wang khususnya menggunakan Euro. Sudah tentu bagi saya bahawa jika ini boleh dilakukan oleh negara kita, iaitu menukar transaksi ini daripada dolar kepada Euro, maka sudah tentu bahawa ini akan memberikan pulangan yang lebih besar kepada negara kita mungkin sampai 10% hingga 15% penjanaan kewangan yang boleh kita buat, yang boleh kita lakukan.

Jadi sudah tentu ini sebagai satu bagi saya persiapan ke arah untuk berhadapan dengan kemungkinan-kemungkinan krisis yang bakal hadapi nanti. Jadi sebab itu saya mengharap kerajaan harus menimbang ini untuk membolehkan kita mendapat satu jumlah pendapatan yang lebih.

Keduanya ialah, berkaitan dengan sudah tentu apabila ini berlaku, apabila kita tukar transaksi dengan menggunakan mata wang Euro contohnya maka sudah tentu syarikat minyak utama dalam negara kita ini akan mendapat keuntungan yang lebih dan bukan sahaja syarikat ini yang saya maksudkan tetapi banyak syarikat yang merupakan syarikat kerajaan sendiri dan juga syarikat yang lain yang akan mendapat keuntungan yang lumayan. Jadi sebab itu bagi saya bahawa sudah sampai masanya untuk kerajaan mengkaji daripada amalan-amalan yang berlaku di sesetengah negara iaitu mereka mengenakan cukai durian runtuh kepada syarikat-syarikat yang telah berjaya mengambil manfaat besar daripada situasi-situasi yang seperti ini.

Baru-baru ini saya telah pun terbaca kenyataan yang dibuat oleh Menteri Hal Ehwal Pengguna yang mengatakan bahawa kerajaan kemungkinan itu pendapat peribadi dia mungkin, kerajaan mungkin mengkaji berkaitan dengan cukai durian runtuh ini. Saya katakan bahawa sudah sampai masanya untuk kerajaan melakukan ini untuk tidak membiarkan bahawa syarikat-syarikat ini hanya memperoleh keuntungan, tetapi mereka membayar cukai sama dengan syarikat-syarikat yang lain, syarikat-syarikat yang keuntungannya lebih rendah daripada mereka, daripada situasi perkembangan ekonomi yang saya maksudkan tadi.

Jadi sebab itu saya katakan bahawa ini merupakan perkara yang harus dilihat oleh kerajaan untuk kita membuat satu persiapan. Namun apa pun bagi saya bahawa kita tidak cukup sekadar untuk menjana penambahan keuntungan, mendapatkan lebih kewangan negara kepada kerajaan ini, tetapi dalam masa yang sama soal pengurusan kewangan itu tidak cermat apabila kita berhadapan isu-isu yang dibangkit oleh ramai orang tadi bahawa kita mengalami masalah yang sangat berat apabila ada unsur-unsur penyelewengan.

Antaranya apa yang dibangkit oleh Ketua Pembangkang sendiri dalam pembelian Sukhoi, kapal selam dan sebagainya, dan ini ternyata bahawa kita lihat bahawa kita ada duit, kita dapat keuntungan tetapi akhirnya keuntungan itu menjadikan orang lain yang mendapat kekayaan untuk menjadikan lubuk emas daripada sektor-sektor yang kita cuba bangunkan. Akan tetapi yang penting kepada kita sekarang ini ialah bagaimana wang yang banyak, yang kita dapat itu boleh kita manfaatkan untuk kehidupan masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini.

Jadi sebab itu saya hendak mempersoalkan satu perkara apabila kerajaan kita bertindak dalam kes *offset* antara Sukhoi dengan Projek Angkasawan ini. Walaupun saya bangkit di Dewan ini dalam jawapan Menteri Teknologi tetapi terlalu ringkas jawapannya. Dia mengatakan bahawa apa yang saya sebutkan itu ialah kertas perbincangan pada awal iaitu saya mempersoalkan bahawa kenapa kita menerima, kita memilih Projek Angkasawan ini sebagai *offset* dengan pembelian Sukhoi.

Satu pembelian Sukhoi ada masalah seperti dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan telah menjawab bahawa tidak boleh membanding seperti itu tetapi saya katakan bahawa apa yang penting hari ini bukannya menteri membersihkan, menteri yang bertanggungjawab membersihkan bahawa tidak ada apa-apa sedangkan orang mempersoalkan dia, orang mempersoalkan Kementerian Pertahanan.

Sepatutnya perlu ada satu jawatankuasa ataupun suruhanjaya bebas yang menyiasat kes ini sebab dari segi teknikalnya macam dikatakan bahawa komponennya, avionik sistemnya yang terdapat dalam Sukhoi itu, maka sudah tentu memerlukan kepada satu siasatan daripada kepada kepakaran, apakah *avionic system* yang kita beli ini kalau tidak silap saya *avionic* ini bukan daripada Rusia tetapi daripada Perancis. Apakah *avionic* ini, sistem itu sepadan dengan harga yang kita bayar kepada Sukhoi secara keseluruhannya?

Jadi sebab itu bagi saya bahawa kalau penafian itu hanya dibuat oleh menteri tetapi persoalan-persoalan itu tidak dapat memberikan satu jawapan yang jelas maka sudah tentu bahawa ini akan menjadi satu keraguan yang berterusan kepada seluruh masyarakat dan rakyat.

Jadi sebab itu saya hendak balik kepada *offset* antara Sukhoi dengan angkasawan ini. Saya tidak melihat bahawa satu kebijaksanaan kepada kerajaan menerima Projek Angkasawan ini walau saya tidak nafikan bahawa ada kebaikan-kebaikan tertentu tetapi kalau dibandingkan dengan apa yang ada di tangan saya ini yang disebut oleh menteri bahawa ini adalah kertas awal perbincangan. Namun saya katakan bahawa sudah tentu kalau kertas awal perbincangan kita dengan pihak Rusia tiba-tiba kita tidak boleh mempertimbangkan *offset* yang ditawarkan oleh Rusia, satu benda yang sangat-sangat memalukan sebab tawaran yang dibuat oleh Rusia tidak pun mengandungi tawaran berkaitan dengan Projek Angkasawan kepada kita.

29 item yang saya sebut yang ada di tangan ini ialah semuanya berkaitan dengan tawaran-tawaran ataupun *offset* yang bersifat membolehkan pemindahan teknologi. Kemungkinan lebih baik daripada Projek Angkasawan itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat terkeluar cerita. Ini cerita hal..

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, saya tidak terkeluar. Saya katakan bahawa bagaimana kita mendapat kewangan kemudian kita berbelanja pada jalan yang tidak betul. Ini saya tunjuk contoh saya katakan bahawa...

■1910

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah panjang sangatlah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya bagi saya bahawa, 29 item yang ditawarkan oleh pihak Rusia ini, semuanya menyentuh soal pemindahan teknologi umpamanya. Sudah tentu kalau kita terima ini Tuan Yang di-Pertua bahawa dia lebih memberikan manfaat dan menguntungkan kepada negara kita, kalau kita katakan bahawa nak bangunkan industri aeroangkasa umpamanya, maka sudah tentu apa yang ditawarkan oleh Rusia ini lebih baik daripada kita hantar seorang angkasawan pergi ke angkasa. Sehingga sekarang kita tengok, kita pun tak tahu ada penyelidikan dibuat oleh MARDI bawa rendang tok nak pi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bawak rendang tok nak pi. Saya pun tak tahu kalau betul ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pindah ke perkara lain, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, sekejap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap. Kalau betullah kajian yang dibuat bahawa rendang tok ini boleh dimanfaatkan untuk dimakan di ISS, mungkin lepas ini Yang Berhormat Pasir Salak nak fikir macam mana industri rendang tok untuk dieksport ke ISS. Ha, itu mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah sentuh Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat Pasir Salak

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebab rendang tok itu daripada Perak, rendang tok itu terkenal di Perak. Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kadang-kadang sesuatu perkara itu kita tak akan nampak kesan dia dalam jangka masa pendek. Dulu saya pernah dengar Yang Berhormat berucap mempersoalkan tentang Jambatan Pulau Pinang membazir dan sebagainya, tetapi sekarang Yang Berhormat juga minta Jambatan Pulau Pinang yang kedua. Sudah berlaku sesak dan sebagainya, minta yang kedua pula. Dulu kata membazir.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebenarnya saya pun tak pernah kata Jambatan Pulau Pinang membazir. Ha ini dia salah dengar ucapan saya. Waktu itu dia pun dok berceramah sekali dengan saya. Antara yang orang lompat parti, dialah... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, tak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat dah nafikan, pindah ke perkara lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, baik. Sebab itu saya katakan bahawa ini sangat penting kepada kita ialah dalam konteks pengurusan kewangan yang boleh memberikan manfaat kepada kita. Kalau tidak nanti, macam apa yang saya

cadangkan, saya percaya bahawa kalau kita buat tukar transaksi daripada dolar kepada ini, sudah tentu kita akan dapat keuntungan yang lebih.

Yang keduanya kita tunjuk contoh dan saya nak tanya juga berapa perbelanjaan yang telah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang ketiga Yang Berhormat, ketiga.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya. Berapa perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaanlah secara keseluruhannya, khususnya dikendalikan di bawah Kementerian Luar Negeri ini untuk kita mengendalikan kes tuntutan Pulau Batu Puteh ini. Berapa juta? Berapa ratus juta, berapa puluh juta kita habis sampai kita menghadapi kekalahan. Saya nak katakan bahawa, kalau kita buat satu *management* atau pengurusan yang baik dalam semua hal, sudah tentulah kita tidak akan mengalami kerugian yang seperti ini. Jadi, sebab itu bahawa ini adalah satu perkara yang harus...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan, minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebab nak eksport rendang tokkah?... [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu Yang Berhormat jemput dia tadi. Ha, sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adat bertanding, berlawan. Ada yang kalah, ada yang menang. Kalau pergi ICJ, dua-dua nak menang, macam mana? Begitu juga dalam pilihan raya. Adat bertanding, ada yang kalah ada yang menang, bukan? Jadi persoalannya berapa belanja, itu saya rasa pihak kerajaan boleh jawab, tetapi berapa belanja mestilah mengikut yang diperlukan. Takkanlah nak belanja lebih daripada yang diperlukan.

Ini saya ada satu perkara saja Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Program Angkasawan. Program Angkasawan ini, Yang Berhormat kata kenapa pula melalui pembelian Sukhoi, minta mereka *sponsor* kita punya projek. Ini kaedah, kalau kita tak hendak melalui kaedah itu, kalau kita hendakkan Program Angkasawan ini dijayakan, kita terpaksa juga membiayai dengan peruntukan yang secukupnya, dengan sumber kewangan yang lain. Jadi cuma kaedah, sama ada melalui *sponsorship*, melalui apa yang pihak pembekal Sukhoi beri kepada kita ataupun kita minta peruntukan daripada Kementerian Kewangan khusus untuk projek ini. Sama ada projek ini memberi manfaat atau tidak, kita tak boleh buat kesimpulan sekarang.

Ini memakan masa yang panjang. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi, Yang Berhormat Pokok Sena, projek Proton, Proton umpamanya. Pada satu ketika, memang Projek Proton ini menghadapi masalah menyebabkan ramai orang marah kepada kerajaan, tetapi terbukti setelah melalui proses yang orang kata dugaan dan cabaran yang dilalui oleh Proton, pada hari ini kita sekurang-kurangnya boleh berbangga dengan adanya kereta Malaysia hari ini.

Jadi dengan sebab itu saya minta Yang Berhormat Pokok Sena, janganlah kita cepat-cepat buat kesimpulan walaupun memang ada kepakaran, ada tokoh untuk jadi Menteri Kewangan, insya-Allah kalau berjaya, tetapi jangan cepat sangat. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Ketawa] Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan langsung tidak memberikan manfaat dalam Projek Angkasawan ini, tetapi saya katakan bahawa kalau dibandingkan antara tawaran yang dibuat oleh Rusia, tawaran yang dibuat oleh Rusia langsung tidak menawarkan kepada kita Projek Angkasawan untuk hantar orang naik ke ISS, tetapi dia menawarkan sesuatu kepada kita, benda-benda yang berkaitan dengan pemindahan teknologi, 29 item yang ada ini. Maka sudah tentu bahawa ini lebih manfaat untuk kita membina asas yang lebih kukuh

terhadap Projek Pembangunan Industri Angkasa kita. Itu yang sepatutnya kita lakukan. Bukan saya katakan bahawa tidak manfaat ataupun tidak ada keperluan tapi buat masa ini, saya kira bahawa 29 item ini lebih penting daripada menghantar seorang angkasawan ke ISS. Itu maksud saya.

Jadi Yang Berhormat kena faham itu ya. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua bahawa... [Disampuk] Saya mohon kepada kerajaan untuk melihat ini sebagai suatu yang penting untuk kita lihat, umpamanya macam tadi projek berkaitan dengan kos perbelanjaan kita untuk kes perbicaraan di ICJ ini. Berapa banyak sebab saya katakan bahawa kalau kita uruskan daripada awal mengikut cara yang betul, maka sudah tentu kita tidak mengalami keadaan yang memalukan kita dalam kekalahan kita di ICJ.

Kemudian yang keempat ataupun yang kelima Tuan Yang di-Pertua, bahawa satu perkara lagi ialah saya nak membangkitkan juga satu persoalan, kerana saya telah bangkit dalam Titah Ucapan tapi tak dijawab. Saya pun tak tahu sampai sekarang jawapan bertulis pun tak sampai kepada saya. Jadi saya nak ambil kesempatan ini.

Berkaitan dengan HDC. Saya juga mempersoalkan kita telah membelanjakan RM30 juta untuk HDC iaitu *Halal Development Corporation* ini. Hampir RM30 juta saya difahamkan tapi saya katakan bahawa semua itu kita masih mengguna pakai segala infra yang telah dibangunkan oleh Bahagian Halal JAKIM. Jadi kita nak tahu apa yang mereka buat sebab saya mempersoalkan bahawa ini ialah satu benda yang tak wajar. Satu benda yang tidak sepatutnya apabila sebuah syarikat yang bersifat GLC ya, HDC ini saya difahamkan sebagai sebuah syarikat GLC, syarikat kerajaan. Dia sepatutnya lebih menumpukan kepada pembangunan industri halal, membangunkan industri halal, sektor industri halal.

Maknanya mengeluarkan barangan halal dan sebagainya dan saya lihat baru-baru ini mereka telah pun menandatangani satu tandatangan antara Tabung Haji dengan HDC dan juga Dubai Halal. Begitulah lebih kurang untuk membangunkan sektor industri halal ini. Saya bersetujulah, itu yang sepatutnya tumpuan yang diberikan oleh HDC, tapi bukannya pensijilan Halal.

Mana boleh kita katakan bahawa HDC, dia bawa keluar barang, dia bagi cap halal kepada yang dia bangunkan. Tak boleh! Ini juga penghujahan yang diberi dalam kes bila dituntut BPR supaya ada kuasa pendakwa. Kerajaan kata mana boleh dia siasat, dia dakwa. Begitu juga logiknya dalam hal ini saya katakan, mana boleh dia bawa keluar roti Benggali, dia kata halal, umpamanya. Jadi saya kata tidak munasabah dan sebab itu saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan yang sejelasnya tentang hal seperti ini, kerana sepatutnya bahawa pensijilan ini harus dikekalkan kepada pihak JAKIM. Saya akui ada kelemahan-kelemahan selama ini yang sepatutnya diperbaiki, ditambahkan pegawai di peringkat seksyen halal ini untuk membolehkan mereka dapat bergerak secara yang lebih baik.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta juga penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya yang berkaitan dengan sektor pertanian ini. Saya lihat bahawa ada beberapa perkara yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam memberikan bantuan-bantuan tertentu kepada petani-petani, baja, racun dan sebagainya yang kita sambut baik, bahawa itulah yang sepatutnya dilakukan, tetapi diberikan benda-benda yang akhirnya petani tak boleh pakai.

■1920

Termasuk juga ada baja-baja yang tidak dipakai, sebab itu saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pertanian, minta petani-petani hantar balik baja subsidi yang dia beri itu, sebahagian daripada baja dan juga racun yang diberikan oleh pihak kerajaan itu diminta, di himpun balik di Pejabat MADA atau di pejabat PPK. Baja organik, kalau di himpun balik di pejabat, saya percaya bahawa memang bertimbun kita boleh himpun balik.

Memang baja ini tidak digunakan. Memang baja ini pun sebelum itu di pasaran ini memang baja yang tidak laku yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat besar yang memang tidak laku tetapi baja yang tidak laku di pasaran akhirnya kita ambil baja itu supaya kerajaan boleh bayar kepada syarikat ini, lalu syarikat inilah yang *supply* kepada petani sedangkan

petani tidak boleh manfaat. Ini saya katakan bahawa pengurusan yang tidak betul. Mengurus yang akhirnya orang lain boleh manfaat tetapi petani tidak boleh manfaat.

Jadi, sebab itu saya hendak cadangkan adalah lebih baik supaya petani-petani ini boleh tukar dengan kupon. Apa yang mereka hendak. Beri kupon apa yang mereka hendak dengan nilai-nilai tertentu. Dia pergi ke pejabat MADA ataupun ke Pejabat Jabatan Pertanian atau PPK dan sebagainya, dia boleh tukar dengan baja apa yang dia mahu. Dia tukar pergi ambil *cash* ataupun kepada apa-apa barangan yang diusahakan oleh PPK umpamanya. Itu lebih baik dari segi pembangunan untuk membangunkan sektor pertanian khususnya untuk memberikan manfaat kepada petani-petani.

Jadi sebab itu saya mohon kepada pihak kerajaan supaya melihat hal-hal yang seperti ini. Baja yang saya sebut antaranya Robos dan Vitagross, dalam pasaran ini memang tidak laku. Robos dan Vitagros ini dan saya difahamkan ada syarikat-syarikat tertentu daripada orang-orang tertentu yang ada kaitan dengan politik yang kaut keuntungan daripada projek yang dikatakan untuk memberikan subsidi untuk kepentingan petani tetapi akhirnya petani tidak dapat apa-apa.

Jadi saya minta kerajaan untuk meneliti balik bagaimana kita mendapatkan wang, bagaimana kita menguruskan perbelanjaan. Bukan kita sekadar tengok wang kita banyak. Sebahagiannya kita beri kepada petani tetapi akhirnya tidak memberikan kebaikan kepada negara dan juga kehidupan kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat.

7.24 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Dua perkara sahaja dan saya ingat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang tidak banyak Yang Berhormat Batu Pahat ini biasanya dia banyak!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak, insya-Allah. Ini sedikit sahaja, ringkas sahaja sebab ini perkara penting Tuan Yang di-Pertua. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyokong Akta Perbekalan yang sudah pun dibentangkan. Namun, saya ingin menyentuh balik dua perkara yang harus menjadi perhatian.

Yang pertama ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya sebagai seorang pencinta alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya amat bimbang dengan fenomena yang berlaku termasuk di negara kita terutamanya apabila kita dimaklumkan bahawa di Bukit Tinggi sudah pun berlaku gempa sebanyak 21 kali sejak November, 2007 dan pagi semalam dicatatkan sekali lagi satu gempa bumi yang berlaku di kawasan tersebut.

Jadi sebab itulah dengan isu pemanasan global yang berlaku sekarang ini saya sebenarnya ingin menarik perhatian bahawa memang kerajaan kita sudah pun menandatangani Perjanjian *Kyoto Protocol*, tetapi kita seperti tidak melakukan banyak perkara sebenarnya, untuk kita mengatasi dan juga untuk kita menangani isu-isu yang melibatkan kepada pemanasan global.

Apa yang mengejutkan kita di Jepun sebagai contohnya, musim sejuknya pada tahun ini tanpa salji. Itu kali pertama berlaku dalam sejarah mereka dan inilah satu petanda bahawa kita di Malaysia dengan perubahan iklim yang tidak menentu sekarang ini, maka kita harus memberikan perhatian terutamanya menumpukan pembangunan yang kurang karbon ini.

Dengan kata lain bahawa jika tidak ada tindakan awal, *responsive* kita kepada isu pemanasan global, kita membiarkan pembalakan terus berlaku di negara kita dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan apakah alternatif yang kita boleh fikirkan. Sama ada kita hendak meneruskan pembalakan ini sebagai sumber pendapatan pada setiap negeri ataupun ada cara yang boleh kita lakukan mengawal pembalakan dan apatah lagi pencemaran alam sekitar terutamanya sungai-sungai kita yang masih tidak terkawal sekarang ini. Kita masih melihat pencemaran berterusan tanpa sebarang tindakan dan sebagainya walaupun sudah banyak peraturan dan undang-undang.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di sini supaya kementerian ini mencari peruntukan tambahan yang lebih besar sebenarnya dalam menangani isu pemanasan global ini supaya kita dapat melestarikan ekosistem di negara kita ini. Salah satu cadangan yang cukup menarik sebenarnya yang sudah dinyatakan beberapa kali oleh ahli-ahli alam sekitar, pakar-pakar di negara kita ini antaranya ialah memastikan kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk menyediakan kawasan-kawasan hijau seperti *high park* sebagai contohnya yang keluasannya lebih kurang 350.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya memperingatkan Yang Berhormat, tidak ada agenda dalam kita punya kementerian dibahaskan ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada Yang Berhormat. Saya sudah baca semua Yang Berhormat. Parlimen, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pembentukan kepada Wang Terkanun, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelancongan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri. Itu sahaja Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya baca sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa dah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, saya ringkaskan sebelum saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pergi ke perkara yang lain Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, cuma saya habiskan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Iaitu kerajaan mestilah menambah peruntukan yang besar kepada peruntukan untuk melestarikan ekosistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, okeylah saya masuk pada perkara yang kedua yang saya ingin sentuh. Saya minta maaf kalau saya tersalah lihat. Kesihatan masuk tidak Tuan Yang di-Pertua?.. [Ketawa]

Takut tersalah lagi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kesihatan itu boleh Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kesihatan ini, saya ingin menyentuh supaya timbul masalah tentang Tabung Bantuan Perubatan sebab kita sering melihat dan mendengar di media, surat khabar kita, kes-kes mereka yang menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan perubatan di hospital dan klinik-klinik sebenarnya.

Saya mengambil contoh kes yang dihadapi oleh Syaidatul Afikah yang memerlukan bantuan sebanyak RM160,000 kerana penyakit leukemianya dan ayahnya seorang buruh pemotong rumput. Maka, kes-kes seperti ini saya mengharapkan bahawa kerajaan mengambil perhatian untuk menambahkan peruntukan bantuan perubatan kepada

rakyat kita yang kekurangan pendapatan ataupun kekurangan sumber kewangan seperti yang mana yang dihadapi oleh Syaidatul Afikah ini.

Namun, dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua, saya dapati memang kita ada satu tabung yang dipanggil sebagai *Medical Assistant Fund* ataupun MAF yang diperuntukkan tahun sebanyak RM 25 juta. Namun, yang menjadi masalah di sini dari segi pengurusan *delivery system*nya. Ramai yang tidak tahu tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan ini dan akhirnya kita akan melihat mereka menggunakan media, surat khabar dan sebagainya untuk mengadu tentang masalah yang mereka hadapi untuk mendapatkan peruntukan perubatan ini. Sebab itulah, saya mengatakan bahawa RM25 juta ini barangkali sebenarnya masih tidak mencukupi.

Jadi, sebab itulah saya mengharapkan kerajaan memberikan perhatian supaya peruntukan ini ditambah dan dibanyakkan supaya ia dapat dimanfaatkan untuk rakyat yang menyeluruh sebenarnya sama ada di Sabah dan juga di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dibangkitkan di sini juga ialah tentang kelulusan juga walaupun menteri mengatakan bahawa sesiapa yang memohon peruntukan perubatan ini hanya mengambil tempoh sebanyak dua minggu sahaja. Namun, apa yang berlaku ialah kita mendapati kadang-kadang mereka menunggu lama. Ini yang saya katakan bahawa masalah yang berbangkit di sini ialah masalah *delivery system*. Apabila *delivery system* kita tidak cukup, maka ini yang pembangkang ambil peluang, selalu menghentam kerajaan, tidak cekap dan sebagainya. Masalahnya di sini ialah masalah *delivery system* yang tidak cekap itu sedangkan kerajaan prihatin menyediakan peruntukan dan sebagainya. Oleh kerana itulah saya mengharapkan perkara ini diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan.

■1930

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi juga kita telah mendengar satu soalan yang berbangkit tentang kemudahan klinik-klinik di luar bandar. Maka sebab itulah kita dapati dan ini juga berlaku di kawasan saya iaitu bahawa klinik-klinik di luar bandar ini kekurangan kemudahan, antaranya ialah kemudahan ambulans ini. Ini sudah dibangkitkan banyak kali sebab itulah saya harap Kementerian Kesihatan haruslah berusaha untuk menambahkan peruntukan supaya kemudahan-kemudahan ambulans ini disediakan di klinik-klinik luar bandar.

Jika tidak nanti orang hendak bersalin, ini yang timbul kadang-kadang orang bersalin dalam teksi dan sebagainya sebab tidak ada ambulans dan kadang-kadang ambulans itu berfungsi antara satu klinik dengan satu klinik yang lain. Saya ambil contoh klinik di Senggarang Tuan Yang di-Pertua, berkongsi dengan satu klinik yang agak jauh iaitu di Rengit.

Akhirnya bila ada orang bersalin di Rengit, klinik daripada Senggarang menghantar ambulans ke Rengit, tapi bila hendak hantar ke hospital orang dah bersalin. Jadi ini yang saya katakan bahawa kemudahan-kemudahan ini harus diberi perhatian...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Celahan Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu hendak tanya sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu Yang Berhormat, dekat belakang.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Batu Pahat, saya ingin penjelasanlah sedikit berkenaan dengan penswastan perkhidmatan menghantar jenazah dari hospital pulang ke rumah, di mana

kos perbelanjaannya menjadi tinggi kerana pihak swasta yang menguruskan penghantaran ini telah bertujuan untuk mendapat keuntungan, sehingga ia membebankan kepada keluarga yang telah pun menerima nasib yang malang. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Batu Pahat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya hendak menghabiskan ayat saya tadi Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai dengan apa yang hendak saya sebut di sini ialah tentang janji kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dialisis di setiap klinik-klinik di luar bandar.

Ini janji yang sudah disebut oleh Menteri Kesihatan sebelumnya walaupun sekarang ini kita mendapat Menteri Kesihatan yang baru. Saya harap perkara ini diberi perhatian sebab memang kita sekarang ini menghadapi kemudahan dialisis ini. Kosnya yang terlalu tinggi menyebabkan ada pihak yang sebenarnya berhadapan dengan masalah ini iaitu mereka kadang-kadang terpaksa meminta bantuan surat-surat sokongan daripada wakil-wakil rakyat supaya mereka mendapat kemudahan percuma untuk menggunakan dialisis yang ada di klinik-klinik swasta. Sedangkan klinik swasta ini Tuan Yang di-Pertua, dia berniaga maka sebab itu dia perlukan bayaran. Jadi oleh kerana itulah dan kadang-kadang mereka terpaksa menunggu giliran yang cukup lama kerana kemudahan mesin dialisis yang terlalu kurang.

Oleh kerana itu, saya harap apa yang dijanjikan ini iaitu menyediakan pusat-pusat dialisis di klinik-klinik luar bandar ini akan dapat disegerakan. Oleh kerana sebelum ini dalam bajet yang lalu kerajaan telah mengumumkan bahawa akan memberikan bantuan, apa yang disebut bantuan pemeriksaan percuma penyakit kanser untuk wanita, maka saya harap kemudahan ini juga dapat diberikan kepada golongan lelaki yang sekarang ini kadar peratusan mereka yang berhadapan dengan masalah kanser prostat ini adalah terlalu tinggi. Mereka ini sebenarnya, terutamanya yang keluarga miskin ini juga harus diberikan kemudahan-kemudahan ini.

Satu perkara lagi yang harus diberikan perhatian dari segi kemudahan ini ialah apa yang disebut sebagai *screening* hepatitis yang banyak rakyat kita ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak peka tentang masalah hepatitis ini. Sebenarnya ini adalah masalah yang cukup besar dan oleh kerana itulah, kalau boleh hepatitis ini juga mestilah dilakukan secara mandatori kepada semua orang. Seperti mana kita barangkali satu ketika nanti akan melaksanakan proses mandatori kepada pelatih-pelatih PLKN, supaya mereka ini sebelum masuk ke pusat-pusat latihan PLKN maka mereka juga mestilah melalui proses pemeriksaan mandatori kesihatan mereka.

Jika tidak timbullah masalah-masalah yang dibangkitkan tentang kematian dan sebagainya yang sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Oleh kerana ini satu daripada pendekatan yang saya rasa boleh diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan ini ialah berbincang dengan Kementerian Pertahanan yang mengendalikan PLKN ini supaya peserta-peserta yang menjadi peserta PLKN ini diberikan apa yang saya katakan tadi ialah pemeriksaan mandatori kesihatan supaya tidak timbul lagi masalah-masalah yang berbangkit tentang kesihatan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menaiktarafkan kemudahan kesihatan di negara kita ini saya mengharap bahawa kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan ini akan melakukan proses akreditasi terhadap hospital-hospital dan klinik-klinik swasta yang ada di negara kita, sebab kita antara negara yang masih belum melaksanakan sistem akreditasi terhadap hospital dan klinik-klinik swasta kita berbanding dengan apa yang dilakukan di Singapura.

Sekarang ini ada sepuluh hospital di Singapura itu yang sudah diakreditasi oleh apa yang disebut sebagai *Joint Commission International* atau JCI yang melakukan akreditasi kepada hospital yang ada di negara berkenaan. Kalau di Thailand pun sudah ada dua, tapi malangnya Malaysia ini yang dikatakan berusaha ingin menjadi sebuah negara *medical tourism* dengan izin, tetapi kita tidak ada hospital-hospital di negara kita yang sudah pun di akreditasi oleh apa yang disebut oleh JCI tadi.

Oleh kerana itu saya rasa wajar Kementerian Kesihatan mengusahakan supaya hospital dan klinik-klinik dan juga hospital swasta di negara kita ini diakreditasi supaya

mutu perkhidmatan kesihatan di negara kita adalah mempunyai kualiti yang tinggi sepertimana yang ada di negara seperti Singapura...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ... ini hendak mencelah ke hendak balik?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Celah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Takut hendak balik... [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu soalan yang di antara hospital kerajaan kita ia dibahagikan kepada hospital kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi dan juga hospital di bawah Kementerian Kesihatan.

Jadi kadang-kadang bila kami hendak membentangkan masalah tentang sesuatu hospital kalau itu berlaku di UH saya pernah mengadu kepada Menteri Pengajian Tinggi dan bukan Menteri Kesihatan. Kadang-kadang keadaan ini agak mengelirukan bagi orang ramai. Saya tidak tahulah. Bagi saya ada lebih baik bagi semua hospital kerajaan ini diletakkan di bawah bidang satu kementerian adalah lebih senang bagi kami untuk membentangkan masalah rakyat atau pun mengadakan koordinasi di antara hospital kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang itu saya setuju untuk kebaikan sistem perkhidmatan kesihatan di negara kita supaya ada keselarasan. Maka sudah tentulah saya fikir Kementerian Kesihatan haruslah diberi peranan untuk melihat ataupun menilai ataupun mengurus dan mentadbir hospital-hospital yang dimiliki oleh universiti-universiti tempatan seperti *University Hospital* ataupun di universiti-universiti yang lain, yang ada kemudahan hospital mereka sendiri. Sebab ini Tuan Yang di-Pertua ialah kita tidak mahu sebenarnya dalam keadaan kita ingin menyediakan kemudahan kesihatan yang bermutu tinggi, tetapi kita berhadapan dengan masalah pertindihan dan akhirnya akan berlaku apa yang dikatakan tuduh menuduh antara satu dengan lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ingin menyokonglah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam kesihatan.

Namun kalau kita menyediakan apa-apa pun prasarana yang ada tetapi orang hendak menjalankan, doktor-doktor pakar itu sendiri amat berkurangan di dalam sektor awam. Sedar atau tidak Yang Berhormat, yang kita ada hanya 30% daripada doktor-doktor pakar dalam perkhidmatan awam, dan mereka ini merawat 70% daripada beban pesakit di seluruh Malaysia. Dan 70% lagi doktor pakar berada di dalam swasta dan mereka hanya merawat 30% daripada pesakit. Dari segi *efficiency*nya, keberkesanan, kita amat rugi kerana 70% di pihak swasta itu hanya melihat 30%, pertama.

▪ 1940

Kedua, oleh kerana kerajaan sekarang sedang mempromosi *medical tourism* Yang Berhormat sebutkan tadi. Maka salah satu sebab *brain drain* dengan izin, doktor-doktor pakar ke dalam sektor swasta akan meruncingkan lagi masalah kekurangan doktor-doktor pakar ini. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat? Bagaimanakah dalam jangka masa panjang, kerajaan kita patut lakukan untuk mengatasi masalah *brain drain* ini? Kerana setiap kali apabila kita menyoalkan ini kepada pihak kerajaan, maka jawapan kerajaan adalah selalunya kerana lebih lumayan di sektor swasta.

Namun sebagai seorang doktor dan juga kawan-kawan kami daripada doktor di Kementerian Kesihatan, faktor kewangan bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkan mereka meninggalkan sektor awam ke sektor swasta, tetapi banyak perkara lagi yang menimbulkan rasa tidak puas hati mereka apabila mereka berada di dalam perkhidmatan kerajaan seperti peluang kenaikan pangkat, peluang melanjutkan pengajian ke peringkat siswazah dan mereka juga adalah manusia biasa apabila peluang biasiswa, peluang anak-anak mereka apabila anak-anak mereka yang layak untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Raja...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dah lupa siapa cakap daripada Batu Pahat tadi?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya hendak bagi input sedikit kalau takut nanti Yang Berhormat Batu Pahat sendiri tidak menyedari akan perkara ini. Jadi bagaimanakah pendapat Yang Berhormat Batu Pahat, pelan jangka masa panjang selagi kita tidak mengatasi masalah kekurangan doktor pakar, apa pun prasarana-prasarana yang kita siapkan di dalam Kementerian Kesihatan, sektor awam kita, kita tetap akan menghadapi masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi panjang ceritanyakah Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya satu kementerian ini sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tak ada pergi ke kementerian lain. Yang pertama tadi dah terkeluar tajuk. Itu saya minta maaf. Silap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa. Satu kementerian Yang Berhormat, kalau bagi kepada saya dari pagi sampai ke petang pun belum habis.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak, tak, tak. Saya sedikit sahaja. Lagi lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja. Itu sebabnya saya rasa kerajaan haruslah menimbangkan tentang skim perkhidmatan yang lebih menarik untuk doktor-doktor kita. Memang kita tahu doktor ini cepat dia keluar dari perkhidmatan dia, lebih baik dia pergi kepada swasta ataupun sekurang-kurangnya dia buka klinik dia sendiri. Mungkin antara kemudahan yang perlu diberikan ialah membenarkan doktor kita ini membuat lokum dan sebagainya dan kemudahan kenaikan pangkat.

Saya tengok kadang-kadang doktor kita di hospital kerajaan ini, kadang-kadang bilik dia pun tak ada sebenarnya. Jadi tak ada kemudahan dan sebab itu saya yakin ini antara punca kenapa kadang-kadang kita melihat, kita menghadapi masalah kekurangan doktor di luar bandar seperti mana yang dibangkitkan dalam soalan oleh salah seorang Yang Berhormat daripada Sarawak pagi tadi iaitu masalah kekurangan doktor ini...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin membangkitkan tentang masalah yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang Sarawak bangun Yang Berhormat sebab sebut nama Sarawak ini. Yang Berhormat Kapit.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ya memang benar pagi tadi saya telah membangkitkan isu itu. Saya juga difahamkan untuk menyambung yang saya kemukakan pagi tadi. Kita mengambil doktor untuk menjadi pensyarah di negara yang dianggapkan tidak setanding dalam pembangunan sosioekonomi seperti Malaysia. Jadi doktor-doktor yang kita ambil sebagai pensyarah itu memanglah

mungkin kebanyakan tidak mempunyai kelayakan yang sepatutnya yang boleh mengajar atau melatih pelajar-pelajar doktor kita.

Saya juga telah difahamkan bahawa ada sesetengah daripada mereka menggunakan e-mel pun tak pandai. Apakah saranan Yang Berhormat kepada kerajaan supaya pelajar-pelajar yang belajar jadi doktor di institusi-institusi pengajian awam dan swasta di negara kita untuk kita menjamin kualiti lepasan perubatan nanti untuk memberi perkhidmatan yang begitu tinggi dalam kualitinya nanti? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tidak tahulah tapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini kualiti doktor yang dikeluarkan daripada fakulti-fakulti perubatan di negara kita adalah memenuhi standard yang ditentukan dan kalau ada pun daripada luar negara.

Saya ada jumpa semasa Tsunami di Aceh Tuan Yang di-Pertua, saya ada jumpa pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Syiah Kuala dalam bidang perubatan dan mereka ini sebenarnya memang tidak diiktiraf kelulusan mereka ini tetapi apa yang, bila saya tanya kenapa mereka belajar di situ, dia kata murah dan sebagainya tetapi dia kata balik, mereka akan berusaha untuk mendapatkan Sijil Profesional Doktor ini daripada MMC tak salah saya. MMA, ya, MMC. Itu mereka akan berusaha tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa pun bagi saya yang ada di dalam negara kita ini, fakulti perubatan kita memang mempunyai standard yang memenuhi apa yang dikehendaki untuk menjadi seorang doktor yang berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara mengenai dengan ubat tiruan ini. Sebab ini saya bercakap tentang kesihatan sahaja. Saya tak bercakap bab-bab politik lagi. Sebab nanti kawan-kawan ini marah dengan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini pun politik Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak, tak, tak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, ada juga ubat tiruan politik Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tentang ubat tiruan ini, saya harap Kementerian Kesihatan ini bekerjasamalah dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebenarnya. Sebab ubat-ubat tiruan ini, kalau kita baca sekarang ini macam-macam kes sudah berlaku di negara kita dan sebenarnya apa yang kita dapati ialah kebanyakan daripada rakyat kita sekarang ini, kebanyakannya menggunakan ubat-ubat yang sebenarnya adalah tiruan. Sebab itu, saya harap kerajaan mengetatkan syarat bahawa doktor-doktor kita ini yang juga mengambil kesempatan untuk menjadi, membuat *direct selling* ini, menjual ubat dekat klinik dia ataupun di hospital kerajaan pun dia letak ubat, *supplementary* ini, *food supplementary* ini, yang sebagai sumber pendapatan dia. Maka ini juga harus dikawal sebenarnya. Sebab kita tahu memang minat rakyat Malaysia sekarang ini untuk mendapatkan ubat-ubat yang berbagai-bagai. Ubat untuk melicinkan muka, *botox* dan sebagainya. Lelaki pun sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, memang suka nampak putih, *glossy*.

Saya pun teringin juga tapi takut, takut tersalah makan ubat dan takut juga nanti bila makan itu makin ramai orang minat pada saya juga... *[Ketawa]* Sebab sekarang ini memang Tuan Yang di-Pertua, orang menjaga. Sebab saya dah cakap hari itu, bahawa *life begin at 50* bukan lagi 40. Sebab itu lelaki sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, memang sebab itu saya tengok ada orang yang tiba-tiba berubah muka daripada pakai cermin mata tak pakai cermin mata. Ini bukan mengata sesiapa tapi takut nanti kita termakan yang tiruan sebenarnya. Tiruan ini, sebab itu ada orang kata Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita sekarang ini, mayat kita begitu lambat reput?

Sebab kita dah terlampau banyak makan bahan-bahan pengawet sebenarnya dalam makanan kita. Jadi bahan pengawet itulah yang menyebabkan mayat kita lambat

hendak reput. Sekarang ini kita dapati, ubat-ubat kuat dan sebagainya ini, macam-macam Tuan Yang di-Pertua, berselerak di mana-mana dan boleh dibeli dengan SMS.

Jadi sebab itulah saya fikir sudah sampai masanya kaedah iaitu kementerian menyediakan satu pusat iaitu bila kita beli ubat, kita masukkan kod ubat itu dalam SMS dan kita hantar ada jawapannya sama ada dia tiruan ataupun tidak. Sudah sampai masanya sebenarnya kita memikirkan perkara-perkara ini supaya Tuan Yang di-Pertua rakyat di negara kita ini adalah rakyat yang sebenar-sebenarnya sihat dan mengamalkan gaya hidup sihat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Saya menyokong akta ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

■1950

Saya ada senarai Yang Berhormat. Jadi saya tahu siapa saya nak bagi. Bukan senarai yang Yang Berhormat bagi. Saya tengok PKR, BN, BEBAS, DAP, PAS dan sebagainya. Jadi saya bersikap adil, insya-Allah. Sila Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan pada saya untuk mengambil bahagian pada perbahasan peringkat dasar berkenaan dengan belanjawan tambahan. Saya mulakan dengan memberikan tumpuan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Pada sesi perbahasan awal, rakan saya daripada Batu Pahat memberikan pandangan yang cukup menarik bahawa kementerian ini mempunyai tanggungjawab yang cukup besar terutama hal-hal yang berkaitan dengan persoalan budaya dan warisan. Sudah tentu perkara penting yang menyentuh tentang kementerian ini ialah untuk mengajak rakyat Malaysia khususnya memahami sejarah. Bangsa yang belajar daripada sejarah Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah tidak akan mengulangi kesilapan dan kesalahan. Oleh sebab itu, dalam sejarah ini yang penting untuk kita teliti ialah memahami dan mempelajari daripada sejarah politik. Ini persoalan warisan dan kebudayaan bangsa kita.

Saya teringat Tuan Yang di-Pertua, satu tulisan oleh seorang penulis sejarah; Hamzah Hamdani yang menulis ataupun menulis semula tentang Hikayat Munshi Abdullah atau Hikayat Abdullah. Ia mempunyai suri teladan, pengajaran yang cukup padat dan sarat di dalamnya. Halnya dalam satu topik itu menyentuh tentang bagaimana pemerintah atau raja yang menguasai pulau Singapura waktu itu, Temasik gara-gara kerana menerima nasihat yang salah daripada orang keliling-kelalangnya. Ini membawa kepada keadaan yang kucar-kacir berlaku dalam negara.

Hal ini berlaku kerana sultan yang memerintah iaitu Sultan Husin Syah terlalu takut dan mengikut telunjuk menantu. Menantu yang dimaksudkan bernama Abdul Kadir dalam sejarah ini. Saya petik muka surat 327 Tuan Yang di-Pertua. "Pada masa itu, Abdul Kadir yakni seorang menantu kepada Sultan Husin Syah, sebenarnya orang kebanyakan seperti 'suir' tetapi lagaknya seperti Sultan sebab apa katanya, itulah kata Sultan. Di istana, Abdul Kadir bebas keluar masuk seperti di rumahnya sendiri. Wang yang diterima oleh Sultan sebanyak RM1300 sebulan dipegang oleh Abdul Kadir. Wang gaji yang Inggeris bagi pada Sultan pun Abdul Kadir pun pakai. Satu ketika"... *[Disampuk]*

Ini buku sejarah. Saya juga baca satu buku sejarah Rom, seorang maharaja yang jatuh kerana terlalu ikut telunjuk menantu. Rakyat marah, ekonomi musnah...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya nak tanya. Dalam sejarah itu ditulis tak istana tu tingkat berapa. Tingkat empat ke berapa?.. *[Ketawa]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena-mengena yang hidup ataupun yang telah mati. Saya mengambil maksud pengajaran daripadanya. Jikalau pemerintah salah menerima nasihat kerana tak kena budaya dan warisannya, musnah jawapannya.

Oleh sebab itu saya teruskan di sini; "...wang gaji Sultan juga menantu pegang. Apa kata menantu itulah yang Sultan kata. Pada ketika itu, sesiapa yang hendak bertemu dengan Abdul Kadir yakni menantu, seperti menghadap Sultan. Semuanya menyembah dan duduk menghadap dia. Tidak pernah dia berjalan kaki, hanya berkereta dan naik kuda siang dan malam. Segala semut, kerangga dan kutu yang ada dalam rongga kayu dan lubang tanah semuanya keluar menghurung gula yang tumpah.

Pembesar-pembesar istana pada waktu itu pernah mengadu kepada Sultan, "Apa gerangan, cakap menantu semua Tuanku ikut." Jawab Sultan "Dialah yang membantu saya untuk mentadbir dan menguruskan negeri. Apa salahnya saya mendengar pandangan daripada beliau".

Apa jadi kepada Sultan Husin Syah? Akhirnya dia menjadi seorang Raja yang sangat lemah. Inggeris menguasai dia. Suatu ketika, beberapa bulan Inggeris tak bayar gaji dia. Syarikat Hindia Timur Inggeris waktu itu tak bayar gaji dia. Gelisah Sultan. Dia tak mampu hidup dan bertahan sendiri. Pada ketika itu, kebetulan menantunya balik ke Melaka dan dia tak ada penasihat. Pentadbiran negara menjadi kucar-kacir."

Kalau contoh ini tak cukup untuk kita belajar daripada Sejarah Melayu, dalam buku, dalam sejarah Maharaja Rom pernah berlaku satu episod di mana maharaja yang memerintah juga tunduk kepada nasihat menantunya. Ekonomi negara kucar-kacir dan pentadbiran perjalanan negara juga kucar-kacir gara-gara maharaja ini mengikut telunjuk menantu. Rakyat bangun dan memberontak. Waktu itu tak ada pilihan raya. Pemberontakan rakyat itu berlaku secara bersenjata. Maharaja dijatuhkan dan kemudian dipaksa oleh rakyat menjadi petani tanam kubis. Ini sejarah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, apa kena-mengena cerita ini dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau nak sebut pun, sebutlah terang-terang. Balik Melakakah, Negeri Sembilan kah, Rembaukah. Sebutlah! Biar berani berterus-terang. Kalau itu yang dimaksudkan, sebab tak ada kena-mengena pun.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya sedang berbabas berkenaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan sejarah tak boleh tipu. Buku sejarah kita kena rujuk. Kalau dia kata balik Melaka, balik Melaka. Kalau kebetulan dia sebut balik Rembau, saya sebut balik Rembau... [Ketawa] Kalau dia balik Pasir Salak, saya sebut Pasir salak. Ini buku sejarah.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, memahami sejarah dalam kerangka kebudayaan dan warisan kita ini. Sebagai orang Islam, kita juga punya sejarah yang cukup kaya. Sejarah khalifah yang memerintah suatu ketika dulu. Khalifah al-Rasyidin juga, saya mengambil contoh misalnya Khalifah Umar al-Khattab. Integritinya dan wibawanya penuh dengan suri pengajaran dan teladan. Yang Berhormat Batu Pahat nampak senyum berminat dengan syarahan saya. Saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, satu ketika sedang Khalifah Umar menyampaikan khutbah dan pidatonya, tiba-tiba di kalangan rakyat ini bangun dan mempertikaikan dengan mengatakan, "Wahai khalayak ramai, jangan dengar dan jangan patuh apa kata khalifah". Sebab apa? Sebab pakaian Khalifah yang dipakai, rakyat cam. Pakaian itu rupanya hasil agihan harta rampasan perang. Rakyat juga yang mengikut itu dapat kain itu, tapi kain yang rakyat dapat ini tak cukup buat jubah, tak cukup buat baju. Bagaimana mungkin Khalifah Umar boleh lengkap satu baju. Apakah dia ambil lebih? Mendengar hujah itu maka Khalifah Umar meminta Abdullah, anaknya, memberi penjelasan. Anaknya berkata: "Bahagian kain yang aku dapat, aku bagi kepada bapa aku dan dengannya bapa aku lengkap buat sehelai baju". Mendengar penjelasan itu barulah lelaki tadi yang menyanggah itu duduk dan sekarang dengar dan patuh apa arahan Khalifah Umar.

Maknanya menegur pemimpin bukan satu perkara yang buruk. Tak ada ISA pun kena pada masa itu. Silakan, kemukakan teguran. Ini prinsip Khalifah. Dalam parti yang memerintah hari ini, menegur pemimpin satu dosa yang besar rupanya. Parti memerintah

negara kita hari ini, menegur dan cuba membetulkan pemimpin dianggap satu kesalahan besar dan ini merupakan petanda kepada kejatuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengajak untuk kita merenung bagaimana Khalifah yang sama, Umar Al-Khattab satu hari dia didatangi oleh rakyat bahawa, "Wahai Khalifah, bagaimana mungkin kami nak menghantar binatang ragut kami ke padang ragut, sedangkan ketika kami bawa binatang kami ke padang ragut, di sana sudah ada binatang peliharaan anak kamu". Umar lalu memanggil anaknya. "Apakah betul kamu telah membawa binatang kamu ke padang ragut awam?". Anaknya jawab "Benar". Khalifah kata "Sekarang juga aku perintahkan kamu jual binatang ternak ini, kamu ambil modalnya saja. Kalau untung, untung itu masuk dalam baitulmal. Aku tak mahu kerana kamu anak Khalifah, rakyat nanti ada satu tanggapan bahawa kamu mendapat keistimewaan".

Binatang ternak anak khalifah meragut di padang awam, Khalifah yang merupakan pemimpin besar ini tak boleh terima perbuatan anaknya. Apa lagi anak yang ambil kesempatan berniaga ketika dia menjadi Perdana Menteri. Sudah tentu pengajarannya cukup besar.

Di negara kita Tuan Yang di-Pertua, orang yang rapat dengan Perdana Menteri ini menguasai pelbagai sektor perniagaan. Satu ketika, membaiki seribu gerabak kereta api dapat kepada anak 'khalifah', Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu..

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mencilah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jam dah pukul 8 Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Satu soalan saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jam dah pukul 8, bermakna saya yang bercakap di depan sekarang. Yang Berhormat kena duduk dulu. Yang Berhormat, lagi panjangkah hujah sejarah dan kiasan yang Yang Berhormat nak buat itu?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang khalifah tu dah habis dah. Saya ada dua kementerian saja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Nak sambung lagi la ni. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jangka masa untuk berbahas petang ini telah tamat dan kita tangguhkan dahulu persidangan pada malam ini hingga jam 10 pagi esok. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.02 malam.